

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan soalan kajian serta kepentingan kajian. Pengkaji juga akan menyatakan batasan kajian dan skop kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa Cina adalah bahasa kaum Han yang merupakan populasi yang terbesar di negara China (Li, 2001). Pada tahun 1932, kerajaan pusat negara China telah memilih bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan dan semua pelajar di sekolah diwajibkan belajar bahasa Cina. Tindakan ini telah memudahkan komunikasi di antara kumpulan-kumpulan penutur bahasa dialek seperti Hokkien, Hailam, Teochew dan lain-lain. Kumpulan-kumpulan penutur bahasa dialek masih bebas untuk menggunakan bahasa sendiri di rumah atau dalam perbualan harian. Hanya apabila di sekolah atau dalam urusan rasmi, mereka diwajibkan untuk menggunakan bahasa Mandarin (Neo, 2011).

1.1.1 Bahasa dan Budaya

Bahasa merupakan alat yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi, mengajar, berbincang, menyampaikan idea dan pemikiran (Zaitul, 2004). Bahasa juga merupakan simbol budaya sesuatu masyarakat (Mo, 2000). Maya (2006) mengatakan bahawa budaya dicerminkan dalam bahasa yang digunakan dan tidak ada satu bahasa yang dapat digunakan tanpa budaya sebagai dasarnya. Semakin kaya budaya sesuatu masyarakat, kosa kata dan istilah yang dimiliki juga semakin banyak (Zaitul, 2004). Bahasa bukan sahaja memungkinkan transmisi budaya, malah pemikiran sesebuah masyarakat juga dapat dipancarkan (Puteri, 1994). Semua idea yang mewakili budaya sesuatu bangsa juga dapat dikembangkan dan diwarisi daripada generasi ke generasi (Zaitul, 2004).

Bahasa Mandarin merangkumi dua jenis bentuk iaitu bahasa pertuturan (yǔyán 语言) dan tulisan (wénzì 文字) (Neo, 2011). Bahasa Mandarin yang digolongkan dalam rumpun Bahasa Sino-Tibetan ialah dari tipologi bahasa bernada dan ia mempunyai 5 jenis nada yang berlainan (Fu, 2005). Penutur tidak boleh menaikkan atau merendahkan nada dengan sesuka hati apabila menuturkan bahasa Mandarin. Ini kerana terdapat banyak perkataan bahasa Mandarin yang mempunyai suku kata yang sama tetapi mempunyai maksud yang berlainan berdasarkan nadanya (Neo, 2011). Contohnya perkataan ‘ma’:

Jadual 1.1: Contoh Perubahan Makna Perkataan Berdasarkan Perubahan Nada

Nada	Maksud
ma	kata tanya ‘kah’
mā	ibu
má	kebas
mǎ	kuda
mà	marah

Tulisan Cina memainkan peranan penting dalam masyarakat Cina kerana ia berfungsi untuk mencatat dan memelihara budaya masyarakat Cina (Song, 2003). Struktur tulisan Cina sangat unik kerana ia merangkumi tiga aspek penting iaitu bentuk, bunyi dan makna (Lin, 2000). Keunikan ini membolehkan tulisan Cina menyampaikan mesej yang rumit dan abstrak berbanding dengan bahasa pertuturan yang hanya merangkumi aspek bunyi dan makna (Li, 2001). Bentuk tulisan Cina yang unik juga dapat mengelakkan kekeliruan di antara perkataan-perkataan yang sama bunyi (Lin, 2000).

Tulisan Cina adalah sejenis teks morfem dan ia berbeza dengan tulisan silabik yang dibentuk dengan menggabungkan abjad (Li, 2001). Tulisan Cina dibentuk berdasarkan penggabungan pelbagai 'stroke' dan bentuk tulisannya tidak berubah mengikut sebutan (Cheun, 1998). Berdasarkan kajian Jui (2012) dan Li (2001), tulisan Cina boleh dibahagikan kepada 6 kategori berdasarkan cara penciptaan sesuatu tulisan Cina. Kategori-kategori yang berkenaan ialah:

(A) Piktograf

Cara ini merupakan dasar penghasilan tulisan Cina iaitu melukis bentuk sebenar sesuatu objek untuk mewakili maksudnya. Akan tetapi, perkataan yang dihasilkan melalui cara ini hanya sebilangan kecil dari jumlah tulisan yang dicipta. Contohnya:

日 (rì) untuk 'matahari', 月 (yuè) untuk 'bulan' dan 木 (mù) yang bermaksud 'pokok' atau 'kayu'.

(B) Ideografik

Tulisan Cina jenis ini dihasilkan dengan menambahkan simbol ke atas tulisan piktograf untuk membawa maksud yang baru atau menggambarkan konsep abstrak secara langsung. Contohnya: 一 (yī) untuk ‘satu’, 二 (èr) untuk ‘dua’ dan 三 (sān) untuk ‘tiga’.

(C) Agregat logik

Cara penciptaan tulisan jenis ini ialah menggabungkan dua atau lebih tulisan piktograf untuk menghasilkan perkataan baru yang berfungsi untuk mewakili maksud yang abstrak. Contohnya: Penggabungan 日 (rì) ‘matahari’ dan 月 (yuè) ‘bulan’ akan menghasilkan perkataan 明 (míng) yang bermaksud terang. Selain itu, menggabungkan dua perkataan 木 (mù) yang bermaksud ‘pokok’ akan menjadi 林 (lín) yang bermaksud ‘hutan’.

(D) Fonetik kompleks

Menurut kajian Cheun (1998) dan Jui (2012), tulisan Cina jenis ini mewakili kumpulan tulisan Cina yang terbesar. Tulisan Cina yang dihasilkan berdasarkan cara ini biasanya mempunyai dua bahagian iaitu elemen fonetik yang menunjukkan cara perkataan itu disebut dan elemen semantik yang mewakili makna. Contohnya: 海 (hǎi) ‘laut’, 湖 (hú) ‘tasik’ dan 河 (hé) ‘sungai’. Ketiga-tiga perkataan ini mempunyai radikal yang sama iaitu ‘氵’ di sebelah kirinya.

Radikal adalah akar kepada tulisan Cina kerana ia berfungsi untuk menerangkan perkara atau kelakuan yang berkaitan dengan maksud sesuatu tulisan Cina (Li, 2001). Contohnya tulisan Cina yang mempunyai radikal ‘ 氵 ’ berkaitan dengan air. Ini kerana radikal ‘ 氵 ’ ialah piktograf ‘air’ yang telah dipermudahkan.

(E) Simbol taksiran bersama

Merupakan kategori yang paling jarang dijumpa. Perkataan-perkataan dalam kumpulan ini asalnya mempunyai maksud yang sama tetapi telah bercabang setelah melalui perubahan semantik. Contohnya: 考 (kǎo) dan 老(lǎo) yang maksud asalnya ialah ‘orang tua’ telah berubah menjadi 考 (kǎo) iaitu ‘ujian’ dan 老(lǎo) menunjukkan ‘tua’.

(F) Huruf fonetik pinjaman

Perkataan jenis ini merupakan perkataan yang dipinjam untuk mewakili perkataan lain yang tidak sama maksudnya tetapi mempunyai sebutan yang sama. Ada sesetengah perkataan yang maksud lamanya tidak digunakan lagi tetapi telah digunakan untuk menunjukkan maksud yang baru. Contohnya: 自 (zì) yang maksud lamanya sebagai ‘hidung’ telah dilupakan dan digunakan untuk mewakili maksud yang baru iaitu ‘sendiri’. 万 (wàn) yang maksud asalnya merujuk kepada ‘kala jengking’ telah bertukar maksudnya menjadi ‘puluh ribu’.

Sejak dahulu lagi masyarakat Cina menghadapi masalah berkomunikasi kerana mempunyai pelbagai kumpulan bahasa dialek yang berbeza (Song, 2003). Menurut kajian

Neo (2011), dialek yang dituturkan oleh masyarakat Cina boleh dikategorikan kepada 8 kumpulan berdasarkan loghat iaitu bahasa Cina, Kantonis, Hokkien, Hakka dan lain-lain. Demi merapatkan jurang di antara kumpulan bahasa dialek yang berlainan dan mengatasi masalah berkomunikasi, bahasa Cina telah dipilih sebagai bahasa pertuturan harian yang membolehkan pelbagai kumpulan dialek berkomunikasi (Lin, 2000). Selain di negara China, bahasa Cina juga digunakan oleh masyarakat Cina yang berhijrah ke Malaysia, Singapura, Thailand dan lain-lain (Li, 2001). Masalah komunikasi yang disebabkan oleh kepelbagaian dialek ini sangat ketara dalam penggunaan simpulan bahasa Cina dan faktor ini telah mencetuskan keperluan untuk kajian ini.

Simpulan bahasa Cina adalah satu cabang bahasa Cina yang unik dan mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan budaya masyarakat Cina (Mo, 2000). Simpulan bahasa Cina mengandungi ringkasan kehidupan manusia sejak zaman dahulu lagi sehingga sekarang (Lin, 2000). Melalui simpulan bahasa Cina, peristiwa sejarah, pengalaman, adat resam dan corak kehidupan sesuatu masyarakat dapat dikaji (Tan, 2010). Kebijakan masyarakat seperti pengetahuan tentang pengukuran, perniagaan, hukuman, agama dan sastera juga diringkaskan ke dalam simpulan bahasa Cina (Zhang, 2003).

1.1.2 Definasi Simpulan Bahasa

Kebanyakan bahasa di dunia mempunyai simpulan bahasa sendiri dan makna bagi setiap simpulan bahasa adalah berlainan bergantung pada pandangan dunia dan budaya setiap bahasa. Menurut definasi yang diberi oleh kamus Oxford (2004), simpulan bahasa ialah frasa atau ayat yang maknanya tidak jelas dilihat dari makna satu-satu katanya dan yang mesti dipelajari sebagai satu kesatuan. Boyce (2009) pula mendefinisikan simpulan

bahasa Inggeris sebagai bukan literal, maknanya tidak boleh diperolehi dengan hanya mentafsir perkataan konstituen individunya, terdiri daripada perkataan berbilang serta mempunyai struktur yang tetap.

Manakala simpulan bahasa Melayu diberi takrif dalam Kamus Dewan (2010) sebagai “ungkapan yang terdiri daripada dua perkataan atau lebih dan mempunyai makna yang berlainan daripada erti perkataan-perkataan yang membentuknya”. Mohamad (2006) mengatakan bahawa “simpulan bahasa merupakan ungkapan yang tersimpul dalam susunan yang khas dan membawa maksud yang khusus dan berlainan daripada maksud asalnya”.

Simpulan bahasa Cina dikenali sebagai ‘成语’ (chéng yǔ). Menurut kamus bahasa Cina 现代汉语词典 (2012) (Xiàndài Hànyǔ Cídiǎn), simpulan bahasa Cina merupakan ayat pendek yang digunakan sepanjang masa dan telah menjadi satu kebiasaan. An (2006) mendefinisikan simpulan bahasa Cina sebagai frasa tetap, pendek dan padat maknanya. Berbanding dengan bahasa kiasan lain yang merupakan bahasa lisan, simpulan bahasa lebih cenderung kepada bahasa bertulis. Selain itu, simpulan bahasa Cina juga merupakan ayat pendek yang mempunyai makna yang berlapis. Ini bermakna pembaca tidak boleh menentukan maknanya berdasarkan permukaan perkataan (Wang, 2003).

Simpulan bahasa Cina juga mempunyai kombinasi yang berbeza berdasarkan bilangan perkataan yang digunakannya. Simpulan bahasa Cina yang paling ringkas terdiri daripada 3 patah perkataan, manakala simpulan bahasa Cina yang paling panjang boleh mencapai 12 patah perkataan (Zhang, 2007). Di antara semua kategori ini, simpulan bahasa Cina 4 perkataan mempunyai bilangan yang paling banyak secara keseluruhannya (Jia, 2004).

Daripada kajian An (2006), di antara 5446 simpulan bahasa Cina yang dikaji, terdapat 5077 simpulan bahasa Cina yang berbentuk 4 perkataan atau 93.22 % dari keseluruhannya.

Simpulan bahasa Cina juga mementingkan struktur yang kemas dan seimbang serta keharmonian bunyi apabila digunakan. Dari segi struktur, simpulan bahasa Cina mempunyai struktur yang mantap dan stabil. Ini kerana perkataan yang digunakan dalam sesuatu simpulan bahasa Cina mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain (Lin, 2000). Susunan dan bilangan perkataan dalam simpulan bahasa Cina tidak boleh diubah dengan sesuka hati atau menggantikan sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain maknanya (Han, 2009). Semua ini akan mengubah maksud asal sesuatu simpulan bahasa Cina. Jika hendak mengubah, ia akan dihadkan dari segi bunyi, makna, tatabahasa dan lain-lain (An, 2006).

Dari segi bunyi, simpulan bahasa Cina kaya dengan irama. Seperti yang disebut pada awal bab ini, bahasa Cina adalah sejenis bahasa yang bernada (Neo, 2011). Apabila ia dituturkan, nada bunyinya mempunyai perubahan yang jelas dan menarik (Lin, 2000). Perkataan yang dipilih dan susunannya dalam simpulan bahasa Cina mementingkan persilangan nada tinggi dan rendah. Ini bukan sahaja menjadikan simpulan bahasa Cina berirama dan sedap didengar ketika membacanya, malah ia juga senang diingati (Mo, 2000). Ciri-ciri di atas yang unik ini menjadikan simpulan bahasa Cina berbeza dengan peribahasa, bidalan dan kiasan dalam bahasa Cina. Contoh- contoh yang ditunjukkan dalam kajian An (2006) adalah seperti berikut:

Simpulan bahasa Cina	唇亡齿寒 (chún wáng chǐ hán)
Perubahan nada	chún: ↗ wáng: ↗ chǐ: ↘↗ hán: ↗
Terjemahan	唇: bibir 亡: mati 齿: gigi 寒: sejuk
Makna	seperti aur dengan tebing

Simpulan bahasa Cina	骑虎难下 (qí hǔ nán xià)
Perubahan nada	qí: ↗ hǔ: ↘↗ nán: ↗ xià: ↘
Terjemahan	骑: menunggang 虎: harimau 难: susah 下: turun
Makna	dalam dilema atau tidak dapat mengundurkan diri

Contoh-contoh di atas menunjukkan keindahan simpulan bahasa Cina hasil dari kepelbagaian nada dalam bahasa tersebut.

1.1.3 Asal Usul Simpulan Bahasa Cina

Han (2009) dan Wang (2008) telah merumuskan bahawa asal usul simpulan bahasa Cina boleh dibahagikan kepada 2 sumber yang umum iaitu dokumen bertulis dan pertuturan harian di kalangan rakyat. Jia (2004) juga membahagikan simpulan bahasa Cina kepada 2 kategori iaitu simpulan bahasa Cina bertulis dan bertutur. Simpulan bahasa Cina bertulis berasal dari kesusasteraan kuno yang merangkumi peristiwa sejarah, kitab agama Buddha, puisi dan cerita mitos. Simpulan bahasa Cina bertutur ialah simpulan bahasa yang dicipta oleh rakyat jelata dalam kehidupan harian.

Mo (2000) dan Lin (2000) mengatakan bahawa simpulan bahasa Cina berasal dari karya sastra, mitos, peristiwa sejarah dan adat resam. Selain itu, Zhang (2003) juga setuju bahawa simpulan bahasa Cina berasal dari sumber-sumber yang dinyatakan di atas. Berdasarkan kajian-kajian yang berkenaan, sumber yang menghasilkan simpulan bahasa Cina boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

(A) Manuskrip

Manuskrip merangkumi semua jenis sumber yang dicatat atau diwarisi melalui penulisan. Ia merangkumi mitos, cerita ibarat, peristiwa sejarah dan sebagainya. Simpulan bahasa Cina yang berasal daripada mitos dan fabel mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Cina dan bertujuan untuk menyampaikan sesuatu mesej atau pengajaran melalui cerita mitos atau fabel yang dapat menarik perhatian pendengar (Mo, 2000).

Simpulan bahasa Cina yang berasal daripada sejarah mengandungi ringkasan sesuatu peristiwa sejarah atau tingkah laku orang zaman dahulu (Liu, 1995). Dengan kata lain, simpulan bahasa Cina jenis ini bertujuan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat. Pembaca juga boleh mendapat galakan ketika melakukan sesuatu perkara atau perbuatan. Contoh simpulan bahasa Cina yang berasal dari manuskrip ialah:

Simpulan bahasa Cina	守株待兔 (shǒu zhū dài tù)
Asal- usul	Cerita ibarat
Terjemahan	守 :menjaga; 株 :pokok; 待 :menunggu; 兔 :arnab
Makna	ingin mendapatkan sesuatu tanpa berusaha

(B) Agama

Agama sebagai kepercayaan manusia mempunyai pengaruh yang luas dan merentasi zaman dan ia juga merupakan sumber kelahiran simpulan bahasa Cina. Agama Buddha yang berkembang di kalangan masyarakat Cina telah menyebabkan banyak

perkataan daripada kitab agama Buddha diserap ke dalam sistem perkataan Cina lalu menyebabkan wujudnya simpulan bahasa Cina yang berunsur agama Buddha (Lin, 2000).

Jia (2004) menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 200 patah simpulan bahasa Cina yang berasal daripada agama Buddha. Perkataan- perkataan yang berunsur agama ini dipetik daripada kitab agama, kata-kata sami dan ajaran Buddha. Simpulan bahasa Cina jenis ini bertujuan untuk menasihati dan memupuk nilai murni di kalangan masyarakat (Lin, 2000). Contoh simpulan bahasa Cina yang berunsur agama Buddha ialah:

Simpulan bahasa Cina	因果报应 (yīn guǒ bào yìng)
Asal-usul	Kitab agama Buddha
Terjemahan	因果: sebab dan akibat ; 报应: balasan yang sewajarnya
Makna	menunjukkan manusia akan mendapat hukuman atau balasan yang sewajarnya berdasarkan apa yang dilakukannya.

(C) Karya sastera

Karya sastera dan ungkapan yang dihasilkan oleh orang bijaksana juga merupakan salah satu sumber penting yang menghasilkan simpulan bahasa Cina. Ayat-ayat yang indah dalam karya sastera selalu dicatit dan dijadikan simpulan bahasa Cina (Mo, 2000). Di kalangan simpulan bahasa Cina, banyak yang berasal dari ayat yang paling indah atau paling bermakna dalam himpunan puisi atau sajak dari pelbagai zaman dalam masyarakat Cina. Ada sesetengah simpulan bahasa Cina juga dihasilkan berdasarkan ayat-ayat dalam buku ajaran Taoisme, Konfusianis, Mencius dan ahli falsafah lain yang terkenal di negara Cina (Xiao, 2009). Contohnya:

Simpulan bahasa Cina	世外桃源 (shì wài táo yuán)
Asal-usul	Karya sastra Tao Yuanming
Terjemahan	世: dunia; 外: luar; 桃: pic; 源: asal-usul
Makna	merujuk kepada satu tempat yang ideal dan tenteram.

(D) Kehidupan rakyat jelata

Simpulan bahasa dihasilkan oleh rakyat jelata menunjukkan pengalaman rakyat dalam kehidupan harian dan diwarisi secara lisan (Jia, 2004). Simpul bahasa Cina jenis ini mencerminkan kebijaksanaan, pengalaman hidup dan pemerhatian masyarakat Cina terhadap persekitarannya. Pembaca juga boleh mempelajari pengetahuan tentang politik, sains, undang-undang, sistem ukuran, sistem kewangan dan sebagainya (Zhang, 2003). Semua ini merupakan rumusan pengetahuan masyarakat Cina dari generasi ke generasi. Jika generasi muda dapat menguasai simpulan bahasa Cina dengan baik, ia akan memberi faedah yang tidak ternilai kepada kehidupan mereka. Contohnya:

Simpulan bahasa Cina	众志成城 (zhòng zhì chéng chéng)
Asal-usul	Rakyat jelata
Terjemahan	众: orang ramai; 志: azam; 成: jadi; 城: bandar
Makna	perpaduan akan membawa kuasa yang sangat kuat.

1.1.4 Lambang simpulan bahasa Cina

Perkataan yang digunakan oleh simpulan bahasa Cina mengandungi banyak lambang yang diambil daripada persekitaran manusia. Berdasarkan kajian Wang (2003) dan Mo (2000), lambang simpulan bahasa Cina termasuk alam semula jadi, tumbuh-tumbuhan, binatang, pakaian, warna, tempat tinggal, alat memasak, kenderaan dan alat

tentera. Lambang-lambang yang dipilih ini kemudian digunakan untuk mengibaratkan atau menggambarkan kelakuan manusia. Contohnya:

Jadual 1.2: Contoh Lambang Dalam Simpulan Bahasa Cina

Jenis Lambang	Contoh	Maksud
Tumbuhan	Buluh	watak manusia yang mulia, jujur dan setia
Alat memasak	Tripod	hebat, besar
Pakaian	Sutera	perkara yang baik atau masa depan yang cemerlang
Warna	Merah	bertuah
Binatang	Lembu	bekerja keras, praktikal

Keadaan seumpama ini membolehkan manusia yang membaca mudah memahami makna simpulan bahasa berdasarkan pengetahuan yang sedia ada. Lin (2000) mengatakan bahawa penggunaan kiasan, unsur menyifatkan dan menghuraikan dalam simpulan bahasa Cina untuk menyampaikan sesuatu imej atau gambaran membolehkan pembaca mengaitkan gambaran tersebut dengan kelakuan manusia. Dengan ini, tanpa memberi penjelasan yang meleret-leret, sesuatu mesej dapat diterima dan difahami dengan lebih mudah dan tepat.

1.1.5 Fungsi simpulan bahasa Cina dalam masyarakat Cina

Penghasilan dan perkembangan simpulan bahasa Cina mempunyai hubungan yang rapat dengan latar belakang budaya masyarakat Cina (Liu, 1995). Simpulan bahasa Cina mengandungi unsur budaya yang cukup mendalam sehingga merangkumi pelbagai aspek dalam budaya masyarakat Cina seperti sejarah, seni, agama, adat resam, ketenteraan dan sebagainya (Tan, 2010). Menurut kata Yang (2004), setiap lambang atau unsur yang digunakan dalam Simpulan bahasa Cina bukan sahaja menggambarkan budaya masyarakat Cina malah ia juga dapat membantu penggunaannya memahami pelbagai aspek dalam budaya

masyarakat Cina. Jadi, fungsi- fungsi budaya simpulan bahasa Cina dalam masyarakat Cina boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

(A) Menggambarkan latar belakang sejarah masyarakat Cina

Salah satu fungsi simpulan bahasa Cina ialah menggambarkan sejarah masyarakat Cina (Lin, 2000). Ini kerana kebanyakan peristiwa sejarah atau kejadian yang berlaku pada sesuatu zaman telah diringkaskan ke dalam simpulan bahasa Cina yang dihasilkan pada zaman yang sama (Liu, 1995). Contohnya:

Contoh (1):

Simpulan bahasa Cina	秦晋之好 qín jìn zhī hǎo
Terjemahan	秦: negara Qin 晋: negara Jin 之好: pakatan
Makna	pakatan perkahwinan

Simpulan bahasa Cina dalam contoh (1) menceritakan bahawa Negara Qin dan negara Jin adalah dua negara yang kuat dan selalu menyerang antara satu sama lain kerana perebutan kuasa. Demi mengawal dan mendapat faedah daripada satu sama lain, pentadbir negara Qin dan negara Jin telah membentuk pakatan perkahwinan antara anak mereka (Zhang, 2012).

Contoh (2):

Simpulan bahasa Cina	卧薪尝胆 wò xīn cháng dǎn
Terjemahan	卧: baring 薪: kayu api 尝: menjamah 胆: hempedu
Makna	mempunyai semangat yang tinggi untuk mencapai cita-cita

Kaijian Liu (1995) menunjukkan simpulan bahasa Cina contoh (2) dicipta berdasarkan catatan sejarah tentang pengalaman Gou Jian dijadikan tawanan peperangan. Gou Jian ialah raja negara Yue tetapi telah ditawan dan diseksa oleh negara Wu selama 3 tahun. Walaupun Gou Jian mengalami keadaan yang susah, tetapi beliau masih sabar dan tidak pernah berputus asa. Selepas dilepaskan oleh pemerintah negara Wu, Gou Jian bertekad untuk membalas dendam. Dalam proses melatih pasukan tentera baru, Gou Jian tidur di atas timbunan kayu api dan menjamah hempedu untuk merangsangkan semangat perjuangannya. Akhirnya Gou Jian Berjaya menewaskan negara Wu.

Contoh (3):

Simpulan bahasa Cina	破釜沉舟 pò fǔ chén zhōu
Terjemahan	破: pecahkan 釜: periuk 沉: tenggelam 舟: kapal
Makna	bertekad untuk berjuang sehingga akhir

Simpulan bahasa Cina dalam contoh (3) berasal daripada peperangan antara jeneral yang bernama Xiang Yu dengan askar Maharaja Qin. Selepas menyeberangi sungai dan masuk ke dalam zon peperangan, Xiang Yu telah memecahkan semua alat memasak dan memusnahkan kapal milik angkatan tentera. Perbuatan Xiang Yu ini adalah bertujuan untuk menyampaikan mesej kepada askarnya bahawa mereka tiada jalan balik kecuali memenangi peperangan ini. Semangat askar Xiang Yu berjaya ditingkatkan dan akhirnya menang dalam peperangan (Chengyu Cidian, 2007).

(B) Memberi ajaran atau sindiran

Simpulan bahasa Cina juga berfungsi untuk memberi ajaran atau sindiran (Wang, 2003). Simpulan bahasa jenis ini biasanya mempunyai unsur cerita ibarat. Melalui gambaran menarik yang dibentuk oleh cerita ibarat, sesuatu ajaran atau sindiran dapat disampaikan kepada penggunanya (Mo, 1997). Contoh simpulan bahasa Cina adalah seperti berikut:

Contoh (1):

Simpulan bahasa Cina	拔苗助长 bá miáo zhù zhǎng
Terjemahan	拔: mencabut 苗: tunas 助: membantu 长: membesar
Makna	tindakan yang tergesa-gesa dan melampau batas

Simpulan bahasa Cina contoh (1) berasal daripada cerita seorang petani yang mencabut tunas padi di sawahnya supaya kelihatan lebih tinggi dan tumbuh dengan cepat, tetapi akhirnya semua tunas telah mati kerana akarnya telah dipatahkan. Ajaran yang ingin disampaikan ialah manusia harus melakukan sesuatu perkara dengan penuh kesabaran (Lin, 2000).

Contoh (2):

Simpulan bahasa Cina	画蛇添足 huà shé tiān zú
Terjemahan	画: lukis 蛇: ular 添: tambah 足: kaki
Makna	merosakkan kesan dengan menambah sesuatu; berlebihan

Simpulan bahasa Cina dalam contoh (2) digunakan untuk menyindir orang yang suka membuat tindakan yang berlebihan. Ia berasal daripada cerita tentang dua orang yang ingin merebut sebotol arak. Demi memiliki arak tersebut, mereka pun mencadangkan orang yang paling cepat siap melukis gambar seekor ular sebagai pemenang dan boleh minum semua arak dalam botol. Salah seorang daripada mereka telah siap melukis gambar ular itu dan mula menikmati arak dalam botol itu. Akan tetapi, orang tersebut rasa ularnya tidak cukup baik dan mula tambah kaki ke atas badan ular. Akibatnya, orang kedua tersebut mengatakan ular tidak patut ada kaki dan merampas botol arak yang dipegangnya (Chengyu Cidian, 2007).

Contoh (3):

Simpulan bahasa Cina	刻舟求剑 kè zhōu qiú jiàn
Terjemahan	刻: ukir 舟: perahu 求: mencari 剑: pedang
Makna	keras kepala; cara yang salah

Simpulan bahasa Cina contoh (3) menceritakan seorang rakyat negara Chu menaiki perahu untuk menyeberangi sungai Changjiang. Apabila perahu sampai ke tengah sungai Changjiang, orang ini telah menjatuhkan pedangnya ke dalam sungai. Akan tetapi dia tidak menyuruh pendayung sampan untuk berhenti sebaliknya mengukir satu tanda di bahagian tepi perahu. Setelah sampai ke jeti, barulah orang ini terjun ke dalam air sungai untuk mencari pedangnya. Cerita ini digunakan untuk menyindir orang yang keras kepala atau tidak perasan perubahan telah berlaku disekelilingnya (Wang, 2003).

(C) Menggambarkan corak fikiran dan kehidupan masyarakat Cina

Melalui simpulan bahasa Cina, pembaca dapat gambaran yang jelas tentang corak fikiran masyarakat Cina (Yang, 2004). Contohnya naga dipuja oleh masyarakat Cina dan dijadikan lambang yang positif seperti berbakat, berjaya dan bersemangat (Lin, 2000). Manakala anjing ialah lambang yang dikaitkan dengan unsur negatif seperti hina, tamak dan pembuli (Tengku, 2008). Contoh simpulan bahasa Cina yang berkaitan adalah:

Simpulan bahasa Cina	生龙活虎 shēng lóng huó hǔ
Terjemahan	生:hidup 龙:naga 活:hidup 虎:harimau
Makna	cerdas dan bersemangat

Simpulan bahasa Cina	狼心狗肺 láng xīn gǒu fèi
Terjemahan	狼:serigala 心:hati 狗:anjing 肺:paru-paru
Makna	tidak mengenang budi

Selain itu, simpulan bahasa Cina juga menggambarkan konsep kolektif masyarakat Cina pada zaman dahulu. Contohnya simpulan bahasa Cina:

Simpulan bahasa Cina	齐心协力 qí xīn xié lì
Terjemahan	齐心:bersatu padu 协力:bersatu tenaga
Makna	bersatu padu

Masyarakat Cina zaman dahulu dipengaruhi oleh Ajaran Confucian dengan mendalam dan ideanya luas digunakan dalam kehidupan harian. Confucian mengutamakan

idea kolektif dan ia telah digambarkan melalui corak kehidupan masyarakat Cina yang mementingkan perpaduan, harmoni dan rasa masyarakat (Lin, 2000).

(D) Pengetahuan

Simpulan bahasa Cina juga menonjolkan kebijaksanaan masyarakat Cina pada zaman dahulu. Contoh (1) ialah simpulan bahasa Cina yang menunjukkan pengetahuan pengukuran.

Contoh (1):

Simpulan bahasa Cina	半斤八两 bàn jīn bā liǎng
Terjemahan	半: setengah 斤: kati 八: lapan 两: auns
Makna	lebih kurang sama

Menurut Mo (2001), ‘kati’ ialah unit ukuran berat yang paling awal digunakan di negara China. Pada zaman dahulu, ‘kati’ atau ‘jīn’ merujuk kepada kapak. Peniaga pada zaman itu selalu menggunakan berat kapak sebagai unit ukuran untuk mengukur berat sesuatu barang yang hendak dijual atau beli.

Selain itu, simpulan bahasa Cina juga menunjukkan kemajuan teknik penenunan masyarakat Cina pada zaman dahulu. Menurut Zheng (2002), negara China adalah negara yang paling awal memelihara ulat sutera dan menghasilkan kain sutera. Masyarakat Cina pada zaman dahulu bukan hanya setakat menguasai teknik menenun kain sutera sahaja, manakala teknik yang lebih handal iaitu menyulam bunga atau corak di atas kain sutera

turut dikuasai. Contoh (2) ialah simpulan bahasa Cina yang menunjukkan proses kemajuan teknik penenunan masyarakat Cina.

Contoh (2):

Simpulan bahasa Cina	锦上添花 jǐn shàng tiān huā
Terjemahan	锦: kain sutera 上: atas 添: menambah 花: bunga
Makna	perkara baik yang berterusan

Kemajuan biologi dan perubatan veterinar pada zaman dahulu pula ditunjukkan melalui simpulan bahasa Cina di bawah.

Contoh (3):

Simpulan bahasa Cina	伯乐相马 bó lè xiàng mǎ
Terjemahan	伯乐: nama pakar kuda 相: menilai 马: kuda
Makna	orang yang handal dalam mencungkil bakat

Simpulan bahasa Cina contoh (3) merujuk seorang pakar kuda pada Dinasti Qin yang handal dalam memilih kuda yang baik. Pakar kuda pada zaman dahulu telah memperoleh sedikit sebanyak pengetahuan menilai kuda melalui pengalaman memelihara kuda. Mereka menilai prestasi atau kualiti kuda berdasarkan rupa bentuk atau struktur badan seperti gigi, tulang, otot, warna kulit dan sebagainya. Semua teknik ini adalah dasar kepada pengetahuan veterinar pada zaman ini (Dai, 2003).

(E) Adat resam

Penggunaan Simpulan bahasa Cina dikaitkan juga dengan adat resam masyarakat Cina pada zaman yang berkenaan. Zheng (2002) mengatakan bahawa masyarakat Cina amat mementingkan adat resam. Seseorang insan dari kelas sosial, jantina dan umur yang berbeza perlu mematuhi sistem etika dan adat resam yang telah ditetapkan. Kebanyakan adat resam tradisional masih digalakkan dan diamalkan pada zaman kini (Feng, 2002).

Contoh (1):

Simpulan bahasa Cina	明媒正娶 míng méi zhèng qǔ
Terjemahan	明: sah 媒: telangkai 正: rasmi 娶: mengahwini
Makna	perkahwinan rasmi

Contoh (1) menunjukkan perkahwinan pada zaman feudal perlu melalui proses atau mematuhi adat yang telah ditetapkan. Antaranya ialah ibu bapa pihak lelaki akan memilih jodoh yang mempunyai status sosial yang sepadan dengan anak mereka. Selepas itu, telangkai atau orang tengah akan dihantar ke rumah pihak perempuan untuk meminang. Pasangan pengantin akan bertunang dan menghantar mas kahwin. Akhirnya ialah menjalankan upacara perkahwinan yang rasmi. Pasangan yang berkahwin tanpa mematuhi arahan ibu bapa atau tanpa menjalankan upacara perkahwinan rasmi serta berasal dari status sosial yang berlainan akan dikutuk oleh masyarakat (Mo, 2001).

Contoh (2):

Simpulan bahasa Cina	宾至如归 bīn zhì rú guī
Terjemahan	宾: tetamu 至: datang 如: bagai 归: balik
Makna	mendapat layanan mesra

Simpulan bahasa Cina dalam contoh (2) mencerminkan masyarakat Cina amat mementingkan adat melayan tetamu (Zhang, 2012). Tuan rumah mesti menyambut tetamu mereka dengan senyuman yang mesra serta memberi layanan yang teliti dan rapi. Apabila tetamu ingin minta diri, tuan rumah juga perlu menghantar mereka keluar pintu besar rumah dan tunggu sehingga tetamu naik kereta barulah tuan rumah boleh masuk semula ke rumah.

Contoh (3):

Simpulan bahasa Cina	入土为安 rù tǔ wéi ān
Terjemahan	入土: dikembumikan 为安: untuk keamanan
Makna	dikembumikan untuk keamanan

Contoh (3) ialah simpulan bahasa Cina yang menunjukkan bahawa adat perkuburan merupakan satu adat yang sangat penting untuk masyarakat Cina pada zaman dahulu. Masyarakat Cina percaya bahawa tanah adalah asas kepada semua kehidupan di dunia. Manusia yang telah meninggal dunia patut kembali ke asasnya iaitu dikuburkan ke dalam tanah, barulah rohnya boleh rehat dalam keadaan aman (Mo, 2001).

Kesimpulannya simpulan bahasa Cina dapat menggambarkan kehidupan masyarakat dan budaya Cina melalui fungsinya yang pelbagai seperti adat resam, pengetahuan dan sejarah kehidupan masyarakat Cina.

1.2 Pernyataan masalah

Pada zaman kini, simpulan bahasa Cina bukan sahaja digunakan dalam pertuturan harian, malah ia juga dijadikan sebagai salah satu cabang subjek bahasa Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Malaysia. Ini disebabkan simpulan bahasa Cina wujud bersama dengan masyarakat Cina sejak zaman dahulu lagi dan ia digunakan dengan meluas dalam kehidupan harian mereka khususnya dalam masyarakat dahulu (Wang, 2008).

Tambahan pula, simpulan bahasa Cina dapat menyampaikan mesej yang padat dengan menggunakan beberapa patah perkataan sahaja (Liu, 2005). An (2006) juga mengatakan simpulan bahasa Cina dapat menyampaikan mesej yang kompleks dan mendalam melalui 4 patah perkataan. Kajian Mo (2001) membuktikan simpulan bahasa Cina dapat memberi gambaran yang jelas melalui perkataan yang digunakan dalam sesuatu simpulan bahasa Cina.

Bunyi yang dihasilkan juga indah serta mengandungi makna yang dapat memberi kesan yang mendalam kepada pendengar (Zhang, 2007). Kata-kata ini digunakan sebagai perbandingan, teladan dan pengajaran. Jika pelajar dapat mempelajari dan menguasai simpulan bahasa Cina dengan baik, mereka secara langsung dapat meningkatkan tahap penguasaan tatabahasa dan juga memahami serta lebih mendalami budaya masyarakat Cina (Wang, 2008). Selain itu, pelajar juga mendapat pengajaran dan mempelajari kebijaksanaan masyarakat zaman dahulu yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina seperti unit ukuran, tentera dan perubatan (Zhang, 2003).

Seperti yang dinyatakan di atas, para pelajar yang belajar di SRJK(C) bukan sahaja mempelajari simpulan bahasa Cina dalam kelas bahasa Mandarin, pelajar juga akan diuji penguasaan mereka terhadap simpulan bahasa Cina dalam peperiksaan. Akan tetapi, kajian yang dijalankan oleh Xiang (2000) menunjukkan bahawa pelajar melakukan pelbagai kesilapan apabila menjawab soalan yang berkaitan dengan simpulan bahasa Cina. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bukan sahaja mempengaruhi keputusan peperiksaan malah juga akan mengelirukan pelajar jika tidak dibetulkan dengan segera. Jika masalah ini tidak diatasi, generasi yang akan datang mungkin tidak menyedari tentang kesilapan ini dan akan menganggap ia sebahagian dari penggunaan simpulan bahasa Cina yang betul.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah seperti yang telah dinyatakan, kajian ini dilakukan untuk:

1. Mengenalpasti jenis-jenis kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina.
2. Mengenalpasti strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran simpulan bahasa Cina.
3. Mengkaji adakah kaitan di antara strategi pembelajaran dengan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

1.4 Soalan Kajian

Bagi memenuhi objektif-objektif di atas, tiga soalan kajian telah dihasilkan , iaitu:

1. Apakah jenis-jenis kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina?
2. Apakah jenis strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar tahun enam?

1.5 Kepentingan Kajian

Simpulan bahasa Cina memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat atau mesej kerana ia dapat memberi gambaran yang jelas melalui pemaparan imej yang dimaklumkan. Di sekolah rendah, simpulan bahasa Cina juga telah dimasukkan ke dalam silabus pengajaran Bahasa Cina di mana para pelajar akan mula mempelajari simpulan bahasa Cina pada tahun empat (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Cina).

Akan tetapi, generasi muda zaman kini hanya menerima apa yang dinyatakan dalam kamus atau diajar oleh guru dan tidak faham atau tidak dapat menghayati makna tersirat, keindahan bahasa dan budaya masyarakat Cina yang terdapat dalam simpulan bahasa Cina (Liu, 2005). Ini akan menyebabkan generasi muda Cina semakin tidak berminat dan

akhirnya mengabaikan penggunaan simpulan bahasa Cina. Akibatnya, kekeliruan dan salah tafsir akan berlaku ketika pelajar menggunakan simpulan bahasa Cina.

Menyedari hakikat ini, kajian seperti ini diharapkan dapat membantu para pelajar mengenal pasti masalah-masalah yang mempengaruhi pembelajaran dan penguasaan simpulan bahasa Cina supaya masalah kekeliruan dan salah tafsir dapat dikurangkan. Selain itu, pengkaji juga berharap analisis kajian ini dapat memberi penjelasan yang lebih mendalam tentang jenis-jenis kesalahan simpulan bahasa Cina yang sering dilakukan oleh pelajar tahun enam kepada guru yang mengajar simpulan bahasa Cina. Dengan ini, para guru boleh merangka satu cara yang berkesan dalam membimbing para pelajar memilih dan menggunakan strategi pembelajaran yang berkesan dalam usaha mempelajari dan menguasai simpulan bahasa Cina dengan baik.

1.6 Batasan Kajian

Memandangkan simpulan bahasa Cina secara keseluruhannya adalah sangat luas berdasarkan bilangan perkataannya, data untuk kajian ini hanya tertumpu kepada simpulan bahasa Cina yang terdiri daripada 4 perkataan dalam silabus bahasa Cina di sekolah rendah sahaja. Berdasarkan silabus sekolah rendah, pelajar mula mempelajari simpulan bahasa Cina pada tahun empat dan setiap tahun sebanyak 80 simpulan bahasa dipelajari. Dalam kajian ini, pelajar tahun enam dipilih sebagai responden kajian. Jadi, bilangan simpulan bahasa Cina yang digunakan dalam kajian ini hanya terhad kepada 240 simpulan bahasa Cina yang terdapat di dalam silabus bahasa Cina yang digunakan oleh sekolah rendah jenis kebangsaan Cina iaitu SRJK (C).

Selain daripada itu, pengkaji hanya memilih pelajar tahun enam dari SRJK (C) sebagai responden kajian ini. Pelajar tahun enam dipilih sebagai responden kajian disebabkan mereka telah belajar simpulan bahasa Cina yang lebih banyak berbanding dengan pelajar-pelajar tahun empat dan tahun lima. Tambahan pula, golongan pelajar ini akan menghadapi peperiksaan UPSR pada akhir tahun. Ini dapat memastikan data yang dikumpul adalah lebih tepat dan boleh dipercayai.

1.7 Kesimpulan

Setelah membincangkan tentang latar belakang kajian, objektif dan kepentingan kajian terhadap simpulan bahasa Cina, diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas kepada pembaca tentang kajian yang dijalankan. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat menarik minat pengkaji lain untuk meneruskan serta mendalami kajian tentang simpulan bahasa Cina.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Masalah-masalah yang wujud dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina merupakan teras dalam kajian ini. Oleh itu, bab ini akan membincangkan struktur, kombinasi dan kepentingan mempelajari simpulan bahasa Cina. Selain itu, jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam proses mempelajari dan menggunakan simpulan bahasa Cina turut dibincangkan.

2.1 Struktur Simpulan Bahasa Cina

Struktur simpulan bahasa Cina seperti yang dinyatakan oleh Wang (2003), terdiri daripada 3 hingga 12 patah perkataan dan di antaranya simpulan bahasa Cina 4 perkataan mempunyai jumlah bilangan yang paling banyak. Berdasarkan kajian An (2006), simpulan bahasa Cina 4 perkataan merupakan golongan yang terbesar iaitu merangkumi jumlah 93.22% daripada keseluruhannya. Selain itu, kajian Li (2007) juga menunjukkan bahawa daripada kamus-kamus simpulan bahasa Cina yang dikaji, simpulan bahasa Cina 4 perkataan mempunyai bilangan yang terbanyak. Tan (2010) juga membuktikan kebanyakan simpulan bahasa Cina dicipta berasaskan struktur 4 perkataan.

Penghasilan simpulan bahasa Cina 4 perkataan mempunyai hubungan yang rapat dengan corak pemikiran masyarakat Cina yang mengutamakan keharmonian dan keseimbangan (Li, 2007). Ini kerana simpulan bahasa Cina 4 perkataan adalah sejenis kombinasi di mana jumlah perkataan yang digunakan lebih kurang sama dan boleh dipisahkan ke dalam 2 kumpulan dan perkataannya masih mengekalkan bilangan genap (Mo, 2000). An (2006) juga setuju dengan kenyataan di atas dan mengatakan simpulan bahasa Cina empat perkataan sangat popular adalah disebabkan bentuknya padan dengan pemikiran masyarakat Cina yang suka nombor genap dan seimbang.

Sebab kedua simpulan bahasa Cina 4 perkataan luas digunakan adalah kerana walaupun bilangan perkataan yang digunakan kurang tetapi masih dapat menyampaikan makna yang mendalam dan mempunyai perubahan intonasi yang pelbagai (Mo, 1997). Selain daripada itu, Tan (2010) juga mengatakan bahawa perubahan intonasi yang pelbagai menghasilkan bunyi bacaan berirama dapat meningkatkan kecekapan bahasa dan ingatan pengguna. Contohnya:

Simpulan bahasa Cina	吞云吐雾 tūn yún tǔ wù
Perubahan intonasi	tūn: → yún: ↗ tǔ: ↘ ↗ wù: ↘
Terjemahan	吞: telan 云: awan 吐: muntah 雾: kabus
Makna	merokok atau menghisap candu

Simpulan bahasa Cina	吞吞吐吐 tūn tūn tǔ tǔ
Perubahan intonasi	tūn: → tūn: → tǔ: ↘ ↗ tǔ: ↘ ↗
Terjemahan	吞: telan 吐: muntah
Makna	bercakap dengan ragu-ragu

Dari segi tatabahasa, kebanyakan perkataan yang digunakan untuk membentuk simpulan bahasa Cina adalah perkataan ekasuku. Ini bermakna setiap perkataan adalah

satu unit yang berdikari dan mempunyai makna yang lengkap (An, 2006). Sifat simpulan bahasa Cina 4 perkataan adalah sejenis bentuk yang dapat memenuhi keperluan perubahan pelbagai kombinasi antara perkataan ekasuku yang digunakan untuk mencipta simpulan bahasa Cina (Tan, 2010). Analisis Wang (2003), An (2006) dan Han (2009) telah membuktikan fakta ini dan menggolongkan struktur simpulan bahasa Cina kepada beberapa kumpulan berdasarkan golongan kata yang digunakan. Di bawah adalah beberapa jenis struktur yang kerap digunakan dalam simpulan bahasa Cina.

(A) Struktur Bersama

Struktur jenis ini boleh dibahagikan kepada struktur bersama kata nama, struktur bersama kata kerja atau struktur bersama kata adjektif (Han,2009). Ia juga menunjukkan satu hubungan yang sama taraf di mana benda atau perkara yang diterangkan adalah sama sifatnya (Luo, 2000). Contoh:

Simpulan bahasa Cina	妖魔鬼怪 yāo mó guǐ guài
Terjemahan	妖魔: syaitan 鬼怪: hantu
Makna	kuasa kejahatan
Struktur	kata nama + kata nama

Simpulan bahasa Cina	推波助澜 tuī bō zhù lán
Terjemahan	推: menolak 波: ombak 助: membantu 澜: ombak besar
Makna	memburukkan masalah
Struktur	kata kerja + kata kerja

Simpulan bahasa Cina	一心一意 yì xīn yí yì
Terjemahan	一: satu 心: hati 一: satu 意: niat
Makna	sepenuh hati
Struktur	kata adjektif + kata adjektif

(B) Struktur Modifier

Merujuk kepada struktur simpulan bahasa Cina yang terdiri daripada kata penerangan dan kata pusat (Han, 2009). Kata pusat ialah perkara atau benda yang ingin diterangkan dan ia biasanya terdiri daripada kata kerja dan kata nama. Kata penerangan pula berfungsi untuk memberi penerangan selanjutnya terhadap perkara di depan. Ia biasanya terdiri daripada adverba atau pelengkap (Tao, 2002). Contohnya:

Simpulan Bahasa Cina	记忆犹新 jì yì yóu xīn
Terjemahan	记忆: ingatan 犹: masih 新: baru
Maksud	masih jelas teringat
Analisis Struktur	kata kerja + pelengkap

Simpulan Bahasa Cina	卷土重来 juǎn tǔ cóng lái
Terjemahan	卷: menggulung 土: tanah 从来: sekali lagi
Maksud	kembali untuk sesuatu tujuan
Analisis Struktur	adverb + kata kerja

(C) Struktur Subjek + Predikat

Merujuk kepada kombinasi simpulan bahasa Cina yang terdiri daripada subjek dan predikat. Subjek di depan biasanya terdiri daripada kata nama atau kata ganti nama dan ia berfungsi untuk menunjukkan perkara atau benda yang ingin ditunjukkan (Luo, 2000). Predikat yang terletak di bahagian belakang pula terdiri daripada kata kerja atau kata adjektif yang memberi penerangan tambahan (Han, 2009). Contoh:

Simpulan Bahasa Cina	夜郎自大 yè láng zì dà
Terjemahan	夜郎: nama negara 自大: sombong
Maksud	sombong
Analisis Struktur	kata nama + kata adjektif

Simpulan Bahasa Cina	后生可畏 hòu shēng kě wèi
Terjemahan	后生: generasi muda 可畏: dihormati
Maksud	belia harus dihormati
Analisis Struktur	kata ganti nama + kata kerja

(D) Struktur Kata Kerja + Kata nama

Kata kerja di bahagian depan simpulan bahasa Cina jenis ini adalah bertujuan untuk menunjukkan perbuatan. Manakala kata nama di bahagian belakang bertujuan untuk menunjukkan perkara atau benda yang dilibatkan oleh perbuatan di depan (Luo, 2000).

Contoh:

Simpulan Bahasa Cina	顺手牵羊 shùn shǒu qiān yáng
Terjemahan	顺手: tanpa halangan 牵: mengheret 羊: kambing
Maksud	mengambil peluang untuk mencuri
Analisis Struktur	kata kerja + kata nama

Simpulan Bahasa Cina	暴殄天物 bào tiǎn tiān wù
Terjemahan	暴: melulu 殄: membazir 天物: barangan
Maksud	membazir barang
Analisis Struktur	kata kerja + kata nama

(E) Kata kerja + kata kerja

Simpulan bahasa Cina jenis ini terdiri daripada dua atau lebih kata kerja (Mo, 1997). Berbeza dengan srtuktur bersama, simpulan bahasa Cina jenis ini tidak boleh mengubah

susunan perkataannya kerana mempunyai hubungan sebab dan akibat ataupun merupakan tindakan yang berterusan (Han, 2009).

Simpulan Bahasa Cina	卸磨杀驴 xiè mó shā lú
Terjemahan	卸: memungkah 磨: batu gerinda 杀: membunuh 驴: keldai
Maksud	menyingkirkan seseorang yang membantunya sebaik sahaja tujuan dicapai.
Analisis Struktur	kata kerja + kata kerja

Simpulan Bahasa Cina	引狼入室 yǐn láng rù shì
Terjemahan	引: membawa 狼: serigala 入: masuk 室: rumah
Maksud	membawa bencana kepada diri sendiri
Analisis Struktur	sebab + akibat

Berdasarkan jenis-jenis kombinasi simpulan bahasa Cina yang ditunjukkan di atas, struktur simpulan bahasa Cina adalah tetap dan hubungan di antara setiap perkataan yang digunakan juga sangat rapat (Wang, 2008). Kajian Hou (2006) juga menunjukkan bahawa struktur simpulan bahasa Cina adalah lebih mantap dan kita tidak boleh mengubah mana-mana bahagian dalam simpulan bahasa Cina dengan sesuka hati. Ini bermakna susunan perkataan di dalam simpulan bahasa Cina tidak boleh diubah atau ditambah perkataan dengan sesuka hati (Luo, 2000).

Lin (2000) pula mengatakan bahawa sesetengah simpulan bahasa Cina akan merujuk kepada makna yang berlainan jika susunan perkataannya diubah atau perkataan asalnya diganti dengan perkataan lain. Kajian Han (2009) juga menunjukkan struktur simpulan bahasa Cina adalah mantap dan tetap serta tidak boleh diubah tanpa dihadkan oleh tatabahasa, bunyi bacaan dan maksud perkataan yang digunakan. Contohnya simpulan bahasa Cina:

Simpulan Bahasa Cina	每况愈下 měi kuàng yù xià
Terjemahan	每: setiap 况: keadaan 愈: pulih 下: turun
Maksud	semakin meruncing; semakin teruk

Simpulan bahasa Cina ini tidak boleh diubah susunan perkataan kerana ia akan menyebabkan perubahan maksud (Lin, 2000). Maksud asal simpulan bahasa Cina ini merujuk kepada sesuatu perkara atau keadaan menjadi semakin teruk. Jika susunan perkataannya diterbalikkan seperti contoh di bawah, maksudnya telah berubah. Simpuln bahasa Cina ini berasal daripada Zhuangzi yang merujuk kepada mencari kebenaran daripada perkara yang kecil.

Simpulan Bahasa Cina	每下愈况 měi xià yù kuàng
Terjemahan	每: setiap 下: turun 愈: pulih 况: keadaan
Maksud	mencari kebenaran daripada perkara yang kecil

Selain perubahan maksud, pertukaran susunan perkataan atau struktur simpulan bahasa Cina juga akan mengakibatkan sesuatu simpulan bahasa Cina itu tidak mempunyai sebarang maksud atau bukan lagi simpulan bahasa Cina (Zhang, 2007).

Menurut kajian Luo (2000) dan Lin (2000), hanya ada sebilangan kecil simpulan bahasa Cina boleh diubah susunan perkataannya atau digantikan perkataan asalnya dengan perkataan lain tanpa mengubah maksud asalnya. Akan tetapi perubahan ini dihadkan oleh hukum tatabahasa, sebutan dan makna perkataan (An, 2006). Contohnya simpulan bahasa Cina di bawah:

Simpulan Bahasa Cina	(a) 孤苦伶仃 gū kǔ líng dīng (b) 伶仃孤苦 líng dīng gū kǔ
Terjemahan	孤: tunggal 苦: penderitaan 伶仃: sunyi
Maksud	yatim dan tidak berdaya

Simpulan Bahasa Cina	(a) 山明水秀 shān míng shuǐ xiù (b) 山清水秀 shān qīng shuǐ xiù
Terjemahan	山: bukit 明: cerah 水: air 秀: cantik
Maksud	pemandangan yang cantik

Struktur simpulan bahasa Cina memang mantap dan perkataan yang digunakan juga mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain (Lin, 2000). Kajian An (2006) dan Luo (2000) juga membuktikan bahawa perubahan dari segi penggunaan perkataan atau kombinasi struktur akan mempengaruhi makna sesuatu simpulan bahasa Cina. Jadi, penguasaan struktur merupakan satu faktor yang penting dalam mempelajari simpulan bahasa Cina.

2.2 Kepentingan Mempelajari Simpulan Bahasa Cina di Sekolah Rendah

Simpulan bahasa Cina yang dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran dan pembelajaran Bahasa Cina telah mendatangkan banyak faedah kepada para pelajar. Kajian-kajian Wang (2008), Zhang (2007) dan Liu (1999) telah membuktikan simpulan bahasa Cina bukan sahaja berfungsi untuk memberi teguran atau ajaran kepada orang ramai, ia juga dapat memperindahkan bahasa orang yang menggunakannya dalam percakapan ataupun penulisan. Faedah-faedah yang diperolehi pelajar adalah seperti berikut:

(a) Memahami Budaya Masyarakat Cina

Pengajaran simpulan bahasa Cina dalam sekolah rendah amat penting kepada pelajar kerana dapat ia membantu pelajar memahami budaya masyarakat Cina. Tan (2010) mengatakan bahawa simpulan bahasa Cina ialah satu pelantar yang baik untuk mengenali, memahami dan mengkaji budaya masyarakat Cina. Ini kerana simpulan bahasa Cina telah merangkumi pelbagai aspek budaya seperti cara hidup, seni, adat resam dan segala amalan hidup masyarakat Cina. Wang (2008) juga mengatakan simpulan bahasa Cina dapat mencerminkan budaya dan corak fikiran masyarakat Cina dengan tepat dan menarik kerana ia dipetik daripada pelbagai sumber yang mengandungi unsur budaya yang mendalam seperti karya sastera, peristiwa sejarah, mitos dan sebagainya. Contohnya:

Simpulan Bahasa Cina	夫唱妇随 fū chàng fù suí
Terjemahan	夫: suami 唱: menyanyi 妇: isteri 随: mengikut
Maksud	keharmonian di kalangan suami dan isteri

Melalui simpulan bahasa Cina ini, para pelajar dapat mempelajari tentang sistem sosial masyarakat zaman feudal yang mementingkan kaum lelaki (Li, 1994). Selain daripada itu, simpulan bahasa Cina juga menggambarkan kepercayaan masyarakat Cina. Contohnya:

Simpulan Bahasa Cina	鬼斧神工 guǐ fǔ shén gōng
Terjemahan	鬼: hantu 斧: kapak 神: tuhan 工: kerja
Maksud	ketukangan yang superlatif

Menurut analisis Zheng (2002), simpulan bahasa Cina ini menunjukkan masyarakat Cina percaya akan kewujudan hantu dan tuhan di dunia ini dan mereka mempunyai kuasa yang ghaib serta dapat melakukan perkara yang tidak dapat dilakukan oleh manusia.

Selain daripada itu, simpulan bahasa Cina juga merangkumi pengalaman dan pengetahuan masyarakat Cina yang terkumpul melalui kehidupan harian dan perkara yang berlaku di sekeliling. Pengalaman dan pengetahuan ini bukan sahaja dapat mengilhami generasi muda, ia juga mencerminkan realiti makna dan nilai (Lin, 2000). Contohnya:

Simpulan Bahasa Cina	居安思危 jū ān sī wēi
Terjemahan	居: tinggal 安: tenang 思: berfikir 危: bahaya
Maksud	bersedia untuk menghadapi bahaya dalam masa keamanan.

Simpulan bahasa Cina di atas merujuk kepada pengalaman masyarakat Cina yang sentiasa membuat persediaan untuk menghadapi keadaan di luar jangkaan walaupun keadaan hidup sekarang tenang dan aman (Lin, 2000).

Semua pengetahuan, pengalaman hidup dan pemikiran ini adalah budaya masyarakat Cina yang tidak ternilai dan telah membantu para pelajar memahami budaya masyarakat Cina dengan mendalam (Wang, 2008).

(b) Memupuk nilai murni di kalangan pelajar

Masyarakat Cina adalah masyarakat yang mementingkan pendidikan moral dan

pemupukan akhlak (Zheng, 2002). Ini dapat dilihat daripada pelbagai amalan baik yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina (Mo, 2000). Amalan-amalan baik tradisi masyarakat Cina ini masih digalakkan sehingga kini dan ia sangat berguna untuk mendidik generasi muda supaya berkelakuan baik (Tan, 2010). Contohnya simpulan bahasa Cina yang menegur seseorang untuk menghormati orang tua dan menyayangi generasi muda ialah:

Simpulan Bahasa Cina	敬老爱幼 jìng lǎo ài yòu
Terjemahan	敬 menghormati 老: tua 爱: menyayangi 幼: muda
Maksud	menghormati orang tua dan mengasihi anak-anak muda

Manakala simpulan bahasa Cina yang menggalakkan manusia untuk bersifat positif dan sentiasa memajukan diri ialah:

Simpulan Bahasa Cina	自强不息 zì qiáng bù xī
Terjemahan	自: sendiri 强: memajukan diri 不: tidak 息: berhenti
Maksud	sentiasa berusaha untuk memajukan diri

Selain daripada itu, simpulan bahasa Cina yang menasihati generasi muda untuk rajin belajar ialah:

Simpulan Bahasa Cina	凿壁偷光 záo bì tōu guāng
Terjemahan	凿: mengorek 壁: dinding 偷: mencuri 光: cahaya
Maksud	belajar dengan tekun

Semua nilai murni ini dapat disampaikan kepada para pelajar melalui cara penyampaian simpulan bahasa Cina yang menarik (Tan, 2010) dan lebih berkesan berbanding dengan menyampaikan ajaran secara lisan sahaja (Mo, 2000).

(c) Mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa pelajar

Penulisan merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Cina (Wang, 2008). Kepentingan penulisan dalam kurikulum bahasa tergambar melalui kedudukan penulisan sebagai satu mata pelajaran yang tersendiri dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Akan tetapi, ramai pelajar tidak dapat mencapai keputusan cemerlang kerana lemah dalam bahagian ini kerana penguasaan bahasa pelajar yang lemah, huraian meleret-leret, pengolahan yang menjemukan dan lain-lain (Roselan, 2003). Untuk mengatasi masalah ini, penggunaan simpulan bahasa Cina dalam penulisan amat penting.

Semasa menulis karangan, simpulan bahasa Cina dapat membantu pelajar menyampaikan sesuatu idea atau maklumat dengan ringkas, padat dan tepat serta membuat analisis yang lebih menyeluruh (Wang, 2008). Penggunaan simpulan bahasa Cina yang sesuai dalam karangan perbincangan dapat membantu hujahan pelajar lebih menyakinkan pembaca atau pemeriksa. Manakala untuk karangan jenis cerita atau huraian, unsur budaya yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina juga menjadi salah satu sumber pelajar mendapat idea untuk menulis karangan (Tan, 2010). Pelajar boleh menggunakan cerita yang tersirat dalam simpulan bahasa Cina sebagai asas dan menambah isi baru untuk mengembangkannya sebagai sebuah karangan yang menarik (Zhang, 2007).

Selain itu, simpulan bahasa Cina juga merupakan media yang penting dalam pengajaran tatabahasa. Ini kerana simpulan bahasa Cina mengandungi banyak retorik seperti metafora, kontras, bidalan dan lain-lain (Tao, 2002). Dengan menggunakan simpulan bahasa Cina sebagai media dalam pengajaran tatabahasa, pelajar akan lebih cepat menguasai dan mengukuhkan tatabahasa mereka. Ini disebabkan penggunaan perkataan dalam simpulan bahasa Cina yang menarik dapat mengubah proses pembelajaran tatabahasa yang bosan dan abstrak menjadi lebih menarik dan mudah (Wang, 2008).

Guru boleh menggunakan pelbagai simpulan bahasa Cina yang berkenaan sebagai contoh dan membuat analisis tentang jenis-jenis retorik yang digunakan dalam simpulan bahasa Cina tersebut. Contohnya simpulan bahasa Cina berikut:

Simpulan Bahasa Cina	如花似玉 rú huā sì yù
Terjemahan	如: seperti 花: bunga 似: menyerupai 玉: jade
Maksud	menggambarkan kecantikan perempuan

Simpulan bahasa Cina ini sesuai digunakan untuk menjelaskan sifat, bentuk dan penggunaan retorik metafora. Di mana ‘bunga’ digunakan untuk ibarat kecantikan perempuan seperti kecantikan bunga. Manakala simpulan bahasa Cina yang berikut boleh digunakan untuk menjelaskan kiasan yang membesar-besarkan. Contoh simpulan bahasa Cina adalah seperti berikut:

Simpulan Bahasa Cina	垂涎三尺 chuí xián sān chǐ
Terjemahan	垂: bergantung 涎: air liur 三: tiga 尺: kaki
Maksud	sangat mengingini sesuatu

Perkataan ‘垂’ bermakna jatuh bergantung, manakala ‘涎’ bermakna air liur dan ‘三尺’ merujuk kepada ukuran iaitu tiga kaki. Jika seseorang sangat mengingini sesuatu sampai air liurnya mengalir sepanjang tiga kaki, ia merupakan salah satu cara penggunaan retorik berlebihan.

Simpulan Bahasa Cina	酒肉朋友 jiǔ ròu péngyǒu
Terjemahan	酒: arak 肉: daging 朋友: kawan
Maksud	kawan yang hanya makan dan main bersama, tidak dapat memikul kesusahan bersama

Simpulan bahasa Cina di atas pula boleh digunakan untuk menjelaskan cara penggunaan retorik metonimi. Simpul bahasa Cina ini menggunakan ‘arak’ dan ‘daging’ untuk ibarat makna makan, minum, main dan berseronok.

(d) Memperindah Bahasa

Zhang (2007) mengatakan bahawa penggunaan simpulan bahasa Cina dalam pertuturan boleh mengindahkan bahasa. Perkataan yang digunakan di dalam simpulan bahasa Cina akan menghasilkan bunyi bacaan yang berirama dan harmoni apabila ia dituturkan (Wang, 2008). Ini kerana simpulan bahasa Cina telah menggunakan banyak perkataan onomatopoeia, kata-kata berirama, gandaan dan sebagainya untuk menghasilkan bunyi bacaan yang sedap didengar. Pemilihan perkataan yang begitu kreatif bukan sahaja dapat menghasilkan rentak bunyi yang indah, ia juga memberi kesan yang mendalam kepada pendengarnya (An, 2006).

Selain mempunyai ciri perubahan nada seperti yang dibincangkan dalam bab satu, simpulan bahasa Cina juga menggunakan pengulangan fonem atau konsonan untuk menghasilkan bunyi bacaan yang mempunyai pelbagai perubahan dan sedap didengar (Liu, 1995). Kombinasi yang berkenaan boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

i. Pengulangan fonem akhir

Pengulangan fonem akhir dalam simpulan bahasa Cina merujuk kepada pengulangan atau persamaan bunyi fonem akhir perkataan yang digunakan. Pengulangan fonem akhir boleh berlaku di semua perkataan atau antara dua perkataan sahaja (An, 2006).

Simpulan Bahasa Cina	空洞无物 kōng dòng wú wù
Terjemahan	空洞: kosong 无: tiada 物: barang
Maksud	tiada kandungan
Analisis	pengulangan fonem akhir 'ong- ong- u- u'

Simpulan Bahasa Cina	从容不迫 cóng róng bú pò
Terjemahan	从容: dengan tenangnya 不: tidak 迫: mendesak
Maksud	menguruskan sesuatu dengan tenang
Analisis	pengulangan fonem akhir 'ong- ong'

ii. Pengulangan fonem awal

Simpulan bahasa Cina jenis ini menggunakan perkataan yang mempunyai pengulangan di bahagian fonem awal (Liu, 1995). Contohnya:

Simpulan Bahasa Cina	胆大心细 dǎn dà xīn xì
Terjemahan	胆大: berani 心细: berhati-hati
Maksud	berani tetapi berhati-hati
Analisis	pengulangan fonem awal ‘d-d-x-x’

Simpulan Bahasa Cina	琳琅满目 lín láng mǎn mù
Terjemahan	琳琅: permata 满: penuh 目: mata
Maksud	cantik dan beraneka ragam
Analisis	pengulangan fonem awal ‘l- l- m- m’

iii. Pengulangan morfem

Pengulangan morfem merujuk kepada keadaan di mana terdapat dua perkataan yang sama bunyi digunakan dalam simpulan bahasa Cina yang sama (An, 2006). Suku kata yang sama ini boleh wujud secara berpasangan atau berselang di antara perkataan.

Simpulan Bahasa Cina	众目睽睽 zhòng mù kuí kuí
Terjemahan	众: banyak 目: mata 睽睽: melihat dengan penuh perhatian
Maksud	di bawah pemerhatian semua orang
Analisis	pengulangan ‘kui- kui’

Simpulan Bahasa Cina	我行我素 wǒ xíng wǒ sù
Terjemahan	我: saya 行: bertindak 我: saya 素: tidak bercorak
Maksud	berdegil hendak bertindak sesuka hati
Analisis	pengulangan ‘wo’

Penggunaan pengulangan morfem dalam simpulan bahasa Cina menguatkan keindahan bunyi serta irama bahasa Cina (Liu, 1995). Apabila pelajar membaca atau menggunakan simpulan bahasa Cina dalam pertuturan, ia akan menjadikan bahasa yang dituturkan penuh dengan keharmonian fonologi dan sedap didengar (Wang, 2008).

2.3 Masalah-masalah dalam Pembelajaran Simpulan Bahasa Cina

Menurut Sukatan Pelajaran Bahasa Cina Tahun Enam (2001), memahami dan menggunakan simpulan bahasa Cina adalah salah satu kemahiran yang perlu dipelajari oleh murid-murid sekolah rendah Cina. Akan tetapi, pembelajaran dan penggunaan simpulan bahasa Cina adalah bahagian yang paling lemah atau tidak dititikberatkan dalam proses pembelajaran bahasa Cina (Liu, 2005). Sistem pembelajaran simpulan bahasa Cina yang kurang sistematik dan berpecah belah telah mewujudkan pelbagai masalah dalam proses mempelajari dan menguasai simpulan bahasa Cina (Zhu, 2006).

2.3.1 Pembelajaran yang tidak menyeluruh

Simpulan bahasa Cina merupakan sebahagian daripada kandungan pembelajaran bahasa Cina dan juga merupakan sebahagian daripada soalan peperiksaan UPSR, tetapi ia tidak pernah dijadikan satu topik yang khusus dalam silabus bahasa Cina (Zhu, 2006). Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Cina Sekolah Rendah 2001, simpulan bahasa Cina bukan satu topik pembelajaran yang khas tetapi hanya merupakan satu bahagian yang kecil dalam bahagian pengetahuan tatabahasa. Para pelajar di sekolah rendah Cina hanya mula mempelajari simpulan bahasa Cina dari tahun empat hingga tahun enam dan setiap tahun hanya mempelajari 80 simpulan bahasa Cina.

Pembelajaran yang tidak menyeluruh akan mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina (Liu, 2005). Semasa mempelajari simpulan bahasa Cina, pelajar terlalu bergantung kepada pengetahuan yang diajar oleh guru dan menghafal tanpa memahami makna simpulan bahasa Cina dengan mendalam (Zhuo, 2010). Kajian Liu

dan Huang (2010) juga menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar hanya akan belajar simpulan bahasa Cina jika ia wujud dalam buku teks bahasa Cina.

Para pelajar juga jarang memahami dengan teliti tentang asal-usul, ciri-ciri khas, skop dan sasaran penggunaan yang sesuai dan lain-lain. Keadaan ini bukan sahaja mengakibatkan pelajar kurang faham atau hanya mendapat gambaran yang berpecah-belah tentang simpulan bahasa Cina (Zhu, 2006). Ia juga akan menyebabkan pelajar kurang motivasi untuk belajar, mudah lupa, malah juga akan berlaku salah guna, salah tulis dan sebagainya. Sebagai contoh:

Simpulan Bahasa Cina	世外桃源 shì wài táo yuán
Terjemahan	世: dunia 外: luar 桃: pic 源: asal usul
Maksud	satu dunia yang aman dan penuh dengan kegembiraan

Sesetengah pelajar akan tersalah tulis perkataan ‘源’ (yuán) dalam simpulan bahasa Cina ini sebagai ‘园’ (yuán: taman). Jika pelajar jelas bahawa ‘世外桃源’ berasal daripada karya sastera Tao Yuan Ming yang bercerita mengenai penemuan satu dunia yang sempurna di hulu sebatang sungai yang bernama ‘桃花溪’ (táo huā xī). Jadi, perkataan ‘源’ yang bermaksud ‘hulu sungai’ yang sepatutnya digunakan dalam simpulan bahasa ini dan bukan ‘园’ merujuk kepada ‘taman’. Dengan pemahaman yang mendalam tentang makna, asal-usul, fungsi dan ciri-ciri khas sesuatu simpulan bahasa Cina, para pelajar akan memahami dan mengingati sesuatu simpulan bahasa dengan lebih mudah.

Simpulan bahasa Cina merupakan keunikan bahasa Cina dan juga merupakan jiwa budaya Cina (Liu, 2005). Pengabaian terhadap simpulan bahasa Cina memang akan mendatangkan pelbagai masalah dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina dan akan memberi kesan pada pembelajaran dan pemerolehan bahasa Cina. Selain daripada itu, strategi pembelajaran juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran pelajar (Oxford, 2003).

2.3.2 Strategi Pembelajaran Bahasa

Strategi pembelajaran bahasa (SPB) ialah tindakan-tindakan khusus yang digunakan oleh pelajar untuk membantu proses pembelajaran mereka menjadi lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih berbentuk sendiri, lebih efektif dan lebih mudah disesuaikan dengan situasi baru (Oxford, 2003). Zamri (2006) berpandangan SPB ialah langkah-langkah yang diambil oleh pelajar untuk mempercepatkan proses pemerolehan, penyimpanan, mengingat kembali dan penggunaan sumber maklumat. Kesimpulan yang diberi oleh kajian Oxford (1990) mendefinisikan SPB sebagai langkah atau tindakan khusus yang digunakan oleh pelajar untuk memudahkan proses pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan proses pembelajaran lebih mudah, efektif dan senang dipindahkan ke suasana baru.

Berdasarkan huraian di atas, SPB yang dikemukakan oleh Oxford (1990) adalah lebih menyeluruh dan lebih sesuai digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan kajian Oxford (1990), SPB boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu strategi langsung dan strategi tidak langsung. Kategori strategi langsung merangkumi strategi memori, kognitif dan

kompensasi. Strategi tidak langsung pula merujuk kepada strategi metakognitif, afektif dan sosial.

- (a) Strategi Memori berfokus kepada penghafazan dan pengingatan. Ia melibatkan penggunaan teknik-teknik seperti mencipta rangkaian mental, aplikasi imej dan bunyi, mengulang kaji dengan baik dan menggunakan tindakan. Huraian yang lebih jelas tentang teknik yang digunakan dalam strategi memori adalah seperti di bawah:

Mencipta rangkaian mental	<ul style="list-style-type: none"> • membuat pengelasan, • membuat huraian • meletakkan perkataan baru dalam konteks.
Aplikasi imej dan bunyi	<ul style="list-style-type: none"> • menggunakan imej atau gambar • melukis peta semantik • menggunakan kata kunci • menggambarkan bunyi dalam ingatan
Mengulangkaji dengan baik	<ul style="list-style-type: none"> • mengulangkaji secara berstruktur
Menggunakan tindakan	<ul style="list-style-type: none"> • menggunakan tindak balas fizikal atau sensasi • menggunakan teknik mekanikal

- (b) Strategi Kognitif lebih cenderung kepada menggunakan proses mental dan pemikiran dalam aktiviti pembelajaran bahasa seperti berlatih, menerima dan menghantar mesej, menganalisis dan menaakul serta membina struktur input dan output. Huraian yang lebih jelas adalah seperti dalam jadual di bawah.

Berlatih	<ul style="list-style-type: none"> • mengulang • berlatih menggunakan sistem bunyi dan tulisan • mengenal pasti dan menggunakan formula dan pola • penggabungan semula • berlatih secara semula jadi
----------	---

Menerima dan menghantar imej	<ul style="list-style-type: none"> • mendapat idea dengan cepat • menggunakan pelbagai sumber untuk menerima dan menghantar mesej
Menganalisis dan menaakul	<ul style="list-style-type: none"> • penaakulan yang deduktif • menganalisis ungkapan • menganalisis secara kontrasif • menterjemah • memindah maklumat
Membina struktur input dan output	<ul style="list-style-type: none"> • mengambil nota • membuat rumusan • memberi penekanan

(c) Strategi Kompensasi pula menghimpunkan strategi yang digunakan untuk mengatasi kekurangan dan batasan dalam penggunaan bahasa sasaran seperti meneka secara bijak dan mengatasi batasan dalam bertutur atau menulis. Huraian yang lebih jelas ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Meneka secara bijak	<ul style="list-style-type: none"> • menggunakan petunjuk linguistik • menggunakan petunjuk lain
Mengatasi batasan dalam bertutur atau menulis	<ul style="list-style-type: none"> • bertukar kepada bahasa ibunda • mendapatkan pertolongan • menggunakan mimik muka dan isyarat badan • mengelakkan perbualan sebahagian atau keseluruhan • memilih topik • menyesuaikan atau mengagak sesuatu maklumat • membina perkataan baru • menggunakan percakapan yang berjela atau sinonim

(d) Strategi Metakognitif merujuk kepada strategi memusatkan pembelajaran bahasa, merancang dan menyusun pembelajaran serta menilai pembelajaran sendiri. Ia dapat membantu pelajar mengurus dan menilai cara mereka belajar sesuatu bahasa serta

merancang tugas bahasa mereka. Huraian yang lebih jelas ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Memusatkan pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • membuat gambaran yang menyeluruh dan menghubungkaitkan dengan bahan sedia ada • menumpukan perhatian • menanggukkan pertuturan untuk fokus kepada pendengaran
Merancang dan menyusun pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • mencari maklumat tentang pembelajaran bahasa • menyusun pembelajaran • menetapkan matlamat dan objektif • mengenal pasti tujuan tugas bahasa • merancang untuk tugas bahasa • mencari peluang untuk berlatih
Menilai pembelajaran sendiri	<ul style="list-style-type: none"> • pemantauan diri • menilai pencapaian sendiri

(e) Strategi Afektif digunakan untuk mengurangkan kebimbangan, memberi motivasi kepada sendiri dan mengawal emosi sendiri semasa dalam proses pembelajaran bahasa sasaran. Huraian strategi yang lebih jelas adalah seperti jadual di bawah.

Mengurangkan kebimbangan	<ul style="list-style-type: none"> • menggunakan hiburan progresif, menarik nafas atau bermeditasi • menggunakan musik • menggunakan gelak ketawa
Memberi motivasi kepada sendiri	<ul style="list-style-type: none"> • membuat pernyataan positif • mengambil risiko secara bijak • memberi ganjaran kepada sendiri
Mengawal emosi sendiri	<ul style="list-style-type: none"> • mengetahui keadaan fizikal sendiri • menggunakan senarai semakan • menulis diari pembelajaran bahasa • berbincang dengan orang lain tentang perasaan sendiri

(f) Strategi sosial ialah sejenis strategi yang membantu pelajar berinteraksi dengan orang lain dan memahami budaya serta bahasa sasaran. Teknik-teknik yang digunakan merangkumi bertanya soalan, bekerjasama dengan orang lain dan menunjukkan empati kepada orang lain. Huraian strategi berkenaan adalah seperti:

Bertanya soalan	<ul style="list-style-type: none"> • bertanya untuk mendapatkan penjelasan atau pengesahan • bertanya untuk pembetulan
Bekerjasama dengan orang lain	<ul style="list-style-type: none"> • bekerjasama dengan orang • bekerjasama dengan orang yang fasih berbahasa dalam bahasa sasaran
Menunjukkan empati kepada orang lain	<ul style="list-style-type: none"> • mengembangkan kefahaman tentang budaya bahasa sasaran • memahami pemikiran dan perasaan orang lain

Oxford (1990) mengatakan bahawa salah satu faktor yang membezakan prestasi pelajar yang belajar sesuatu subjek yang sama ialah penggunaan strategi belajar yang betul, sesuai dan berkesan. Zamri (2006) juga mengatakan bahawa pelajar yang cemerlang dalam pelajaran cenderung mempraktikkan pelbagai SPB atau dalam bentuk kombinasi untuk memperoleh keputusan yang cemerlang. Akan tetapi, pemilihan dan penggunaan SPB yang sesuai bukan sahaja mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa, ia juga akan mempengaruhi keberkesanan pelajar dalam mempelajari dan menguasai sesuatu simpulan bahasa Cina (Hou, 2006).

2.3.3 Motivasi

Motivasi adalah faktor utama kejayaan pelajar dalam pemerolehan bahasa (Johnson, 2008). Pendapat ini juga disokong oleh kajian Oxford dan Nyikos (1989) yang

menunjukkan bahawa motivasi adalah faktor utama yang menyumbang kepada penggunaan strategi pembelajaran bahasa di kalangan pelajar bahasa. Kamarul (2010) turut mengatakan bahawa pelajar yang bermotivasi tinggi lebih kerap menggunakan strategi pembelajaran berbanding dengan pelajar yang kurang bermotivasi. Pelajar bahasa yang bermotivasi tinggi akan mempunyai prestasi yang cemerlang dalam pembelajaran bahasa (Sun, 2011).

Motivasi adalah keinginan seseorang individu yang kuat untuk mencapai sesuatu matlamat dan mereka menikmati aktiviti-aktiviti yang perlu untuk mencapai matlamat mereka (Gardner, 2010). Kajian Lee (2010) pula menerangkan motivasi sebagai dorongan dalaman individu dan juga merupakan sumber tenaga dalam mengekalkan pembelajaran dan mencapai matlamat. Manakala kajian Kamarul (2010) mendefinisikan motivasi sebagai usaha yang dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua hasil daripada keperluan dan keinginan untuk mempelajarinya. Kesimpulannya, motivasi adalah usaha pelajar untuk mencapai sesuatu matlamat supaya keperluan dan keinginan individu dapat dipenuhi (Kamarul, 2009). Secara amnya, motivasi boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental.

Motivasi integratif adalah keinginan, kesediaan atau keupayaan pelajar untuk mengintegrasikan diri ke dalam masyarakat bahasa sasaran (Gardner, 2010). Kajian Smith (2009) mendefinisikan motivasi integratif sebagai keinginan pelajar untuk mengintegrasikan atau menyesuaikan diri dengan budaya dan bahasa di mana bahasa yang dipelajarinya adalah bahasa yang dominan. Kamarul (2010) pula mengatakan bahawa motivasi integratif adalah hasil daripada keinginan dalaman seperti minat, berasa seronok, ingin diterima oleh komuniti bahasa dan lain-lain. Motivasi integratif berkait rapat dengan keinginan pelajar untuk mempelajari tentang bahasa, budaya dan penutur bahasa sasaran

(Johnson, 2008). Kajian Lü (2007) menunjukkan bahawa motivasi integratif membolehkan pelajar untuk mengekalkan kejayaan jangka panjang. Ini adalah kerana motivasi integratif membantu pelajar memperoleh kecekapan bahasa dan mencapai integrasi psikologi dengan bahasa sasaran.

Motivasi instrumental merujuk kepada keinginan atau tujuan pelajar untuk mendapatkan sesuatu yang praktikal atau konkrit melalui pembelajaran bahasa (Gardner, 2010). Pendapat ini disokong oleh Kamarul (2010) dengan mengatakan bahawa pelajar dikatakan bermotivasi instrumental apabila tujuan pelajar menguasai bahasa kedua adalah untuk lulus dalam peperiksaan, peningkatan dalam kerjayanya, membolehkan individu itu sendiri membaca bahan bacaan dalam bahasa sasaran dan sebagainya. Kenyataan ini disokong oleh Lü (2007) yang juga mengatakan bahawa pelajar yang bermotivasi instrumental adalah pelajar yang ingin mendapatkan ganjaran ekstrinsik seperti peluang pekerjaan, keperluan untuk berkomunikasi, naik pangkat dan sebagainya. Kesimpulannya, motivasi instrumental adalah pembelajaran bahasa yang bertujuan untuk mendapatkan sesuatu ganjaran (Rovai, 2007).

2.3.4 Pengaruh Media ke atas Pembelajaran Simpul Bahasa Cina

Selain daripada faktor pengabaian dan kaedah pengajaran yang tidak sesuai, pengaruh media juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina (Han, 2009). Dalam bidang iklan telah wujud satu fenomena di mana sesetengah perkataan dalam simpulan bahasa Cina diubah dan digunakan dalam iklan tersebut untuk menarik perhatian penonton (Mo, 2001). Simpul bahasa Cina berkenaan sama ada sesetengah perkataannya telah diganti dengan perkataan

homofan ataupun hanya separuh sahaja diambil dan digabungkan separuh lagi simpulan bahasa yang lain (Liu, 2005).

Contoh yang diberi oleh Liu (2005, ms 122) ialah iklan ubat batuk yang telah mengubah simpulan bahasa Cina ‘刻不容缓’ (kè bù róng huǎn. Maknanya adalah: tidak boleh berlengah-lengah) menjadi ‘咳不容缓’. Perkataan ‘刻’ (kè) dalam simpulan bahasa ini merujuk kepada ‘masa’, tetapi ditukar menjadi ‘咳’ (ké) yang bermaksud ‘batuk’. Contoh yang kedua ialah iklan baju yang mengubah simpulan bahasa Cina ‘依依不舍’ (yī yī bù shě. Maknanya adalah: keberatan hendak berpisah) menjadi ‘衣衣不舍’ (Mo, 2001, ms230). Perkataan ‘依依’ (yī yī) yang bermaksud ‘keberatan’ ditukar menjadi ‘衣’ (yī) yang merujuk kepada ‘baju’. Contoh yang lain ialah iklan ubat nyamuk yang menukarkan ‘默默无闻’ (mò mò wú wén. Maknanya adalah: tidak dikenali orang) menjadi ‘默默无蚊’ (Liu, 2005, ms123). Perkataan ‘闻’ (wén) yang bermaksud ‘dengar’ telah ditukar menjadi ‘蚊’ (wén) yang merujuk kepada ‘nyamuk’.

Walaupun ini menunjukkan kreativiti bidang iklan, tetapi ia telah mendatangkan kesan yang negatif. Selain itu, kajian Yuan (2010) dan Liu (2005) juga menunjukkan kesilapan salah guna yang dilakukan oleh surat khabar, berita dan majalah juga mempengaruhi pelajar melakukan kesalahan.

Pelajar-pelajar akan mendapat mesej yang salah tentang makna dan kegunaan simpulan bahasa Cina setelah menonton atau membaca iklan tersebut dan seterusnya melakukan kesilapan salah faham, salah guna, salah tulis dan sebagainya (Liu, 2005).

Masyarakat patut memberi perhatian terhadap fenomena ini dan mencari penyelesaian yang sepatutnya untuk menghalang pengaruh media mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa Cina.

2.4 Jenis-jenis Kesalahan dalam Penggunaan Simpulan Bahasa Cina

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Ji (2008), Jiang dan Sun (2007) dan Tian (2002), terdapat pelbagai jenis kesilapan yang telah dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran simpulan bahasa Cina. Antara kesilapan yang biasa dilakukan oleh para pelajar ialah salah faham makna (望文生义), kolokasi yang salah (搭配不当), tidak menepati ringan berat makna perkataan (词义轻重失当), menggunakan unsur perasaan yang tidak sesuai (感情色彩不当) dan salah skop penggunaan (不适合对象). Selain 5 jenis kesilapan yang dinyatakan di atas, kajian Wang (2011), Yin (2005) dan Hou (2006) pula menunjukkan lagi 2 jenis kesilapan seperti kesalahan struktur simpulan bahasa Cina (结构偏误) dan kesilapan tulisan (错别字). Kesimpulannya, 8 jenis kesilapan yang berlaku dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina adalah seperti berikut:

2.4.1 Salah Faham Makna (望文生义)

Faktor utama salah faham makna berlaku adalah disebabkan simpulan bahasa Cina bukan sahaja mengandungi unsur seperti sejarah, mitos, fabel dan karya sastera dari zaman dahulu dan sekarang, ia juga mengandungi banyak perbendaharaan kata yang masih mengekalkan maksud klasik yang susah dan jarang digunakan (Jiang & Sun, 2007). Kajian Hou (2006) juga menunjukkan bahawa pelajar mudah melakukan kesilapan jenis ini jika

mereka tidak dapat menguasai atau mengingat maksud sesuatu perkataan dengan tepat dan hanya menganalisis maksudnya dari permukaan. Contoh-contoh salah faham makna adalah seperti berikut.

Contoh (1):

Simpulan Bahasa Cina	首当其冲 shǒu dāng qí chōng (Fang, 2009, ms25)
Terjemahan	首: pertama 当: menjadi 其: itu 冲: laluan utama
Maksud	orang pertama yang menanggung serangan
Contoh Ayat	为孩子创造一个良好的成长环境成了每个家庭首当其冲的任务。
Terjemahan	Mencipta satu persekitaran membesar yang baik untuk anak adalah tanggungjawab utama setiap keluarga.

‘首当其冲’ (shǒu dāng qí chōng) merujuk kepada yang pertama menanggung serangan atau menimpa malapetaka (Chéngyǔ Cìdiǎn, 2007). Akan tetapi dalam ayat contoh (1), ‘首’ (shǒu) telah disalah faham sebagai makna ‘tempat pertama’ atau ‘perkara utama’. Contoh yang kedua ialah:

Contoh (2):

Simpulan Bahasa Cina	不以为然 bù yǐ wéi rán (Fang, 2009, ms25)
Terjemahan	不: tidak 以: menjadikan 为: adalah 然: betul
Maksud	tidak fikir begitu
Contoh Ayat	没想到一些别人不以为然的小事会使他们反目成仇。
Terjemahan	Tidak sangka perkara kecil yang tidak dititikberat oleh orang lain menyebabkan mereka bermusuhan.

‘不以为然’ (bù yǐ wéi rán) digunakan untuk menunjukkan tidak setuju tentang sesuatu perkara atau pendapat orang lain. Ia biasanya mengandungi unsur pandang rendah pada sesuatu. Ayat dalam contoh (2) sepatutnya menggunakan simpulan bahasa ‘不以为意’ (bù yǐ wéi yì) untuk menunjukkan makna tidak memandang tinggi; tidak mementingkan dan tidak menitikberatkan (zuìxīn hànǚ dà cídiǎn, 2009).

Contoh (3):

Simpulan Bahasa Cina	销声匿迹 xiāo shēng nì jī (Yuan, 2010, ms37)
Terjemahan	销: menghilangkan 声: bunyi 匿: sembunyi 迹: jejak
Maksud	menghilangkan bunyi dan jejak untuk sembunyikan diri
Contoh Ayat	恐龙这种曾经繁盛的物种从地球上销声匿迹了。
Terjemahan	Dinosaur sebagai spesies yang pernah hidup makmur di bumi telah lenyap.

Dalam contoh ini, ‘销声匿迹’ (xiāo shēng nì jī) bermaksud memencilkan diri daripada khalayak ramai atau menghilangkan diri (Chéngyǔ Cídiǎn, 2007). Ia tidak sesuai digunakan untuk merujuk kepada sesuatu spesies yang telah lenyap. Perkataan yang sesuai ialah ‘消失’ (xiāoshī, lenyap).

2.4.2 Kolokasi yang salah (搭配不当)

Menurut kata Han (2009), apabila simpulan bahasa Cina digunakan dalam sesuatu ayat, ia mempunyai fungsi yang sama dengan perkataan. Ini bermakna walaupun simpulan bahasa Cina merupakan satu frasa tetapi ia dianggap sebagai satu unit yang lengkap dan ia berfungsi sebagai satu perkataan (Rong, 2007). Jadi, ia perlu sepadan dengan perkataan lain

dalam ayat. Oleh itu, penggunaan simpulan bahasa Cina tidak boleh bercanggah dengan perkataan lain atau berlebihan dan menjadikannya tidak relevan. Contoh-contoh yang berkenaan ialah:

Contoh (1):

Simpulan Bahasa Cina	虎视眈眈 hǔ shì dān dān (Xiang, 2000, ms39)
Terjemahan	虎: harimau 视: melihat 眈眈: memerhati
Maksud	memerhati seseorang atau sesuatu barang dengan niat jahat.
Contoh Ayat	虎视眈眈的男子正盯着那女孩，必然不怀好意。
Terjemahan	Lelaki ini asyik menatap perempuan itu, tentu berniat jahat.

Dalam ayat contoh (1) telah berlaku keadaan berulang di mana simpulan bahasa Cina ‘虎视眈眈’ (hǔ shì dān dān) telah bermaksud merenung, tetapi dalam ayat ini wujud lagi perkataan ‘盯’ (dīng) yang juga bermaksud merenung. Penggunaan perkataan ‘盯’ telah menyebabkan pengulangan kata kerja ‘merenung’. Oleh itu, ia patut digugurkan daripada ayat ini.

Contoh (2):

Simpulan Bahasa Cina	生灵涂炭 shēng líng tú tàn (Zhang, 2009, ms69)
Terjemahan	生灵: rakyat 涂: lumpur 炭: arang
Maksud	hidup dalam kesengsaraan
Contoh Ayat	战争使人民生灵涂炭。
Terjemahan	Peperangan menyebabkan rakyat jelata hidup dengan sengsara.

Keadaan pengulangan dua perkataan yang sama makna dan tidak relevan telah berlaku dalam contoh ayat ini, di mana kedua-dua perkataan ‘生灵’ (shēng líng) dan ‘人民’ (rénmīn) bermakna rakyat jelata. Jadi, ayat ini patut dibetulkan dengan menggugurkan perkataan ‘人民’ (rénmīn).

Contoh (3):

Simpulan Bahasa Cina	呼之欲出 hū zhī yù chū (Yuan, 2010, ms37)
Terjemahan	呼: meneriak 之: ini 欲: akan 出: keluar
Maksud	hampir pasti
Contoh Ayat	一个大型的食物加工业已在吉隆坡呼之欲出。
Terjemahan	Sebuah industri memproses makanan yang besar akan didirikan di Kuala Lumpur.

Simpulan bahasa Cina yang diguna dalam contoh ayat (3) ini telah bercanggah dengan perkataan lain di dalam ayat. Di mana ‘呼之欲出’ (hū zhī yù chū) bermakna sesuatu perkara yang baru akan muncul, manakala perkataan ‘已’ (yǐ) bermaksud ‘sudah’ atau ‘telah’. Jadi, ayat ini patut menggugurkan perkataan ‘已’ untuk mengelakkan keadaan bercanggah.

2.4.3 Tidak Menepati Ringan Berat Makna Perkataan (词义轻重失当)

Makna yang disampaikan oleh simpulan bahasa Cina mempunyai perbezaan berdasarkan ringan berat makna perkataannya (Rong, 2007). Contohnya perkataan ‘企图’ (qìtú) dan ‘打算’ (dǎsuàn). Kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud ‘bercadang atau berniat untuk membuat sesuatu’. Tetapi ‘企图’ (qìtú) biasanya digunakan untuk perkara

yang lebih besar, maknanya lebih berat dan juga mengandung perasaan negatif. Perkataan ‘打算’ (dǎsuàn) pula digunakan untuk merujuk perkara yang biasa dan lebih ringan maknanya. Jika ringan berat makna perkataan tidak dibezakan dengan jelas, ia akan mempengaruhi makna yang ingin disampaikan atau memberi kesan yang berlawanan (Tian, 2002). Contoh yang lain yang diberi oleh dua pengkaji di atas adalah seperti berikut:

Contoh (1):

Simpulan Bahasa Cina	日理万机 (rì lǐ wàn jī)
Terjemahan	日: hari 理: mengurus 万: banyak 机: hal ehwal negara
Maksud	menguruskan banyak hal ehwal negara
Contoh Ayat	李老师身不仅担任数学主任及班主任，也是家教协会主席，真是日理万机。
Terjemahan	Cikgu Li bukan sahaja menyandang jawatan ketua panitia Matematik dan guru Tingkatan, beliau juga merupakan pengerusi PIBG, memang banyak kerja untuk diuruskan.

‘日理万机’ (rì lǐ wàn jī) digunakan untuk merujuk kepada urusan atau kerja yang banyak dan sibuk (biasanya untuk pegawai atau pemimpin yang berstatus tinggi). Contoh ayat (1) di atas telah menggunakan simpulan bahasa Cina yang lebih berat maknanya untuk seorang guru yang sibuk dengan urusannya. Ayat ini harus dibetulkan dengan menggunakan ‘宵衣旰食’ (xiāo yī gān shí) yang lebih ringan maknanya.

Contoh ayat (2):

Simpulan Bahasa Cina	头破血流 tóu pò xuě liú
Terjemahan	头: kepala 破: pecah 血: darah 流: mengalir
Maksud	cedera atau kalah dengan teruk
Contoh Ayat	我军在战争中将打敌人打得头破血流。
Terjemahan	Tentera kita telah mengalahkan musuh dalam medan peperangan.

‘头破血流’ (tóu pò xuě liú) biasanya digunakan untuk merujuk seseorang kalah dalam pergaduhan biasa. Makna simpulan bahasa Cina ini adalah terlalu ringan jika digunakan untuk merujuk kepada kalah dalam sesuatu peperangan seperti dalam contoh ayat (2). Simpulan bahasa Cina ‘头破血流’ patut diganti dengan ‘丢盔卸甲’ (diū kuī xiè jiǎ) yang bermaksud kalah dalam peperangan. Maknanya lebih berat dan lebih sesuai dengan peperangan.

Contoh ayat (3):

Simpulan Bahasa Cina	自作自受 zì zuò zì shòu
Terjemahan	自: sendiri 作: buat 自: sendiri 受: menanggung
Maksud	membawa masalah kepada diri sendiri
Contoh Ayat	几名因杀人而被捕的罪犯今天伏法，人们认为他们真是自作自受。
Terjemahan	Orang ramai beranggapan bahawa beberapa orang pembunuh itu memang patut dijatuhkan hukuman mati.

‘自作自受’ (zì zuò zì shòu) bermakna melakukan kesalahan dan mendatangkan akibat buruk kepada diri sendiri. Untuk menyampaikan pandangan orang ramai tentang menjalankan hukuman mati ke atas penjenayah yang melakukan pembunuhan, makna simpulan bahasa Cina ini adalah terlalu ringan dan tidak dapat menyampaikan perasaan

dengan sepenuhnya. Dalam ayat (3) harus menggunakan simpulan bahasa Cina ‘死有余辜’ (sǐ yóu yú gū).

2.4.4 Menggunakan Unsur Perasaan yang Tidak Sesuai (感情色彩不当)

Dalam setiap simpulan bahasa Cina mengandung perkataan yang membawa unsur perasaan yang tersendiri (Ji, 2008). Menurut Jiang dan Sun (2007), unsur perasaan ini boleh dibahagikan lagi kepada unsur positif (褒义), unsur neutral (中性) dan unsur negatif (贬义). Para pelajar perlu jelas dan faham akan unsur perasaan yang terkandung dalam sesuatu simpulan bahasa Cina berdasarkan teks atau tujuan untuk mengelakkan kesilapan jenis ini (Zhu, 2006). Contohnya:

Contoh ayat (1):

Simpulan Bahasa Cina	有口皆碑 yóu kǒu jiē bēi (Jiang & Sun, 2007, ms65)
Terjemahan	有: ada 口: mulut 皆: semua 碑: tugu
Maksud	dipuji oleh orang ramai
Contoh Ayat	他所做的坏事在村里是有口皆碑的。
Terjemahan	Semua orang dalam kampung mengetahui perkara jahat yang dilakukan olehnya.

‘有口皆碑’ (yóu kǒu jiē bēi) merujuk kepada pencapaian yang cemerlang atau orang yang dipuji orang ramai, ialah unsur yang positif. Dalam contoh ayat (1), simpulan bahasa Cina yang berunsur positif telah digunakan untuk merujuk perkara jahat yang berunsur negatif.

Contoh ayat (2):

Simpulan Bahasa Cina	罄竹难书 qǐng zhú nán shū (Yuan, 2010, ms37)
Terjemahan	罄: habiskan 竹: buluh 难: susah 书: tulis
Maksud	terlalu banyak untuk disebut
Contoh Ayat	妈妈对我们的关怀与照顾罄竹难书。
Terjemahan	Prihatin dan penjagaan ibu terhadap kita memang tidak dapat disampaikan dalam beberapa perkataan.

‘罄竹难书’ (qǐng zhú nán shū) merujuk kepada seseorang penjahat melakukan terlalu banyak perkara jahat sehingga ia tidak dapat habis dicatat. Dengan jelasnya simpulan bahasa Cina ‘罄竹难书’ membawa unsur negatif, tidak sesuai digunakan untuk ‘prihatin’ dan ‘penjagaan’ ibu yang mulia. Jadi, contoh ayat (2) patut menggunakan simpulan bahasa Cina yang mempunyai makna yang sama tetapi berunsur positif iaitu ‘一言难尽’ (yī yán nán jìn).

Contoh ayat (3):

Simpulan Bahasa Cina	半斤八两 bàn jīn bā liǎng (Yi, 2008, ms22)
Terjemahan	半: setengah 斤: kati 八 两: setengah kati
Maksud	tiada perbezaan
Contoh Ayat	这对双胞胎姐妹各有所长，真是半斤八两。
Terjemahan	Adik-beradik kembar ini mempunyai kelebihan masing-masing, memang standing.

Walaupun simpulan bahasa Cina ‘半斤八两’ (bàn jīn bā liǎng) bermaksud mempunyai kelebihan masing-masing, tetapi mengandungi unsur negatif kerana ia biasanya digunakan untuk merujuk kepada seseorang mempunyai kelebihan masing-masing dalam

membuat perkara yang tidak baik. Simpulan bahasa Cina ‘各有千秋’ (gè yǒu qiān qiū) yang berunsur positif lebih sesuai untuk contoh ayat (3) di atas.

2.4.5 Salah Skop Penggunaan (不适合对象)

Ada sesetengah simpulan bahasa Cina mempunyai skop penggunaan yang tertentu, sama ada untuk orang, bangunan, bidang perubatan, seni dan lain-lain (Yin, 2005). Jika skop penggunaan sesuatu simpulan bahasa Cina tidak dapat dikuasai dengan baik, keadaan salah skop penggunaan akan berlaku. Contoh yang diberi oleh Jiang dan Sun (2007) dan Yi (2008) ialah:

Contoh ayat (1):

Simpulan Bahasa Cina	豆蔻年华 dòu kòu nián huá (Yi, 2008, ms37)
Terjemahan	豆蔻: buah pelaga 年华: umur
Maksud	gadis muda
Contoh Ayat	近来，很多正值豆蔻年华的男大学生沉迷于网络游戏，荒废了学业。
Terjemahan	Kebelakangan ini, ramai mahasiswa yang berumur dua puluhan ketagih pada permainan internet sehingga mengabaikan pelajaran.

‘豆蔻年华’ (dòu kòu nián huá) merujuk kepada perempuan yang berumur tiga belas atau empat belas tahun. Contoh ayat (1) di atas telah melakukan kesalahan salah skop penggunaan iaitu menggunakan ‘豆蔻年华’ untuk mahasiswa yang berjantina lelaki dan telah melebihi umur 20 tahun.

Contoh ayat (2):

Simpulan Bahasa Cina	美轮美奂 měi lún měi huàn (Rong, 2007, ms85)
Terjemahan	美: cantik 轮: besar 美: cantik 奂: besar
Maksud	rumah yang mewah dan cantik
Contoh Ayat	那位艺术家雕刻的花草树木美轮美奂。
Terjemahan	Pokok bunga yang diukir oleh seniman itu seakan yang benar.

Skop penggunaan ‘美轮美奂’ (měi lún měi huàn) hanya terhad kepada bangunan sahaja (Yin, 2005). Simpulan bahasa Cina ini bermakna bangunan atau rumah yang besar dan cantik. Contoh ayat (2) di atas telah memperluaskan skop daripada ‘bangunan’ ke skop ‘seni’.

Contoh ayat (3):

Simpulan Bahasa Cina	汗牛充栋 hàn niú chōng dòng (Yin, 2005, ms23)
Terjemahan	汗: peluh 牛: lembu 充: mengisi 栋: tiang
Maksud	bilangan buku yang sangat banyak
Contoh Ayat	在中国历史上，古人刻苦学习的楷模汗牛充栋。
Terjemahan	Dalam sejarah Cina, terdapat banyak contoh orang zaman dahulu yang rajin belajar.

‘汗牛充栋’ (hàn niú chōng dòng) merujuk kepada bilangan buku yang sangat banyak. Contoh ayat (3) jelas menunjukkan pelajar tidak faham simpulan bahasa Cina ini dengan tepat dan telah memperluaskan skop penggunaannya ke atas manusia.

2.4.6 Kesalahan Struktur (结构偏误)

Kajian Hou (2006) menunjukkan bahawa kesilapan jenis ini berlaku disebabkan pelajar tidak memahami pembentukan struktur simpulan bahasa Cina dengan mendalam atau tidak dapat ingat susunan perkataan sesuatu simpulan bahasa Cina dengan tepat. Wang (2011) juga mengatakan bahawa pelajar yang mengubah susunan perkataan dalam simpulan bahasa Cina adalah kerana mereka tidak faham bahawa struktur simpulan bahasa Cina telah ditetapkan dan bilangan perkataannya tidak boleh ditambah atau dikurangkan dengan sesuka hati. Contoh kesalahan struktur adalah seperti di bawah:

Contoh (1):

Simpulan Bahasa Cina	省吃俭用 shěng chī jiǎn yòng (Wang, 2011)
Terjemahan	省: jimat 吃: makan 俭: jimat 用: guna
Maksud	hidup dengan sederhana
Contoh Ayat	我们的父母俭用省吃，把自己的全部留给了孩子。
Terjemahan	Ibu bapa kami berjimat- cermat demi memberi yang terbaik untuk anak.

Contoh ayat (1) menunjukkan struktur simpulan bahasa Cina telah berubah disebabkan susunan perkataannya telah diterbalikkan oleh pelajar.

Contoh (2):

Simpulan Bahasa Cina	门庭若市 mén tíng ruò shì (Wang, 2011)
Terjemahan	门: pintu 庭: halaman rumah 若: bagai 市: pasar
Maksud	ramai orang dan sangat meriah
Contoh Ayat	我们家前面那条街总是其门如市，做生意的人都喜欢跑来摆摊。
Terjemahan	Jalan di depan rumah saya sentiasa penuh dengan orang dan sangat meriah, peniaga suka berniaga di sana.

Contoh ayat (2) menunjukkan pelajar telah menggantikan perkataan asal dengan perkataan lain serta mengubah susunan perkataannya.

Contoh (3):

Simpulan Bahasa Cina	固执己见 gù zhí jǐ jiàn (Hou, 2006)
Terjemahan	固执: degil 己: sendiri 见: pendapat
Maksud	keras kepala
Contoh Ayat	父母跟子女对话的时候，他们不应固执自己的意见。
Terjemahan	Apabila berbual dengan anak, ibu bapa tidak patut keras kepala.

Contoh ayat (3) di atas menunjukkan pelajar telah mengubah struktur simpulan bahasa Cina yang asalnya empat perkataan dengan menambah perkataan yang berlebihan.

2.4.7 Kesilapan Tulisan (错别字)

Menurut Song (2003), kesilapan tulisan Cina dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu tulisan yang salah (错字) dan tulisan yang tidak tepat (别字). Kesilapan tulisan merupakan jenis kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan

dan ia bukan sahaja akan mempengaruhi markah karangan pelajar maka juga akan menyebabkan makna atau sesuatu idea tidak dapat disampaikan dengan tepat (Chen, 2009).

2.4.7.1 Tulisan yang Salah (错字)








Tulisan yang salah merujuk kepada tulisan yang strukturnya disalah tulis sehingga sesuatu perkataan menjadi perkataan yang tidak dapat dikenali (Song, 2003). Perkataan yang ditulis ini tidak terdapat dalam senarai perkataan Cina atau tidak dimuatkan dalam kamus (Li, 2001).

Pelajar yang melakukan kesilapan menulis tulisan yang salah berkait rapat dengan bentuk tulisan Cina yang kompleks dan unik. Tulisan Cina berbeza dengan tulisan silabik (seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris) yang dibentuk berdasarkan penggabungan abjad yang terdiri daripada sebutan tertentu, ia dibentuk daripada penggabungan stroke-stroke dan bentuk tulisannya tidak berubah mengikut sebutan. (Cheun, 1998).

2.4.7.1.1 Pembentukan Tulisan Cina (别字)

‘Stroke’ (笔画) ialah unit yang paling kecil dalam pembentukan tulisan Cina. Setiap tulisan Cina terbentuk daripada pelbagai ‘stroke’ tulisan cina. Menurut kajian Xing (2007), bentuk penulisan stroke dikenali sebagai bentuk stroke (笔形). Secara umum, asas stroke tulisan Cina boleh dikategorikan kepada 7 jenis.

Jadual 2.1 : Asas Stroke Tulisan Cina

Nama Stroke	点 diǎn	横 héng	竖 shù	撇 piě	捺 nà	提 tí	横钩 héng gōu
Bentuk							
Contoh	煮 zhǔ memasak	二 èr dua	羊 yáng kambing	月 yuè bulan	八 bā lapan	习 xī belajar	买 mǎi beli

Stroke-stroke ini kemudian digabungkan dan membentuk unit tulisan Cina yang dikenali sebagai komponen (部件). Contohnya perkataan ‘想’ (xiǎng, fikir) terdiri daripada komponen ‘相’ dan ‘心’, perkataan ‘男’ (nán, lelaki) terdiri daripada komponen ‘田’ dan ‘力’. Menurut kajian Xing (2007) dan Song (2003), kedudukan atau struktur komponen secara amnya boleh dibahagikan kepada 6 jenis iaitu:

(1) Struktur atas bawah (上下结构)

Tulisan ini dibentuk melalui gabungan komponen di bahagian atas dan bawah. Contoh perkataan-perkataan yang berkaitan ialah ‘要’ (yào, ingin), perkataan ‘思’ (sī, berfikir) dan perkataan ‘朵’ (duǒ, kuntum).

(2) Struktur atas tengah bawah (上中下结构)

Tulisan jenis ini dibentuk oleh tiga komponen. Komponen-komponen tersebut akan berada di bahagian atas, tengah dan bawah perkataan tersebut. Contohnya perkataan ‘器’ (qì, alat), perkataan ‘鼻’ (bí, hidung) dan perkataan ‘意’ (yì, makna).

(3) Struktur kiri kanan (左右结构)

Perkataan yang mempunyai dua komponen di sebelah kiri dan kanan. Contohnya perkataan ‘双’ (shuāng, sepasang), perkataan ‘好’ (hǎo, baik) dan perkataan ‘敲’ (qiāo, ketuk).

(4) Struktur kiri tengah kanan (左中右结构)

Perkataan dibentuk oleh tiga komponen yang berada di bahagian kiri, tengah dan kanan perkataan tersebut. Contoh perkataan yang berkaitan ialah ‘树’ (shù, pokok), perkataan ‘粥’ (zhōu, bubur) dan perkataan ‘谢’ (xiè, terima kasih).

(5) Struktur mengelilingi (包围结构)

Struktur jenis ini merujuk kepada perkataan di mana salah komponen mengelilingi satu lagi komponen dari luar. Ia boleh dibahagikan kepada jenis mengelilingi penuh seperti perkataan ‘回’ (huí, balik) dan perkataan ‘国’ (guó, negara). Contoh perkataan jenis separuh mengelilingi ialah perkataan ‘风’ (fēng, angin) dan perkataan ‘凶’ (xiōng, garang).

(6) Struktur lain-lain (其他结构)

Selain daripada lima jenis struktur di atas, terdapat juga struktur lain yang unik. Kebanyakan struktur komponen perkataan- perkataan tersebut adalah gabungan atau

penukaran bentuk daripada lima jenis struktur asas yang ditunjukkan di atas. Bilangan komponen yang digunakan untuk membentuk perkataan tersebut juga lebih banyak dan kompleks. Contohnya perkataan ‘薄’ (bó, sedikit) dan ‘鱗’ (lín, sisik).

2.4.7.1.2 Jenis-jenis Tulisan yang Salah

Terdapat beberapa jenis keadaan salah tulis yang dilakukan oleh pelajar iaitu penambahan atau pengurangan ‘stroke’ tulisan, perubahan bentuk tulisan, penukaran komponen tulisan dan meletakkan komponen di tempat yang salah.

(i) Penambahan dan pengurangan stroke tulisan Cina

Keadaan ini merujuk kepada perkataan yang stroke tulisannya telah bertambah atau dikurangkan berbanding dengan perkataan yang asal (Chen, 2010). Contoh penambahan stroke ialah perkataan ‘幻’ (huàn, khayalan) ditulis sebagai perkataan ‘幼’. Perkataan ‘己’ (jǐ, sendiri) ditulis sebagai ‘已’ dan perkataan ‘步’ (bù, langkah) ditulis sebagai ‘歩’. Manakala pengurangan stroke ialah perkataan ‘拜’ (bài, melawat) ditulis sebagai ‘拜’ dan perkataan ‘百’ (bǎi, ratus) ditulis sebagai ‘白’ (bái).

(ii) Perubahan bentuk tulisan Cina

Pengubahan bentuk tulisan merujuk kepada keadaan di mana bentuk perkataan telah mengalami perubahan semasa ditulis oleh pelajar (Song, 2003). Contohnya perkataan ‘虐’

(nüè, kejam) ditulis sebagai ‘虐’ . Perkataan ‘窃’ (qiè, mencuri) ditulis sebagai ‘窃’ dan perkataan ‘经’ (jīng, menceburi) ditulis sebagai ‘经’.

(iii) Penukaran komponen tulisan Cina

Komponen-komponen sesuatu tulisan telah ditukar dan menggunakan pasangan komponen yang salah dan menyebabkan sesuatu tulisan menjadi tulisan yang salah (Li, 2001). Contohnya perkataan ‘却’ (què, namun) ditulis sebagai ‘却’. Perkataan ‘贼’ (zéi, pencuri) ditulis sebagai ‘贼’ dan perkataan ‘隘’ (ài, sempit) ditulis sebagai ‘隘’.

(iv) Meletakkan komponen tulisan Cina di tempat yang salah

Keadaan ini merujuk kepada kedudukan sesuatu komponen tidak ditulis mengikut kedudukan yang betul tetapi telah diletakkan ke tempat yang salah. Akibatnya, tulisan yang ditulis adalah tulisan yang salah (Li, 2001). Contohnya perkataan ‘慌’ (huāng, panik) adalah berstruktur ‘kiri kanan’, jika ditulis menjadi struktur ‘atas bawah’ akan menghasilkan perkataan ‘慌’. Perkataan ‘渠’ (qú, longkang) yang berstruktur ‘atas bawah’, tetapi ditulis sebagai struktur ‘kiri kanan’ akan menjadi ‘渠’. Contoh yang lain ialah ‘甜’ (tián, manis) yang ditulis terbalik akan menjadi ‘甜’.

2.4.7.2 Tulisan yang Tidak Tepat

Tulisan yang tidak tepat merujuk kepada contoh keadaan perkataan A ditulis sebagai perkataan B (Li, 2001). Perkataan tersebut memang terdapat dalam tulisan Cina tetapi tulisannya digunakan di tempat yang tidak tepat atau tidak sama dengan maksud asasnya. Kesilapan ini biasanya hanya dapat dikesan pada frasa atau rangkai kata (Song, 2003).

Kajian yang dilakukan oleh Zhang (2004) dan Ng (2006) menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar melakukan kesilapan jenis ini disebabkan oleh beberapa jenis faktor. Antaranya ialah:

(i) Bentuk tulisan yang hampir sama (形近)

Iaitu komponen di antara dua tulisan mempunyai bentuk yang hampir sama dan menyebabkan pelajar guna perkataan yang salah untuk makna yang salah. Contohnya perkataan ‘认’ (rèn, mengecam) dan ‘让’ (ràng, membiarkan).

(ii) Tulisan yang sama bunyi atau hampir sama bunyi (音同, 音近)

Dalam bahasa Cina, terdapat banyak perkataan yang mempunyai bunyi dan nada yang sama atau hampir sama. Walau bagaimanapun bentuk tulisan, makna dan kegunaannya adalah berbeza. Pelajar akan keliru antara dua perkataan yang hampir sama bunyinya jika mereka tidak memahami makna dan bentuk tulisan dengan baik. Sebagai

contoh, menulis perkataan ‘屈服’ (qūfú, mengaku kalah) sebagai ‘曲服’ (qūfú). Perkataan ‘屈’ (qū) membawa maksud ‘menyerah’ manakala ‘曲’ (qū) membawa maksud ‘bengkok’. Jadi ‘曲服’ ialah tulisan yang tidak tepat.

(iii) Perkataan yang bentuk dan bunyinya hampir sama (形近、音近字)

Tulisan sama bentuk dan sama bunyi merujuk kepada tulisan Cina yang bukan sahaja bentuknya hampir malah bunyinya juga hampir sama. Sebagai contoh, perkataan ‘伴’ (teman) dan ‘拌’ (menggaul) sama-sama berbunyi ‘bàn’ dan bentuknya juga hampir sama. Bahagian yang berbeza hanya komponen di sebelah kiri sesuatu perkataan yang juga dikenali sebagai radikal. Para pelajar perlu memahami makna radikal untuk membezakan dua perkataan yang bentuk dan bunyinya hampir sama. Contohnya radikal perkataan ‘伴’ (bàn) ialah ‘亻’ yang membawa maksud ‘orang’ manakala radikal perkataan ‘拌’ (bàn) ialah ‘扌’ yang bermaksud ‘tangan’.

(iv) Perkataan yang mempunyai bunyi dan makna yang hampir sama (音近义近)

Ia juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kesalahan tulisan yang tidak tepat berlaku. Perkataan jenis ini mempunyai bunyi yang sama atau hampir sama dan maknanya juga hampir sama. Contohnya perkataan ‘视察’ dan ‘视查’ sama-sama berbunyi ‘shìchá’ dan juga sama-sama membawa makna ‘menyelia atau memeriksa’.

2.4.7.3 Cara-cara untuk membetulkan kesilapan tulisan

Untuk mengelakkan kewujudan tulisan yang salah atau tidak tepat, para pelajar harus menumpukan perhatian kepada tiga aspek iaitu bentuk, bunyi dan makna tulisan Cina (Li, 2001). Yang pertama, pelajar harus memberi perhatian kepada bentuk tulisan Cina. Setiap tulisan adalah dibentuk daripada stroke-stroke yang berlainan dan bilangan stroke juga berbeza. Menurut kajian Song (2003), jenis-jenis kesalahan yang kerap dilakukan ialah terlebih tulis stroke, terkurang stroke, salah guna komponen dan sebagainya. Jika pelajar dapat memerhati dengan jelas, membezakan dan mengenali perbezaan komponen atau bilangan stroke di antara tulisan Cina, kesilapan yang berkenaan dapat dielakkan.

Aspek yang kedua ialah bunyi bacaan perkataan Cina. Bunyi di sini merujuk kepada bunyi yang dibacakan apabila seseorang membaca perkataan yang berkaitan. Kebanyakan perkataan Cina ialah perkataan phonogram di mana komponen perkataan menunjukkan fonetik sesuatu perkataan Cina (Li, 2003). Jadi, pelajar boleh menggunakan komponen fonetik perkataan Cina untuk mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan tulisan salah atau tulisan yang tidak tepat.

Yang ketiga ialah makna perkataan. Setiap perkataan Cina membawa makna yang tersendiri (Song, 2003). Memahami makna perkataan sangat berguna dalam membantu para pelajar membetulkan kesilapan tulisan yang salah atau tulisan yang tidak tepat. Contohnya simpulan bahasa ‘完璧归赵’ (wán bì guī zhào. Makna: memulangkan sesuatu benda dalam keadaan yang lengkap kepada tuan punya). Terdapat pelajar yang tersalah tulis ‘璧’ (bì, jade) sebagai ‘壁’ (bì, dinding) kerana mereka tidak dapat membezakan makna yang

dibawa oleh dua perkataan ini. Jika pelajar dapat perhatikan bahawa komponen ‘玉’ (yù) yang bermaksud jade dan ‘土’ (tǔ) yang bermaksud tanah, maka kesalahan tersalah tulis dapat dielakkan. Abdul Hamid Mahmood (2006) juga menunjukkan bahawa penggunaan perkataan yang tepat dapat membantu pelajar dalam menyampaikan makna dengan betul dan tepat.

2.5 Kesimpulan

Pemahaman tentang jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam proses mempelajari simpulan bahasa Cina dan faktor yang mempengaruhinya adalah amat penting untuk pengkaji dan para pengajar dalam usaha mempertingkatkan penguasaan terhadap simpulan bahasa Cina. Selain itu, pelbagai kajian tentang simpulan bahasa yang telah dijalankan di dalam dan luar negara telah membuka mata masyarakat terhadap kepentingan dan kebaikan simpulan bahasa dalam kehidupan manusia.

Simpulan bahasa bukan sahaja merupakan warisan budaya masyarakat, ia juga dapat mempertingkatkan penguasaan manusia terhadap sesuatu bahasa. Masyarakat perlu memahami maksud tersurat dan tersirat serta penggunaan yang betul sesuatu simpulan bahasa supaya mesej disampaikan dengan tepat dan mengurangkan salah faham.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan kaedah dan proses kajian ini dijalankan. Aspek-aspek yang dibincangkan termasuk reka bentuk kajian, pemilihan sampel kajian, prosedur kajian, kaedah pengumpulan dan penganalisan data.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kajian perpustakaan. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini kerana memerlukan pembacaan dan penafsiran untuk memahami makna tersurat dan tersirat, unsur budaya serta penggunaan sesuatu simpulan bahasa Cina. Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian dalam pembelajaran simpulan bahasa Cina juga memerlukan satu penerangan yang lebih mendalam. Menurut Chua (2006), untuk data kajian yang melibatkan kelakuan manusia atau perkara yang tidak dapat dijelaskan dengan hanya merujuk kepada data numerika, adalah lebih sesuai diselidik melalui kajian kualitatif.

Oleh itu, penyelidik akan menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis data yang dikumpul melalui ujian, soal selidik dan temubual dengan guru yang mengajar Bahasa Cina. Berdasarkan data yang dikumpul, pengkaji berharap dapat menghasilkan satu

gambaran yang jelas mengenai fenomena di bawah kajian ini dan juga berharap dapat mencadangkan penyelesaian yang sesuai dalam membantu menyelesaikan masalah yang wujud dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina.

3.2 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua set instrumen iaitu ujian pemahaman (pra dan pos) serta penulisan karangan untuk menguji tahap penguasaan pelajar terhadap simpulan bahasa Cina dari dua aspek yang berlainan. Ujian pemahaman yang mengandungi 10 soalan objektif digunakan untuk menguji tahap pemahaman responden terhadap simpulan bahasa Cina. Manakala ujian penulisan karangan bertujuan untuk menguji keupayaan pelajar mengaplikasikan simpulan bahasa Cina yang telah dipelajari ke dalam karangan mereka.

3.2.1 Ujian Simpulan Bahasa Cina

Respondan kajian akan diminta untuk mengambil dua jenis ujian iaitu ujian pemahaman (pra dan pasca) dan penulisan karangan. Bahagian ujian pemahaman akan mengambil masa selama 10 minit dan mengandungi 10 soalan objektif yang direka bentuk oleh pengkaji berdasarkan format ujian UPSR. Jenis-jenis soalan termasuk :

- (a) pilih jawapan yang sesuai
- (b) mengisi tempat kosong
- (c) mencari makna
- (d) maksud berlawanan / hampir sama

Kaedah ujian pra dan pasca akan digunakan untuk membina kebolehpercayaan ujian ini (Chua, 2006). Melalui kaedah ini, ujian yang sama akan dijalankan dua kali. Ujian yang pertama akan dijalankan pada awal tahun dan ujian yang kedua akan dijalankan pada akhir tahun. Selepas itu, pengkaji akan menilai keputusan berasaskan ujian pertama. Tujuan kajian pra dan pasca dijalankan ialah untuk menguji sama ada strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar mendatangkan kesan kepada penguasaan mereka terhadap simpulan bahasa Cina.

Dalam bahagian penulisan karangan, setiap responden akan diminta menulis dua buah karangan. Format ujian penulisan adalah adaptasi daripada format ujian sebenar UPSR. Dalam ujian UPSR, pelajar diminta menulis dua buah karangan yang masing-masing mengandungi sekurang-kurangnya 80 dan 120 patah perkataan. Selain memerlukan isi yang cukup, para pelajar juga perlu menggunakan sekurang-kurangnya satu simpulan bahasa Cina dalam karangan berkenaan.

Tajuk karangan juga berdasarkan kertas peperiksaan UPSR tahun lepas di mana pelajar perlu menjawab dua bahagian. Dalam bahagian A, pelajar diminta menjawab 1 soalan daripada 5 pilihan yang diberi. Bahagian B pula diwajibkan untuk pelajar menjawab soalan karangan bergambar yang diberi.

3.2.2 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian yang sebenar dimulakan. Kajian rintis dijalankan untuk memastikan soalan yang dipilih oleh pengkaji sesuai untuk kajian ini, tidak ada kekaburan atau pertindihan (Asmah, 2002). Responden kajian rintis ini terdiri daripada 10 orang pelajar tahun enam daripada kelas tuisyen.

Jadual 3.1: Analisis Kajian Rintis

Bahagian A (5 soalan)	Bahagian B (2 soalan)
40% betul 5 soalan	20% betul 2 soalan
30% betul 3 soalan	20% betul 1 soalan
20% betul 2 soalan	30% salah semua
10% betul 1 soalan	30% langsung tidak guna simpulan bahasa Cina

Berdasarkan jadual di atas, pelajar mendapat markah yang lebih baik dalam ujian pemahaman yang di mana responden diuji pemahaman mereka terhadap makna tersurat simpulan bahasa Cina. Manakala ujian penulisan pula menunjukkan pelajar lebih lemah dalam mengaplikasikan simpulan bahasa Cina dalam penulisan.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan input hasil yang diperolehi daripada pengumpulan data primer dan data sekunder. Data primer mengenai strategi pembelajaran dan jenis kesalahan yang wujud semasa responden mempelajari simpulan bahasa Cina dikumpul dengan menggunakan gabungan 3 jenis instrumen iaitu soal selidik, ujian pemahaman (pra dan pasca) dan ujian penulisan.

Data sekunder yang merangkumi teori dan fakta diperolehi melalui kajian perpustakaan. Pengkaji telah membuat rujukan dari bahan elektronik, jurnal, buku, tesis, laporan penyelidikan atau kertas kerja yang berkaitan dengan bidang dan tajuk yang dikaji.

3.3.1 Temu Bual

Setelah menganalisis data tentang jenis-jenis kesalahan yang dilakukan serta strategi pembelajaran yang paling kerap digunakan oleh pelajar tahun enam, pengkaji akan menemu bual 5 orang guru bahasa Cina tahun enam dan 102 orang responden kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar tahun enam.

Kaedah temu bual semi struktur digunakan ketika menemubual responden supaya pengkaji dapat mencungkil sesuatu jawapan dengan lebih mendalam dan responden kajian juga dapat menjawab soalan dengan bebas (Chua, 2006). Dengan kaedah ini juga pengkaji boleh meningkatkan kesahihan (reliability) dapatan daripada analisis. Melalui maklumat yang dikumpul, pengkaji berharap dapat mencungkil faktor-faktor yang menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai simpulan bahasa Cina dengan baik. Selain daripada itu, pengkaji juga ingin mencari cara penyelesaian yang berkesan untuk membantu pelajar mengatasi masalah yang wujud dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina supaya pencapaian pelajar dalam peperiksaan bahasa Cina dapat ditingkatkan.

3.3.2 Soal Selidik

Dalam kajian ini, pelajar juga diminta untuk menjawab soal selidik yang disediakan oleh pengkaji. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian dan merupakan adaptasi daripada inventori strategi pembelajaran (SILL) Oxford (1990). Selain daripada itu, semua soalan dan arahan dalam borang soal selidik ini telah diubahsuai diterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin mengikut kesesuaian latar belakang pelajar.

Bahagian A borang soal selidik memerlukan butiran peribadi pelajar seperti nama, umur, jantina, agama dan bangsa. Manakala bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar untuk mempelajari simpulan bahasa Cina. Soalan-soalan tersebut diklasifikasikan berdasarkan taksonomi Oxford (1990) yang merangkumi dua kategori utama iaitu strategi langsung dan tidak langsung. Strategi langsung merujuk kepada strategi memori, kognitif dan kompensasi. Manakala strategi tidak langsung merujuk kepada strategi metakognitif, afektif dan sosial. Skala Libert digunakan untuk jawapan dan pelajar diminta untuk menjawab semua soalan di dalam kelas.

3.4 Persampelan

Persampelan ialah satu proses penyelidikan ke atas suatu populasi yang ingin dikaji dengan mengambil sebahagian daripada populasi untuk diselidik. Sampel yang dipilih ini akan mewakili keseluruhan populasi dan membolehkan pengkaji membuat generalisasi mengenai populasi itu (Chua, 2006). Dalam kajian ini, seramai 102 orang pelajar tahun

enam daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau SRJK (C) di Klang dipilih sebagai responden kajian.

Pelajar tahun enam dipilih sebagai sampel kajian kerana golongan pelajar ini telah mempelajari simpulan bahasa Cina yang lebih banyak berbanding dengan golongan pelajar lain. Menurut silabus sekolah rendah, pelajar tahun empat, lima dan enam akan mempelajari 80 simpulan bahasa Cina setiap tahun. Jadi, pelajar tahun enam yang telah mempelajari sekurang-kurangnya 240 simpulan bahasa Cina lebih sesuai dipilih sebagai responden kajian ini dan data yang dikumpul juga lebih lengkap.

3.5 Penganalisan Data

Data yang dikumpul daripada penulisan karangan akan dicatat ke dalam satu jadual kekerapan mengikut kategori kesalahan masing-masing. Jadual kekerapan ini juga akan disusun mengikut kekerapan paling tinggi hingga kekerapan paling rendah untuk mengetahui jenis kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar tahun enam. Contoh jadual kekerapan kesalahan yang digunakan dalam kajian adalah seperti berikut:

Jadual 3.2: Contoh Jadual Kekerapan Kesalahan Pelajar

No.	Jenis Kesalahan	Jumlah
1.	Salah faham makna	5
2.	Salah skop penggunaan	4
3.	Salah tulis	4

Data penggunaan strategi pembelajaran yang dipungut melalui borang soal selidik SILL pula akan direkod dalam bentuk jadual. Apabila semua data telah siap diisi,

penyelidik akan menghitung peratusan setiap jenis strategi yang digunakan oleh pelajar. Analisis ini bertujuan untuk mendapatkan jenis strategi pembelajaran yang paling kerap digunakan oleh pelajar dalam proses mempelajari dan menguasai simpulan bahasa Cina.

Soal selidik SILL dalam kajian ini mengandungi 30 soalan yang telah diubahsuai. Soalan-soalan yang dipilih tertumpu pada strategi pembelajaran yang boleh digunakan oleh pelajar untuk memudahkan pembelajaran simpulan bahasa Cina. Selain daripada itu, skala libert dalam soal selidik SILL juga dipermudahkan supaya pelajar tidak berasa keliru ketika menjawab soal selidik berkenaan. Contoh jadual yang digunakan adalah seperti:


Jadual 3.3: Contoh Soal Selidik Strategi Pembelajaran Bahasa

Jenis Strategi yang Digunakan	Selalu %	Biasa %	Kadang -kadang %	Tidak pernah %
<i>Strategi memori</i>				
Menggunakan gambaran untuk mengingati sesuatu simpulan bahasa Cina				
Baca semula sesuatu simpulan bahasa Cina untuk mengingati maksudnya				
<i>Strategi Kongnitif</i>				
Saya gunakan kamus untuk mencari maksud simpulan bahasa Cina				
Mengambil nota semasa mempelajari simpulan bahasa Cina				

3.6 Prosedur Kajian

Prosedur kajian telah dirancang sebelum kajian sebenar dimulakan untuk memastikan kajian dijalankan dengan bersistematik. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

Rajah 3.1: Prosedur Kajian



3.7 Kesimpulan

Kajian ini adalah satu kajian yang berasaskan kaedah kualitatif dan bertujuan untuk menghasilkan satu deskripsi yang mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina dan juga cara penyelesaian yang berkesan. Tambahan dengan prosedur kajian yang teratur, diharapkan gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh dapat dihasilkan dalam bab yang seterusnya.

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian yang diperolehi melalui kaedah kajian yang dibincangkan dalam Bab 3. Analisis data dan dapatan akan dilakukan secara mendalam untuk menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab 1. Selain itu, jadual yang berkaitan juga akan disertakan untuk memudahkan penganalisan data.

4.1 Soalan Kajian 1: Apakah jenis-jenis kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina?

Kajian penulisan yang dijalankan dalam kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar tahun enam dalam proses mempelajari simpulan bahasa Cina di sekolah rendah. Berdasarkan data-data yang diperolehi, terdapat 5 jenis kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar dan ditunjukkan dalam jadual 4.1.

Jadual 4.1: Jenis kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar

Jenis Kesalahan	Bilangan Pelajar	Peratusan
Kesilapan tulisan	40	39.2%
Kolokasi yang salah	10	9.8%
Kesalahan struktur	6	5.9%
Salah faham makna	4	3.9%
Unsur perasaan yang tidak sesuai	2	2%
Tiada Kesalahan	40	39.2%
Jumlah	102	100%

Berdasarkan data yang ditunjukkan dalam jadual 4.1, jenis kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar tahun enam dalam proses mempelajari simpulan bahasa Cina ialah kesilapan tulisan. Seramai 40 orang pelajar atau 39.2% didapati melakukan kesilapan jenis ini ketika menggunakan simpulan bahasa Cina dalam karangan mereka. Jenis kesalahan yang kedua kerap dilakukan oleh pelajar ialah menggunakan kolokasi yang salah iaitu terdapat 9.8% atau seramai 10 orang pelajar didapati melakukan kesilapan ini.

Diikuti dengan kesalahan yang ketiga kerap dilakukan ialah kesalahan struktur simpulan bahasa Cina. Seramai 6 orang pelajar atau 5.9% daripada keseluruhan sampel. Kesalahan yang keempat ialah salah faham makna simpulan bahasa Cina. Jadual 4.1 menunjukkan terdapat 3.9% atau seramai 4 orang pelajar melakukan kesalahan ini. Jenis kesalahan yang berada di tempat kelima dalam jadual di atas ialah unsur perasaan yang tidak sesuai. Seramai 2 orang pelajar atau 2.0 % daripada keseluruhan telah melakukan kesilapan ini dalam karangan mereka.

Di bawah adalah analisis yang lebih mendalam dan contoh jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar tahun enam dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina.

(a) Kesilapan tulisan

Kesilapan tulisan merangkumi menggunakan tulisan yang salah dan tulisan yang tidak tepat (Song, 2003). Berdasarkan analisis data, jenis kesilapan tulisan yang dilakukan oleh pelajar dalam kajian ini lebih cenderung kepada 3 kategori utama iaitu menggunakan tulisan yang sama bunyi atau hampir sama bunyi, menggunakan perkataan yang bentuk dan bunyinya hampir sama serta menggunakan tulisan yang salah.

(i) Menggunakan tulisan yang sama bunyi atau hampir sama bunyi

Tulisan Cina yang sama bunyi atau hampir sama bunyi merujuk kepada tulisan Cina yang mempunyai ejaan yang sama tetapi nada intonasi serta maksud yang berbeza (Chen, 2009). Berdasarkan penjelasan Zhang (2004) dan Ng (2006), faktor yang menyebabkan pelajar melakukan kesilapan jenis ini adalah kerana mereka tidak menguasai makna dan bentuk tulisan Cina dengan baik. Contoh-contoh kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah seperti berikut:

Contoh (1):

Salah	Betul
含心茹苦 hán xīn rú kǔ	含辛茹苦 hán xīn rú kǔ
Maksud: hati	Maksud: kesusahan

Dalam contoh (1), simpulan bahasa Cina ‘含辛茹苦’ (hán xīn rú kǔ) bermaksud bertahan kepada semua jenis kesusahan. Akan tetapi, pelajar telah menukarkan perkataan asal ‘辛’ (xīn) yang merujuk kepada ‘kesusahan’ kepada perkataan ‘心’ (xīn) yang

bermaksud ‘hati’. Penukaran perkataan ini telah menyebabkan simpulan bahasa Cina yang digunakan dalam karangan mereka menjadi simpulan bahasa Cina yang salah.

Contoh (2):

Salah	Betul
清彻见底 qīng chè jiàn dǐ	清澈见底 qīng chè jiàn dǐ
Maksud: menyeluruh	Maksud: jernih

Simpulan bahasa Cina dalam contoh (2) bermaksud air yang bersih dan jernih. Pelajar salah gunakan perkataan yang sama bunyi iaitu ‘彻’ (chè) yang bermaksud ‘menyeluruh’ untuk menggantikan perkataan ‘澈’ (chè) yang bermaksud ‘jernih’.

Contoh (3):

Salah	Betul
光音似箭 guāng yīn sì jiàn	光阴似箭 guāng yīn sì jiàn
Maksud: bunyi	Maksud: masa

Contoh (3) menunjukkan pelajar telah salah guna perkataan sama bunyi iaitu ‘音’ (yīn) yang membawa maksud ‘bunyi’ untuk menggantikan perkataan ‘阴’ (yīn) yang bermaksud ‘masa’. Simpulan bahasa ini merujuk kepada ‘masa berlalu dengan cepat’. Jadi perkataan ‘音’ (yīn) tidak sesuai digunakan dalam simpulan bahasa Cina ini.

Contoh (4):

Salah	Betul
喜新厌久 xǐ xīn yàn jiǔ	喜新厌旧 xǐ xīn yàn jiù
Maksud: lama	Maksud: lama

Dalam contoh (4), pelajar telah menggantikan perkataan ‘旧’ (jiù) yang bermaksud ‘lama’ dengan perkataan yang hampir sama bunyi iaitu ‘久’ (jiǔ). Simpulan bahasa Cina ini bermaksud ‘suka akan yang baru dan benci yang lama’. Perkataan ‘久’ (jiǔ) merujuk ‘tempoh masa yang lama’ dan ia tidak sesuai digunakan untuk merujuk orang atau benda yang lama.

Contoh (5):

Salah	Betul
大名顶顶 dà míng dǐng dǐng	大名鼎鼎 dà míng dǐng dǐng
Maksud: puncak	Maksud: besar-besaran

Simpulan bahasa Cina ‘大名鼎鼎’ (dà míng dǐng dǐng) merujuk kepada ‘orang yang terkenal’. Contoh (5) menunjukkan pelajar telah menggantikan ‘鼎鼎’ (dǐng dǐng) yang bermaksud ‘besar-besaran’ dengan ‘顶顶’ (dǐng dǐng) yang bermaksud ‘puncak’. Tindakan ini telah menyebabkan simpulan bahasa Cina menjadi simpulan bahasa Cina yang salah.

Contoh (6):

Salah	Betul
战战荆荆 zhàn zhàn jīng jīng	战战兢兢 zhàn zhàn jīng jīng
Maksud: pokok chaste	Maksud: berhati-hati

Simpulan bahasa Cina ‘战战荆荆’ (zhàn zhàn jīng jīng) bermaksud ‘dengan berhati-hati’. Contoh (6) menunjukkan bahawa pelajar telah menggantikan kata adjektif ‘兢兢’ (jīng jīng) yang bermaksud ‘berhati-hati’ dengan kata nama ‘荆荆’ (jīng jīng) yang bermaksud ‘pokok chaste’. Simpulan bahasa Cina ini digunakan untuk merujuk perbuatan

atau tindakan seseorang yang gentar dan berhati-hati. Jadi kata nama ‘荊荊’ (jīng jīng) tidak sesuai digunakan dalam simpulan bahasa Cina ini.

(ii) Menggunakan perkataan yang bentuk dan bunyinya hampir sama

Perkataan yang berkaitan sentiasa mengelirukan pelajar kerana mempunyai bentuk tulisan dan bunyi bacaan yang hampir sama (Chen, 2009). Contoh-contoh kesalahan pelajar adalah seperti di bawah:

Contoh (1):

Salah	Betul
浩浩汤汤 hào hào tāng tāng	浩浩荡荡 hào hào dàng dàng
Maksud: sup	Maksud: perkasa

Contoh (1) menunjukkan pelajar salah guna perkataan ‘汤’ (tāng) yang bermaksud ‘sup’ sebagai ‘荡’ (dàng) yang bermaksud ‘perkasa’. Keadaan ini berlaku kerana kedua-dua perkataan ini mempunyai bentuk yang hampir sama (Ling, 2009). Perbezaan di antara dua perkataan ini ialah radikal ‘艹’ yang terletak di atas perkataan ‘荡’ (dàng).

Contoh (2):

Salah	Betul
乱七八糟 luàn qī bā gāo	乱七八糟 luàn qī bā zāo
Maksud: kuih	Maksud: teruk

Perkataan ‘糕’ (gāo) dalam contoh (2) bermaksud ‘kuih’ telah disalah anggap sebagai perkataan ‘糟’ (zāo) yang bermaksud ‘teruk’. Bentuk kedua-dua perkataan hampir

sama kerana mempunyai radikal yang sama iaitu ‘米’ yang terletak di sebelah kiri perkataan.

Contoh (3):

Salah	Betul
狼吞虎烟 láng tūn hǔ yān	狼吞虎咽 láng tūn hǔ yàn
Maksud: asap	Maksud: telan

Contoh (3) juga menunjukkan pelajar salah guna perkataan ‘烟’ (yān) yang bermaksud ‘asap’ sebagai ‘咽’ (yàn) yang bermaksud ‘telan’. Pelajar keliru ketika menggunakan kedua-kedua perkataan ini kerana mereka mempunyai komponen yang sama iaitu ‘因’ dan juga bunyi bacaan yang hampir sama.

Contoh (4):

Salah	Betul
棒腹大笑 bàng fù dà xiào	捧腹大笑 pěng fù dà xiào
Maksud: kayu	Maksud: menatang

Simpulan bahasa Cina ‘捧腹大笑’ (pěng fù dà xiào) bermaksud ‘tertawa terbahak-bahak’. Contoh (4) menunjukkan bahawa pelajar telah menggunakan perkataan ‘棒’ (bàng) yang bermaksud ‘kayu’ dalam simpulan bahasa berkenaan. Kedua-dua perkataan ini mempunyai bentuk yang hampir sama. Perbezaan di antara kedua-dua perkataan ini ialah radikal ‘木’ dan ‘扌’ di sebelah kiri perkataan.

Contoh (5):

Salah	Betul
养家湖口 yǎng jiā hú kǒu	养家糊口 yǎng jiā hú kǒu
Maksud: tasik	Maksud: mencari rezeki

Dalam contoh (4), pelajar telah salah guna perkataan ‘湖’ (hú) yang bermaksud ‘tasik’ untuk menggantikan perkataan yang asal iaitu ‘糊’ (hú) yang merujuk kepada ‘mencari rezeki’. Untuk mengelakkan kekeliruan atau salah guna perkataan, pelajar harus ingat dengan jelas bahawa radikal ‘氵’ berkaitan dengan ‘air’ manakala radikal ‘米’ berkaitan dengan ‘makanan’.

(iii) Menggunakan tulisan yang salah

Menurut kajian Song (2003), tulisan yang salah merujuk kepada tulisan yang strukturnya disalah tulis sehingga sesuatu perkataan menjadi perkataan yang tidak dapat dikenali. Perkataan yang ditulis ini juga tidak dicatat dalam senarai perkataan Cina atau tidak dimuatkan dalam kamus.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar berkenaan telah menggunakan perkataan yang salah dalam ujian yang dijalankan. Contoh-contoh tulisan yang salah adalah seperti di bawah.

Contoh (1):

Salah	Betul
(暎)然一新	焕然一新 huàn rán yī xīn
Maksud: tiada maksud	Maksud: cerah

Contoh (1) menunjukkan responden kajian menulis tulisan yang salah kerana pelajar telah menukarkan radikal tulisan Cina yang asal. Radikal di sebelah kiri tulisan ‘焕’ (huàn) yang asal ialah ‘火’ tetapi telah diganti dengan ‘日’ yang merupakan radikal yang salah. Penukaran pasangan radikal dan komponen tulisan yang salah akan menyebabkan sesuatu tulisan itu menjadi tulisan yang salah (Li, 2001).

Contoh (2):

Salah	Betul
奇形(怪)状	奇形怪状 qí xíng guài zhuàng
Maksud: tiada maksud	Maksud: pelik

Contoh (2) di atas menunjukkan pelajar yang berkenaan telah mengubah bentuk tulisan Cina. Menurut kajian Song (2003), pengubahan bentuk tulisan ialah keadaan di mana bentuk perkataan telah mengalami perubahan semasa ditulis oleh pelajar. Perkataan ‘怪’ (guài) di dalam contoh (2) telah ditukar bentuk menjadi ‘怪’. Perkataan ini merupakan perkataan yang salah kerana ia tidak terdapat dalam kamus (Song, 2003).

Contoh (3):

Salah	Betul
(津津)有味	津津有味 jīn jīn yǒu wèi
Maksud: tiada maksud	Maksud: air liur

Perkataan ‘津’ dalam contoh (3) merupakan tulisan yang salah kerana terdapat pengurangan stroke. Berbanding dengan bilangan stroke tulisan ‘津’ (jīn) yang betul, perkataan di sebelah kiri terkurang satu stroke mendatar iaitu ‘一’ di bahagian bawah.

Contoh (4):

Salah	Betul
自(暴)自弃	自暴自弃 zì bào zì qì
Maksud: tiada maksud	Maksud: patah hati dan enggan berusaha lagi

Tulisan Cina yang ditunjukkan dalam contoh (4) ialah tulisan yang salah kerana terdapat penambahan stroke berbanding dengan perkataan ‘暴’ (bào) yang betul. Radikal ‘日’ di bahagian atas perkataan telah terlebih satu stroke ‘丨’ dan menjadi ‘田’. Penambahan stroke ini telah mengakibatkan perkataan ‘暴’ menjadi perkataan yang salah.

(b) Kolokasi yang salah

Kolokasi yang salah merujuk kepada penggunaan perkataan yang tidak logik atau bercanggah dengan perkataan lain dalam ayat (Chen, 2002). Kolokasi yang salah merupakan jenis kesalahan yang kedua kerap dilakukan oleh pelajar tahun enam dalam penulisan karangan. Pada keseluruhannya, kesalahan yang dilakukan oleh responden kajian tertumpu pada pengulangan semantik.

Contoh ayat (1):

Contoh ayat	我们的成绩突飞猛进得神速。 Wǒmen de chéngjì tū fēi měng jìn dé shén sù
Terjemahan	Pencapaian kami <i>meningkat dengan cepat</i> .
Pembetulan	我们的成绩突飞猛进。 Wǒmen de chéngjì tū fēi měng jìn.

Simpulan bahasa Cina ‘突飞猛进’ (tū fēi měng jìn) dalam contoh (1) telah membawa maksud meningkat dengan cepat. Akan tetapi, pelajar masih menambah

pelengkap ‘神速’ (shén sù) yang juga bermaksud ‘cepat’. Penggunaan dua perkataan yang sama maksud dalam satu ayat telah menyebabkan pengulangan semantik (Wang, 2011). Sebagai pembedaan, pelengkap ‘神速’ harus digugurkan untuk mengelakkan pengulangan semantik.

Contoh ayat (2):

Contoh ayat	我们带着心满意足的心情回家。 Wǒmen dài zhe xīn mǎn yì zú de xīn qíng huí jiā
Terjemahan	Kami <i>berasa sangat puas hati</i> dan balik rumah.
Pembedaan	我们心满意足地回家。 Wǒmen xīn mǎn yì zú de huí jiā.

Contoh ayat (2) juga menunjukkan berlakunya keadaan pengulangan semantik. Dalam ayat tersebut terdapat penggunaan simpulan bahasa Cina ‘心满意足’(xīn mǎn yì zú) yang merujuk kepada perasaan berpuas hati dan juga menggunakan perkataan ‘心情’ (xīn qíng) yang juga bermaksud ‘perasaan’. Jadi, perkataan ‘心情’ harus digugurkan supaya tidak berlaku pengulangan semantik.

Contoh ayat (3):

Contoh ayat	同学们一起努力, 同心协力把校园打扫干净。 Tóngxuémen yīqǐ nǚlì, tóng xīn xié lì bǎ xiàoyuán dǎsǎo gānjìng.
Terjemahan	Para pelajar <i>bersama-sama</i> membersihkan halaman sekolah.
Pembedaan	同学们 同心协力把校园打扫干净。 Tóngxuémen tóng xīn xié lì bǎ xiàoyuán dǎsǎo gānjìng.

Pengulangan semantik dalam ayat contoh (3) berlaku kerana menggunakan perkataan ‘一起’ (yīqǐ) yang bermaksud ‘bersama-sama’ dan simpulan bahasa Cina ‘同心

协力’ (tóng xīn xié lì) yang juga bermaksud ‘bersama-sama’. Perkataan ‘一起’ (yīqǐ) harus digugurkan untuk mengelakkan pengulangan semantik.

Contoh (4):

Contoh ayat	妈妈出门后,弟弟更加 变本加厉 ,乱发脾气。 Māma chū mén hòu, didi gèng jiā biàn běn jiā lì, luàn fā pí qì.
Terjemahan	Adik lebih <i>bertambah teruk</i> dan meradang selepas ibu keluar.
Pembetulan	妈妈出门后,弟弟 变本加厉 ,乱发脾气。 Māma chū mén hòu, didi biàn běn jiā lì, luàn fā pí qì.

Contoh ayat (4) juga merupakan contoh ayat yang terdapat pengulangan semantik. Di mana pelajar meletakkan perkataan ‘更加’ (gèng jiā) yang bermaksud ‘lebih’ di hadapan simpulan bahasa Cina ‘变本加厉’ (biàn běn jiā lì) yang merujuk ‘bertambah teruk’. Ini menyebabkan ayat berkenaan mempunyai dua perkataan yang sama makna. Perkataan ‘更加’ (gèng jiā) harus digugurkan untuk mengelakkan pengulangan semantik berlaku.

Contoh ayat (5):

Contoh ayat	爸爸合不拢嘴。 Bàba hé bù lóng zuǐ
Terjemahan	Ayah <i>tidak dapat menutup mulut.</i>
Pembetulan	爸爸笑得合不拢嘴。 Bàba xiào dé hé bù lóng zuǐ

Simpulan bahasa Cina ‘合不拢嘴’ (hé bù lóng zuǐ) merujuk kepada seseorang ‘senyum sehingga tidak dapat menutup mulutnya’. Contoh ayat (5) tidak lengkap kerana pelajar tidak menjelaskan sebab ayah tidak dapat menutup mulutnya. Pelajar harus tambah

perkataan ‘senyum’ di depan simpulan bahasa berkenaan dan lengkapkan maksud ayat iaitu ‘Ayah senyum sehingga tidak dapat menutup mulutnya’.

Contoh ayat (6):

Contoh ayat	弟弟乱七八糟地把玩具丢在地上 Dìdì luàn qī bā zāo dé bǎ wán jù diū zài dì shàng
Terjemahan	Adik kelim kabut membuang permainannya di atas lantai.
Pembetulan	弟弟把玩具扔得乱七八糟。 Dìdì bǎ wán jù rēng dé luàn qī bā zāo.

Simpulan bahasa Cina ‘乱七八糟’ (luàn qī bā zāo) merujuk kepada keadaan ‘kelim kabut atau kacau bilau’. Ia tidak sesuai digunakan untuk menggambarkan perbuatan adik yang ‘mencampak’ permainannya. Simpulan bahasa Cina berkenaan harus digunakan untuk menggambarkan permainan adik yang ‘berselerak’ di atas lantai.

(c) Kesalahan struktur

Simpulan bahasa Cina mempunyai struktur yang mantap dan susunan perkataan dalam sesuatu simpulan bahasa Cina tidak boleh diubah dengan sesuka hati (Wang, 2011). Kesalahan struktur dalam kajian ini merujuk kepada perubahan susunan perkataan yang dilakukan oleh pelajar semasa menggunakan simpulan bahasa Cina dalam penulisan. Contohnya:

Contoh (1):

Betul	东倒西歪 dōng dǎo xī wāi
Terjemahan	东: timur 倒: terbalik 西: barat 歪: senget
Salah	东西歪倒 dōng xī wāi dǎo
Maksud	dalam keadaan kucar-kacir

Struktur simpulan bahasa Cina ‘东倒西歪’ (dōng dǎo xī wāi) dalam contoh (1) adalah jenis struktur bersama iaitu ‘东倒’ (kata kerja) + ‘西歪’ (kata kerja). Pelajar telah mengubah susunan perkataannya sehingga ia menjadi simpulan bahasa Cina yang salah dan malahan tidak terdapat dalam mana-mana kamus simpulan bahasa Cina.

Contoh (2):

Betul	风平浪静 fēng píng làng jìng
Terjemahan	风: angin 平: tenang 浪: ombak 静: senyap
Salah	浪静风平 làng jìng fēng píng
Maksud	tenang

Simpulan bahasa Cina ‘风平浪静’ (fēng píng làng jìng) juga merupakan salah satu simpulan bahasa Cina yang mempunyai struktur bersama. Iaitu ‘风平’ (kata adjektif) + ‘浪静’ (kata adjektif). Susunan perkataan simpulan bahasa Cina ini tidak boleh diubah menjadi ‘浪静风平’ (làng jìng fēng píng) walau kedua-dua frasa ‘风平’ dan ‘浪静’ merupakan frasa kata adjektif. Ini kerana susunan perkataan dalam setiap simpulan bahasa Cina telah ditetapkan, dihadkan oleh hukum tatabahasa dan tidak boleh mengubah dengan sesuka hati (An, 2006).

Contoh (3):

Betul	心满意足 xīn mǎn yì zú
Terjemahan	berasa sangat puas hati
Salah	意满心足 yì mǎn xīn zú
Maksud	berasa sangat puas hati

Struktur simpulan bahasa Cina ‘心满意足’ (xīn mǎn yì zú) ialah srtuktur bersama. Di mana ‘心满’ (kata adjektif) + ‘意足’ (kata adjektif). Pelajar telah mengubah susunan simpulan bahasa Cina yang asal dan menjadi ‘意足心满’ (yì mǎn xīn zú). Penukaran susunan perkataan telah mengakibatkan ‘意足心满’ (yì mǎn xīn zú) bukan lagi simpulan bahasa Cina dan tidak dapat menyampaikan makna asalnya lagi (Zhang, 2007).

Contoh (4):

Betul	不厌其烦 bú yàn qí fán
Salah	不厌烦 bú yàn fán
Maksud	penuh kesabaran

Contoh (4) menunjukkan pelajar telah mengurangkan bilangan perkataan simpulan bahasa ‘不厌其烦’ (bú yàn qí fán) dan menjadikannya sebagai ‘不厌烦’ (bú yàn fán). Bilangan perkataan dalam sesuatu simpulan bahasa Cina adalah tetap dan tidak boleh diubah dengan sesuka hati (Luo, 2000). Kesalahan ini berlaku kerana pelajar tidak menguasai dan mengingati kegunaan simpulan bahasa Cina dengan baik (Hou, 2006).

(d) Salah faham makna

Kajian Hou (2006) menunjukkan bahawa pelajar mudah melakukan kesilapan jenis ini jika mereka tidak dapat menguasai atau mengingati maksud sesuatu perkataan dengan

tepat dan hanya menganalisis maksudnya dari permukaan. Contoh-contoh berkaitan adalah seperti berikut.

Contoh ayat (1):

Contoh ayat	桌上的生日礼物美仑美奂 Zhuō shàng de lǐwù měi lún měi huàn
Terjemahan	Hadiah di atas meja sangat <i>indah</i> .

Simpulan bahasa Cina ‘美仑美奂’ (měi lún měi huàn) merujuk kepada bangunan yang besar, cantik dan mewah. Dalam contoh ayat (1), pelajar telah salah faham makna simpulan bahasa berkenaan dan menggunakannya untuk merujuk hadiah yang cantik. Untuk membetulkan ayat ini, pelajar patut gunakan simpulan bahasa Cina ‘琳琅满目’ (lín láng mǎn mù) yang bermaksud ‘barang yang cantik dan aneka jenis’.

Contoh ayat (2):

Contoh ayat	弟弟的哭声一鸣惊人。 Dìdì de kū shēng yì míng jīng rén.
Terjemahan	Tangisan adik <i>mengagumkan</i> .

Simpulan bahasa Cina ‘一鸣惊人’ (yì míng jīng rén) merujuk kepada ‘prestasi yang menonjol atau mengagumkan’ dan ia tidak sesuai digunakan untuk merujuk kepada bunyi tangisan (Zhang, 2007). Pelajar harus menggunakan simpulan bahasa Cina ‘震耳欲聋’ (zhèn ěr yù lóng) yang bermaksud ‘menulikan telinga’ dalam ayat contoh (2).

Contoh ayat (3):

Contoh ayat	我们在台下袖手旁观参赛者精彩的表演。 Wǒmen zài tái xià xiù shǒu páng guān cān sài zhě jīngcǎi de biáoyǎn.
Terjemahan	Kami <i>berpeluk tubuh</i> dan menyaksikan persembahan para peserta di bawah pentas.

Simpulan bahasa Cina ‘袖手旁观’ (xiù shǒu páng guān) bermaksud ‘tidak menghulurkan bantuan’ atau ‘tidak menghiraukan’. Contoh ayat (4) menunjukkan bahawa pelajar salah faham maksud simpulan bahasa Cina berkenaan sebagai ‘menyaksikan di tepi’. Simpulan bahasa yang sesuai digunakan dalam ayat ini ialah ‘聚精会神’ (jù jīng huì shén) yang bermaksud ‘menumpukan sepenuh perhatian’.

Contoh ayat (4):

Contoh ayat	考场里风平浪静, 大家忙着书写答案。 Kǎochǎng lǐ fēng píng làng jìng, dàjiā máng zhe shū xiě dá àn.
Terjemahan	Dewan peperiksaan sangat <i>tenang</i> , semua orang sibuk menulis jawapan dalam kertas peperiksaan.

Simpulan bahasa Cina ‘风平浪静’ (fēng píng làng jìng) tidak sesuai digunakan dalam contoh ayat (4) kerana ia merujuk kepada ‘perasaan yang tenang’ atau ‘permukaan laut yang tenang’. Simpulan bahasa Cina ‘鸦雀无声’ (yā què wú shēng) yang bermaksud ‘sangat senyap’ lebih sesuai digunakan untuk menggambarkan keadaan dewan peperiksaan yang sangat senyap ketika peperiksaan sedang dijalankan.

(e) Unsur perasaan yang tidak sesuai

Simpulan bahasa Cina mengandung perkataan yang membawa unsur perasaan yang tersendiri (Ji, 2008). Unsur perasaan berkenaan boleh dibahagikan lagi kepada unsur positif (褒义), unsur neutral (中性) dan unsur negatif (贬义) (Jiang & Sun, 2007). Pelajar yang tidak faham sesuatu simpulan bahasa Cina dengan mendalam mudah berlaku salah guna unsur perasaan yang tidak sesuai (Rong, 2007). Contoh salah guna unsur perasaan responden kajian adalah seperti di bawah.

Contoh ayat (1):

Contoh ayat	我们躲在门后，爸爸视而不见。 Wǒmen duǒ zài mén hòu, bàba shì ér bú jiàn.
Terjemahan	Ayah <i>tidak menghiraukan</i> kami sembunyi di belakang pintu.

Simpulan bahasa Cina ‘视而不见’ (shì ér bú jiàn) berunsur negatif kerana ia merujuk kepada ‘tidak menghiraukan’ atau ‘tidak memandang tinggi’. Contoh ayat (1) ingin menyampaikan maksud ‘ayah tidak perasan’ atau ‘tidak nampak’ terdapat orang yang bersembunyi di belakang pintu. Pelajar harus menggunakan simpulan bahasa Cina ‘浑然无知’ (hún rán wú zhī) yang bermaksud ‘langsung tidak tahu’ dalam ayat berkenaan.

Contoh ayat (2):

Contoh ayat	我和妈妈狼狈为奸布置客厅，为爸爸庆祝生日。 Wǒmen hé māma láng bèi wéi jiān bù zhì kètīng, wèi bàba qìngzhù shēngrì.
Terjemahan	Kami <i>bersuhabat</i> dengan ibu menghiaskan ruang tamu untuk meraikan hari jadi ayah.

Contoh ayat (2) menunjukkan pelajar telah menggunakan simpulan bahasa Cina yang berunsur negatif untuk merujuk perkara yang positif. Simpulan bahasa Cina ‘狼狽为奸’ (láng bèi wéi jiān) bermaksud ‘bersuhabat untuk melakukan kejahatan’. Ia tidak sesuai untuk merujuk ‘bekerjasama meraikan hari jadi ayah’ yang berunsur positif. Simpulan bahasa Cina ‘齐心协力’ (qí xīn xié lì) yang bermaksud ‘berusaha bersama dalam melakukan sesuatu’ lebih sesuai digunakan dalam ayat ini.

4.2 Soalan Kajian 2: Apakah jenis strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina?

Berdasarkan data yang dikumpul melalui soal selidik, pelajar tahun enam menggunakan strategi pembelajaran untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina. Pada keseluruhannya, pelajar tahun enam lebih gemar menggunakan strategi kognitif dan strategi sosial. Strategi afektif pula tidak menjadi pilihan pelajar untuk digunakan dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina. Data-data yang berkaitan ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 4.2 : Strategi pembelajaran yang digunakan dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina

Jenis SPB	Peratusan
Kognitif	35%
Sosial	25%
Memori	20%
Metakognitif	15%
Kompensasi	5%
Afektif	0%
Jumlah	100%

Berdasarkan jadual 4.2, strategi kognitif merupakan strategi yang paling popular di kalangan pelajar tahun enam iaitu sebanyak 35% pelajar memilih untuk menggunakan strategi ini ketika mempelajari simpulan bahasa Cina. Diikuti oleh strategi sosial yang dilaporkan terdapat sebanyak 25% pelajar menggunakannya.

Strategi memori digunakan oleh 20% pelajar dan strategi metakognitif pula terdapat sebanyak 15% pelajar yang melaporkan mereka menggunakannya semasa mempelajari simpulan bahasa Cina. Strategi yang paling jarang dipilih oleh pelajar tahun enam ialah strategi kompensasi di mana hanya 5% pelajar yang menggunakannya. Strategi afektif pula dilaporkan tidak menjadi pilihan pelajar tahun enam ketika mempelajari simpulan bahasa Cina.

4.2.1 Penggunaan strategi kognitif

Strategi kognitif ialah strategi yang membolehkan pelajar bahasa memanipulasikan atau transformasi sesuatu bahasa secara langsung (Oxford, 2003). Strategi ini membolehkan pelajar memahami dan menghasilkan makna ketika mempelajari bahasa (Kamarul, 2010). Strategi kognitif menggunakan teknik-teknik seperti berlatih, menerima dan menghantar mesej, menganalisis dan menaakul serta mencipta struktur untuk input dan output (Oxford, 1990).

Data kajian yang dikumpul menunjukkan sebanyak 45.8% pelajar yang memilih strategi kognitif selalu menggunakan kamus untuk fahami maksud sesuatu simpulan bahasa Cina yang baru. Pelajar melaporkan mereka menggunakan kamus simpulan bahasa Cina untuk memahami atau mencari makna sesuatu simpulan bahasa Cina yang baru.

Strategi membuat nota ketika mempelajari simpulan bahasa Cina juga sangat popular di kalangan pelajar tahun enam kerana terdapat sebanyak 31% pelajar yang selalu menggunakan strategi ini. Pelajar mengatakan mereka mencatat penerangan dan contoh-contoh penggunaan simpulan bahasa Cina yang diberi oleh guru dalam kelas. Nota yang berkaitan kemudian akan digunakan sebagai rujukan ketika mengulangkaji simpulan bahasa yang telah dipelajari.

Strategi menganalisis makna atau komponen simpulan bahasa Cina dilaporkan selalu digunakan oleh 9.8% pelajar tahun enam. Pelajar berkenaan melaporkan mereka akan memecahkan sesuatu simpulan bahasa Cina yang baru ke dalam beberapa bahagian supaya mereka senang untuk memahami makna simpulan bahasa Cina tersebut.

Strategi menyebut atau menulis simpulan bahasa Cina beberapa kali juga selalu digunakan oleh 7.9% pelajar tahun enam. Apabila mengulangkaji subjek bahasa Mandarin, pelajar mengatakan bahawa mereka akan menyebut sesuatu simpulan bahasa Cina beberapa kali dengan kuat untuk membantu mereka mengingatnya. Selain daripada itu, terdapat sesetengah pelajar melaporkan mereka menulis sesuatu simpulan bahasa Cina yang baru berulang kali supaya dapat menguasainya dengan baik.

Strategi membaca buku atau menonton rancangan yang berkaitan dengan simpulan bahasa Cina paling tidak popular di kalangan pelajar tahun enam. Ini kerana hanya terdapat 5.4% pelajar yang melaporkan mereka menggunakan strategi ini dalam proses mempelajari simpulan bahasa Cina. Pelajar yang memilih strategi ini melaporkan mereka menonton rancangan televisyen seperti 'Astro Tutor TV' dan buku cerita simpulan bahasa Cina untuk membantu mereka mempelajari simpulan bahasa Cina dengan lebih mendalam.

4.2.2 Penggunaan strategi sosial

Strategi sosial ialah strategi yang amat penting untuk pembelajaran bahasa yang melibatkan komunikasi antara manusia (Oxford, 1990). Strategi ini membantu pelajar bekerjasama dengan orang lain bagi tujuan untuk mempelajari sesuatu bahasa dan budayanya (Oxford, 2003). Lan (2005) juga mengatakan bahawa strategi sosial merujuk kepada bagaimana pelajar berinteraksi dengan orang lain dalam konteks pembelajaran bahasa dan budaya yang berkaitan. Strategi ini merangkumi strategi tanya soalan, meminta bantuan orang lain dan empati kepada orang lain (Oxford, 1990).

Menurut analisis data kajian, sebanyak 25% pelajar yang menggunakan strategi ini ketika mempelajari simpulan bahasa Cina. Di kalangan pelajar tersebut, terdapat 40.7% pelajar yang akan bertanya soalan apabila menghadapi masalah dalam pembelajaran simpulan bahasa Cina. Sebanyak 36% pelajar daripada kumpulan pelajar yang menggunakan strategi sosial akan tanya guru atau rakan sekelas untuk penjelasan yang lebih lanjut apabila mereka rasa keliru atau tidak berapa jelas tentang sesuatu simpulan bahasa Cina. Manakala 23.8% pelajar akan meminta guru atau kawan untuk membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh mereka ketika mempelajari sesuatu simpulan bahasa Cina. Strategi ini dapat membantu pelajar dalam meningkatkan pemahaman, penglibatan dan minat dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina (Oxford, 1990).

Strategi bekerjasama dengan orang lain digunakan oleh 22.7% pelajar dalam kajian ini. Di antaranya terdapat 16.9% pelajar memilih untuk berlatih penggunaan simpulan bahasa Cina dengan kawan atau adik-beradik. Manakala 17.4% pelajar akan meminta bantuan orang lain ketika menghadapi masalah dalam membuat tugas simpulan bahasa

Cina. Menurut penjelasan Oxford (1990), kedua-dua set strategi bukan sahaja meningkatkan prestasi bahasa pelajar tetapi juga meningkatkan penerimaan diri dan sosial pelajar.

Strategi yang sangat kurang digunakan oleh pelajar tahun enam ialah mengembangkan kefahaman tentang budaya yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina. Hanya 5.8% pelajar yang berminat atau rela belajar budaya yang berkaitan dengan simpulan bahasa Cina dalam proses mempelajari simpulan bahasa Cina. Pelajar yang berkenaan melaporkan mereka meneroka budaya di sebalik simpulan bahasa Cina supaya mereka dapat menguasai makna dan kegunaan sesuatu simpulan bahasa Cina secara menyeluruh.

4.2.3 Penggunaan strategi memori

Strategi memori adalah strategi yang membolehkan pelajar menghubungkan dua item bahasa atau konsep tanpa memerlukan kefahaman yang mendalam (Oxford, 2003). Kamarul (2010) juga mengatakan bahawa strategi memori ialah strategi yang lebih tertumpu pada penghafazan dan pengingatan. Strategi memori merangkumi strategi mencipta hubungan mental, menggunakan imej dan bunyi, mengulangkaji dengan baik dan menggunakan tindakan (Oxford, 1990).

Data kajian menunjukkan terdapat 20% pelajar tahun enam memilih menggunakan strategi memori untuk membantu mereka mempelajari simpulan bahasa Cina. Strategi yang paling banyak digunakan oleh pelajar ialah strategi mengulangkaji. Sebanyak 55% pelajar daripada keseluruhan pelajar yang menggunakan strategi memori melaporkan mereka

mengulangkaji setiap simpulan bahasa Cina yang diajar oleh guru di dalam kelas atau di rumah.

Strategi mencipta hubungan mental digunakan oleh sebanyak 21% pelajar dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina. Para pelajar melaporkan mereka membuat pengelasan simpulan bahasa Cina berdasarkan kategori atau fungsinya. Cara ini membantu pelajar mengingati simpulan bahasa Cina yang telah dipelajari dengan lebih sistematik dan mudah.

Manakala strategi menggunakan imej dan bunyi dipilih oleh 12% pelajar tahun enam dalam kajian ini. Pelajar yang menggunakan strategi ini melaporkan mereka menggunakan kata kunci dan imej yang berkaitan untuk membantu mereka mengingati sesuatu simpulan bahasa Cina. Satu lagi strategi dalam ketegori imej dan bunyi iaitu meletakkan simpulan bahasa Cina dalam konteks tidak menjadi pilihan pelajar tahun enam dalam proses mempelajari simpulan bahasa Cina.

Strategi menggunakan tindakan pula menjadi pilihan kepada 12% pelajar tahun enam. Para pelajar melaporkan mereka menggunakan 'flash card' iaitu kad kecil yang mengandungi gambar dan perkataan penting sesuatu simpulan bahasa untuk membantu mereka menguasai sesuatu simpulan bahasa Cina.

4.2.4 Penggunaan strategi metakognitif

Berdasarkan definisi Oxford (2003), strategi metakognitif ialah tindakan yang digunakan oleh pelajar untuk menyelaraskan proses pembelajaran bahasa mereka sendiri.

Kamarul (2010) mengatakan bahawa strategi metakognitif adalah strategi yang digunakan oleh pelajar untuk menyusun, merancang dan menilai pembelajaran. Secara amnya, strategi metakognitif ialah strategi yang merangkumi perancangan, mengatur, menilai dan memantau pembelajaran bahasa (Lan, 2005).

Strategi metakognitif adalah strategi yang keempat paling kerap digunakan oleh pelajar tahun enam dalam kajian ini. Data kajian menunjukkan terdapat sebanyak 15% pelajar yang menggunakan strategi metakognitif dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina. Untuk strategi memusatkan pembelajaran, sebanyak 30% pelajar daripada jumlah pelajar yang menggunakan strategi ini melaporkan mereka menumpukan perhatian ketika guru mengajar atau menjelaskan makna sesuatu simpulan bahasa Cina yang baru.

Strategi mengatur dan merancang pembelajaran pula dilaporkan digunakan oleh 36.3% pelajar daripada jumlah pelajar yang menggunakan strategi metakognitif dalam pembelajaran simpulan bahasa Cina. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21% pelajar melaporkan mereka akan mencari peluang untuk berlatih penggunaan simpulan bahasa Cina sama ada secara bertulis atau secara lisan. Selain itu, sebanyak 15.3% pelajar melaporkan bahawa mereka merangka jadual untuk mempelajari simpulan bahasa Cina. Sesetengah pelajar akan merangka jadual untuk sepanjang tahun manakala sesetengah lagi pelajar hanya akan merangka jadual ulangkaji apabila ada ujian bahasa Cina.

Untuk strategi menilai pembelajaran, sebanyak 33.8% pelajar melaporkan mereka menggunakannya untuk belajar simpulan bahasa Cina. Sebanyak 22% pelajar menganalisis kesalahan yang dilakukan oleh mereka dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina. Pelajar berkenaan melaporkan mereka akan menganalisis kesalahan yang dilakukan oleh

mereka dalam ujian bahasa Cina ataupun tugas harian untuk mengelakkan diri daripada mengulang kesalahan yang sama. Strategi memantau pencapaian pula dilaporkan digunakan oleh 11.8% pelajar tahun enam. Pelajar yang berkaitan akan memantau pencapaian mereka dengan mencatatkan prestasi mereka dalam setiap ujian bahasa Cina yang dijalankan di sekolah atau di dalam kelas tuisyen.

4.2.5 Penggunaan strategi Kompensasi

Strategi kompensasi membolehkan pelajar memahami atau bertutur dalam bahasa sasaran walaupun menghadapi batasan dalam pengetahuan bahasa (Oxford, 1990). Lan (2005) juga mengatakan bahawa strategi kompensasi bertujuan untuk mengisi tempat pengetahuan bahasa yang hilang semasa pelajar mendengar, membaca, bertutur atau menulis. Secara amnya, strategi kompensasi boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu strategi meneka dengan bijak dan strategi mengatasi batasan dalam pertuturan dan penulisan sesuatu bahasa (Oxford, 1990).

Dalam kajian ini, hanya 5% pelajar tahun enam yang menggunakan strategi ini dalam pembelajaran simpulan bahasa Cina. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 56.2% pelajar memilih kategori meneka dengan bijak manakala 43.7% pelajar memilih kategori mengatasi batasan dalam menutur atau menulis bahasa sasaran.


Untuk kategori strategi meneka dengan bijak, 33.3% pelajar tahun enam melaporkan mereka akan meneka makna sesuatu simpulan bahasa Cina berdasarkan maksud literalnya. Manakala 22.9% pelajar yang lain memilih untuk membaca seluruh ayat atau artikel yang mengandungi simpulan bahasa Cina untuk mendapatkan maknanya.

Sebanyak 32% pelajar tahun enam melaporkan mereka akan mendapatkan bantuan apabila menghadapi batasan dalam mempelajari sesuatu simpulan bahasa Cina. Pelajar melaporkan mereka akan minta bantuan kawan sekelas atau adik-beradik untuk memberikan maksud simpulan bahasa Cina yang mereka tidak ingat atau lupa. Selain itu, terdapat 6.5% pelajar melaporkan mereka akan menggunakan sesuatu simpulan bahasa yang hampir sama maksud apabila tidak dapat ingat sesuatu simpulan bahasa Cina yang lebih sesuai untuk merujuk kepada mesej yang ingin disampaikan. Strategi mencipta perkataan baru dilaporkan digunakan oleh 5.2% pelajar tahun enam. Pelajar berkenaan akan melaporkan mereka akan mencipta perkataan baru dengan sesuka hati untuk menggantikan perkataan yang mereka tidak ingat.

4.2.6 Penggunaan strategi afektif

Strategi afektif digunakan oleh pelajar untuk mengawal emosi, sikap, motivasi dan nilai pembelajaran bahasa sasaran (Oxford, 1990). Lan (2005) juga mengatakan bahawa strategi ini dapat membantu pelajar menangani emosi, motivasi dan sikap ketika belajar bahasa sasaran. Strategi afektif merangkumi tiga kategori utama iaitu mengurangkan kekhuatiran, memberi galakkan kepada sendiri dan mengawal keadaan emosi (Oxford, 2003) . Data kajian menunjukkan bahawa strategi ini tidak digunakan oleh pelajar tahun enam dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina.

4.3 Soalan Kajian 3: Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar tahun enam?



Rajah 4.1: Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Simpulan Bahasa Cina

Carta pai di atas menunjukkan peratusan pencapaian pelajar dalam ujian simpulan bahasa Cina. Secara keseluruhannya, hanya terdapat 39% pelajar tahun enam yang menjawab ujian simpulan bahasa Cina dengan baik. Keadaan ini menunjukkan bahawa keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar tahun enam adalah kurang memuaskan memandangkan bahasa Mandarin adalah bahasa ibunda mereka. Hasil daripada temu-bual dengan 5 orang guru Bahasa Cina, faktor-faktor yang didapati mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di SRJK (C) adalah seperti di bawah.

4.3.1 Pembelajaran yang tidak menyeluruh

Berdasarkan temu bual dengan guru bahasa Cina, salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar tahun enam ialah pembelajaran yang tidak menyeluruh. Terdapat seramai 4 orang guru bahasa Cina yang berpendapat bahawa jumlah bilangan simpulan bahasa Cina yang dipelajari oleh pelajar tahun enam adalah terlalu kurang berbanding dengan jumlah simpulan bahasa Cina yang terdapat dalam kamus simpulan bahasa Cina. Menurut Sukatan Pelajaran Bahasa Cina Sekolah Rendah 2001, pelajar mempelajari 80 patah simpulan bahasa Cina setiap tahun mulai daripada tahun empat.

Ini bermakna pelajar tahun enam hanya mempelajari sebanyak 240 patah simpulan bahasa Cina. Berbanding dengan 2800 lebih patah simpulan bahasa Cina yang terdapat dalam kamus simpulan bahasa Cina iaitu Chengyu Cidian, jumlah simpulan bahasa Cina yang dipelajari oleh pelajar tahun enam adalah sangat kurang. Jumlah simpulan bahasa Cina yang dipelajari hanya lebih kurang 8 peratus daripada jumlah simpulan bahasa Cina yang terdapat dalam kamus. Wang (2011) pernah mengatakan bahawa silabus pembelajaran bahasa Cina yang tidak mementingkan pembelajaran simpulan bahasa Cina adalah salah satu faktor yang menyebabkan pelajar melakukan kesalahan ketika menggunakan simpulan bahasa Cina. Zhu (2006) juga mencadangkan pembelajaran simpulan bahasa Cina patut dijadikan satu topik yang penting dalam sukatan pelajaran bahasa Cina di sekolah rendah supaya keberkesanan pembelajaran di kalangan pelajar dapat ditingkatkan.

Selain daripada itu, seramai 5 orang guru bahasa Cina yang ditemu bual juga berpendapat bahawa masa yang digunakan oleh pelajar untuk belajar simpulan bahasa Cina

adalah sangat kurang. Berdasarkan data yang diperolehi daripada temu bual pelajar, pengkaji mendapati bahawa pelajar jarang meluangkan masa untuk membuat ulangkaji atau latihan tambahan di luar bilik darjah.

Jadual 4.3: Jumlah Masa Ulangkaji Di Luar Bilik Darjah

Jam / Sehari	Bilangan	Peratusan %
kurang daripada 1 jam	22	21.6
1 jam hingga 2 jam	61	59.8
lebih daripada 2 jam	19	18.6
Jumlah	102	100

Berdasarkan jadual 4.3.1, terdapat 22 orang pelajar menggunakan masa yang kurang daripada satu jam untuk membuat ulangkaji simpulan bahasa Cina di luar bilik darjah setiap hari. Sebanyak 59.8% pelajar melaporkan mereka membuat ulangkaji antara 1 jam hingga 2 jam setiap hari. Hanya sebanyak 18.6% pelajar yang melaporkan mereka menggunakan masa yang lebih daripada 2 jam untuk membuat ulangkaji simpulan bahasa Cina.

Berdasarkan pencapaian pelajar dalam ujian simpulan bahasa Cina, pelajar yang menggunakan masa yang lebih lama untuk membuat ulangkaji mendapat pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang jarang membuat ulangkaji di luar bilik darjah. Zhu (2006) mengatakan bahawa pelajar harus meluangkan masa yang secukupnya untuk membuat ulangkaji serta latihan supaya dapat menguasai simpulan bahasa Cina dengan baik. Jiang dan Sun (2007) mengatakan bahawa pelajar harus meluangkan lebih banyak masa untuk membuat latihan di rumah, menganalisis kesalahan dan mendalami ilmu tentang simpulan bahasa Cina supaya keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina dapat ditingkatkan.

4.3.2 Strategi pembelajaran

Kajian Oxford (1990) menunjukkan bahawa strategi pembelajaran adalah satu faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar yang belajar sesuatu subjek yang sama. Data kajian yang dikumpul melalui soal selidik SILL Oxford (1990) dan keputusan ujian pelajar membuktikan bahawa strategi yang digunakan oleh pelajar memang mempengaruhi prestasi para pelajar dalam menguasai simpulan bahasa Cina. Pendapatan kajian ini juga menyokong kajian Hou (2006) yang mengatakan bahawa keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina bergantung kepada penggunaan strategi pembelajaran di kalangan pelajar sekolah rendah.

Dalam kajian ini, pelajar diminta menjawab 2 jenis ujian iaitu ujian pemahaman dan ujian penulisan karangan. Markah dan gred ujian pelajar tahun enam dikategorikan berdasarkan Skala Gred Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Malaysia. Jadual di bawah menunjukkan peratusan bilangan pelajar tahun enam yang mencapai sesuatu gred ujian.


Jadual 4.4: Keputusan Ujian Simpulan Bahasa Cina Pelajar Tahun Enam

Markah	Gred	Peratusan %
80-100	A	48
60-79	B	51
40-59	C	1
20-39	D	0
1-19	E	0

Jadual 4.3.2 menunjukkan bahawa di antara 102 orang pelajar tahun enam, terdapat sebanyak 48% pelajar tahun enam telah mendapat gred A, 51% mendapat gred B dan 1%

pelajar telah mendapat gred C. Keputusan ini masih tidak memuaskan kerana pelajar yang mendapat gred A tidak melebihi separuh daripada jumlah bilangan pelajar. Bahasa Cina adalah bahasa ibunda pelajar tahun enam dalam kajian ini dan mereka sepatutnya mempunyai prestasi yang lebih baik. Pengkaji berasa keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh pemilihan strategi pembelajaran bahasa di kalangan pelajar tahun enam. Ini adalah kerana penggunaan strategi pembelajaran yang sesuai akan membantu pelajar menguasai simpulan bahasa Cina dengan baik (Zhu, 2006).

Demi membuktikan penggunaan strategi pembelajaran bahasa adalah faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina, pengkaji akan membandingkan pencapaian pelajar dengan jenis strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar tahun enam. Data-data yang berkenaan ditunjukkan dalam carta palang di bawah.



Rajah 4.2: Perbandingan Pencapaian Ujian dengan Jenis Strategi Pembelajaran Bahasa yang Dipilih

Berdasarkan carta palang di atas, strategi kognitif, sosial dan metakognitif adalah pilihan kegemaran pelajar yang mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam ujian simpulan bahasa Cina. Manakala pelajar yang lebih lemah lebih gemar menggunakan strategi memori dan kompensasi ketika belajar atau menggunakan sesuatu simpulan bahasa Cina. Ini telah membuktikan teori Oxford (1990) yang mengatakan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa adalah faktor penentuan pencapaian pelajar dalam sesuatu subjek.

Strategi kognitif dan metakognitif adalah strategi pembelajaran yang berteraskan teknik berlatih, menganalisis dan merancang pembelajaran. Manakala strategi sosial berteraskan teknik berinteraksi dan memahami budaya bahasa sasaran. Pelajar tahun enam yang menggunakan strategi ini mempunyai pencapaian yang lebih cemerlang kerana memahami makna tersurat dan tersirat, berlatih, menganalisis kesalahan dan pengumpulan pengetahuan tentang simpulan bahasa Cina adalah faktor kejayaan dalam menguasai simpulan bahasa Cina dengan baik (Zhu, 2006 dan Jiang dan Su, 2007).

Pelajar yang lebih lemah dalam ujian simpulan bahasa Cina lebih gemar menggunakan strategi memori dan kompensasi. Strategi memori berfokus kepada penghafazan dan penguatan manakala strategi kompensasi berfokus kepada teknik meneka dan mengatasi batasan dengan bijak. Kedua-dua strategi ini tidak dapat membantu meningkatkan prestasi pelajar kerana pelajar tidak memahami makna dan penggunaan simpulan bahasa Cina dengan menyeluruh. Tambahan pula pelajar juga jarang berlatih menggunakan simpulan bahasa Cina secara lisan atau bertulis. Semua ini adalah faktor yang mendorong pelajar melakukan kesalahan dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina (Hou, 2006).

Secara amnya, pelajar yang cemerlang lebih cenderung menggunakan strategi kongnitif, sosial dan metakognitif. Manakala pelajar yang lebih lemah lebih gemar menggunakan strategi memori dan kompensasi. Ini telah membuktikan teori kajian Hou (2006) dan Zamri (2006) yang mengatakan pelajar yang cemerlang berkecenderungan menggunakan pelbagai jenis strategi dalam proses pembelajaran. Pelajar tahun enam harus memilih strategi yang lebih sesuai dengan pembelajaran simpulan bahasa Cina supaya keberkesanan pembelajaran dapat ditingkatkan.

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam ujian simpulan bahasa Cina. Secara amnya, kesalahan yang paling kerap dilakukan ialah kesilapan tulisan di mana pelajar salah tulis atau salah guna perkataan ketika menulis sesuatu tulisan. Kesalahan yang lain termasuk kolokasi yang salah, kesalahan struktur, salah faham makna dan unsur perasaan yang tidak sesuai. Selain daripada itu, pengkaji juga dapat mengenal pasti jenis strategi pembelajaran yang paling kerap digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi kognitif merupakan strategi yang paling popular manakala strategi afektif pula tidak menjadi pilihan pelajar tahun enam.

Dapatan kajian ini juga mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina iaitu pembelajaran yang tidak menyeluruh dan penggunaan strategi pembelajaran. Secara keseluruhannya, faktor pembelajaran yang tidak menyeluruh dan pemilihan strategi pembelajaran yang tidak sesuai

mendatangkan kesan yang negatif terhadap keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar tahun enam.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini bertujuan untuk merumuskan dapatan kajian berdasarkan penganalisan data dalam bab 4. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti jenis-jenis kesalahan yang kerap dilakukan, jenis strategi pembelajaran yang digunakan dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar tahun enam. Selain daripada itu, pengkaji juga akan mengemukakan implikasi kajian dan cadangan untuk kajian selanjutnya. Pengkaji berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya para pelajar dan guru dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina.

5.1 Rumusan Dapatan Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kajian perpustakaan. Dalam kajian ini, seramai 102 orang pelajar tahun enam yang belajar di SRJK(C) dipilih sebagai responden kajian. Data kajian dikumpul melalui ujian simpulan bahasa Cina, borang soal selidik strategi pembelajaran bahasa dan temu bual.

Ujian simpulan bahasa Cina yang diberi kepada pelajar tahun enam merangkumi 2 bahagian iaitu kertas A yang mengandungi 10 soalan objektif dan kertas B pula

mengandung 2 tajuk karangan. Kedua-dua ujian ini bertujuan untuk menguji pemahaman dan keupayaan pelajar menggunakan simpulan bahasa Cina dalam penulisan. Semua soalan ujian simpulan bahasa Cina merupakan adaptasi daripada format kertas ujian UPSR. Jawapan yang diberi oleh pelajar tahun enam dapat membantu pengkaji mengenal pasti jenis-jenis kesalahan yang sering dilakukan oleh mereka.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebanyak 60% pelajar yang melakukan kesalahan ketika menjawab kertas ujian simpulan bahasa Cina. Ini bermakna hanya 40% pelajar yang dapat menjawab kertas ujian simpulan bahasa Cina dengan baik. Analisis data menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 5 jenis kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar. Di antaranya kesilapan tulisan merupakan jenis kesalahan yang paling kerap berlaku iaitu sebanyak 39.2% berbanding dengan jenis kesalahan yang lain. Semua kesalahan yang dilakukan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam ujian UPSR.

Kajian ini juga membantu pengkaji mengenal pasti jenis strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar tahun enam dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina mereka. Data kajian berkenaan dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik strategi pembelajaran bahasa. Borang soal selidik merupakan adaptasi daripada inventori strategi pembelajaran (SILL) Oxford (1990). Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran Kognitif adalah strategi pembelajaran bahasa yang paling popular di kalangan pelajar tahun enam. Manakala strategi Afektif tidak menjadi pilihan pelajar ketika mempelajari simpulan bahasa Cina.

Selain daripada itu, pengkaji juga mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar tahun enam yang belajar di SRJK(C). Berdasarkan analisis pencapaian pelajar dalam ujian simpulan bahasa Cina dan analisis data borang soal selidik strategi pembelajaran, pengkaji mengenal pasti beberapa faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina. Faktor-faktor berkaitan adalah:

(A) Pembelajaran yang tidak menyeluruh

Berdasarkan huraian Sukatan Pembelajaran Bahasa Cina dan temubual dengan guru, pengkaji mendapati simpulan bahasa Cina tidak diberi penekanan yang sepatutnya. Pelajar di sekolah rendah tidak diminta untuk menguasai simpulan bahasa Cina sejak mereka mula belajar di tahun satu. Sebaliknya pelajar hanya mula belajar simpulan bahasa Cina ketika mereka belajar di tahun empat. Tambahan pula, pelajar hanya diminta untuk belajar 80 simpulan bahasa Cina setiap tahun. Pendek kata, pelajar hanya menguasai sebanyak 240 simpulan bahasa Cina di dalam sepanjang proses pembelajaran di sekolah rendah. Ini adalah tidak mencukupi berbanding dengan jumlah bilangan simpulan bahasa Cina yang terdapat dalam kamus.

Selain daripada itu, pengkaji juga mendapati bahawa pembelajaran simpulan bahasa Cina di SRJK(C) terlalu menekankan penghafalan maksud simpulan bahasa Cina sehingga mengabaikan keupayaan pelajar menggunakannya dalam kehidupan harian. Pelajar juga tidak berpeluang untuk mempelajari dan memahami asal-usul dan makna yang tersirat di dalam sesuatu simpulan bahasa Cina. Pembelajaran yang tidak menyeluruh ini akan menyebabkan pelbagai masalah wujud dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina.

Pengkaji mencadangkan agar pembelajaran simpulan bahasa Cina dijadikan lebih sistematik dan berkesan untuk meningkatkan prestasi pelajar tahun enam dalam peperiksaan UPSR. Guru boleh mereka satu siri latihan yang khas untuk pelajar yang merangkumi aspek membaca, menghafal dan berlatih. Pelajar harus diberi galakkan untuk lebih kerap menggunakan simpulan bahasa Cina secara bertulis atau lisan. Guru juga boleh meluangkan sedikit masa untuk menjalankan permainan simpulan bahasa Cina yang menarik seperti setiap pelajar bergilir untuk menceritakan satu cerita yang berkaitan dengan simpulan bahasa Cina, silang kata, teka teki dan lain-lain. Proses pembelajaran yang menarik dapat memupuk minat pelajar dan memudahkan pelajar untuk mengingati sesuatu simpulan bahasa Cina.

Selain daripada itu, guru juga boleh mengkategorikan simpulan bahasa Cina berdasarkan tema atau fungsinya sebelum memulakan proses pembelajaran setiap hari. Contohnya simpulan yang bertemakan binatang, warna, sejarah dan sebagainya. Pengajaran yang menyeluruh, sistematik dan menarik serta latihan yang direka khas dapat membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar.

(B) Strategi pembelajaran

Berdasarkan keputusan ujian simpulan bahasa Cina yang diberi kepada pelajar tahun enam, terdapat 48% pelajar yang mendapat gred A, 51% pelajar mendapat gred B dan 1% pelajar yang dapat gred C. Setelah merujuk jawapan pelajar dalam borang soal selidik strategi pembelajaran bahasa, pengkaji mendapati bahawa pelajar yang mendapat keputusan yang lebih cemerlang lebih suka menggunakan strategi kognitif, sosial dan

metakognitif. Manakala pelajar yang lebih lemah lebih cenderung menggunakan strategi memori dan kompensasi ketika belajar atau menggunakan sesuatu simpulan bahasa Cina.

Dapatan kajian ini membuktikan teori kajian Oxford (1996) yang mengatakan penggunaan strategi pembelajaran bahasa adalah salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Kajian Hou (2006) dan Zamri (2006) juga mengatakan pelajar yang cemerlang berkecenderungan menggunakan pelbagai jenis strategi berbanding dengan pelajar yang lebih lemah. Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga selaras dengan teori kajian Zhu (2006) dan Jiang dan Su (2007) yang mengatakan strategi yang menekankan teknik memahami, berlatih dan menganalisis lebih sesuai digunakan dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina.

(C) Motivasi

Setelah menemu bual semua responden kajian, pengkaji dapat mengenal pasti bahawa motivasi juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar tahun enam. Secara amnya, motivasi pelajar tahun enam boleh dibahagikan kepada 2 kategori iaitu motivasi integratif dan motivasi instrumental.

Data kajian menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 66.7% pelajar yang bermotivasi instrumental dan hanya terdapat 33.3% pelajar yang bermotivasi integratif apabila dalam proses mempelajari simpulan bahasa Cina. Motivasi instrumental adalah motivasi yang berdasarkan keinginan atau tujuan pelajar untuk mendapatkan sesuatu yang praktikal atau konkrit melalui pembelajaran bahasa (Gardner, 2010). Contohnya pelajar

ingin lulus dalam ujian, meningkatkan ranking dalam kelas, mendapat pujian guru dan lain-lain. Pelajar yang bermotivasi integratif mempelajari sesuatu bahasa kerana mereka ingin mengintegrasikan diri ke dalam masyarakat bahasa sasaran, berminat terhadap budaya sesuatu bahasa, berasa seronok dan sebagainya (Gardner, 2010 dan Kamarul, 2010).

Setelah membandingkan data yang dikumpul melalui temu bual dengan guru dan pelajar serta pencapaian pelajar dalam ujian simpulan bahasa Cina, pengkaji dapat membuktikan bahawa motivasi memang menyumbang kepada penggunaan strategi pembelajaran bahasa di kalangan pelajar tahun enam (Oxford dan Nyikos, 1989). Kajian Sun (2011) juga membuktikan bahawa pelajar yang bermotivasi tinggi mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang kurang bermotivasi. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas di kalangan pelajar yang bermotivasi integratif dan motivasi instrumental.

Pelajar tahun enam yang bermotivasi integratif didapati mempelajari simpulan bahasa Cina dengan lebih menyeluruh berbanding dengan pelajar yang bermotivasi instrumental. Ini adalah kerana pelajar yang bermotivasi integratif bukan sahaja mempelajari makna dan kegunaan sesuatu simpulan bahasa Cina, mereka juga berminat untuk mempelajari budaya di sebalik sesuatu simpulan bahasa Cina (Johnson, 2008). Selain daripada itu, kajian Lü (2007) telah membuktikan bahawa pelajar yang bermotivasi integratif dapat mengekalkan usaha untuk jangka masa yang panjang. Kumpulan pelajar yang berkenaan belajar simpulan bahasa Cina adalah kerana minat dalaman mereka dan akan teruskan proses pembelajaran mereka terhadap simpulan bahasa Cina. Sebaliknya pelajar yang bermotivasi instrumental tidak akan ada keinginan untuk teruskan proses pembelajaran simpulan bahasa Cina setelah mencapai matlamat mereka.

(D) Pengaruh Media

Berdasarkan temu bual dengan pelajar tahun enam, pengkaji mendapati bahawa pelajar tahun enam juga menggunakan media untuk mempelajari simpulan bahasa Cina. Pelajar melaporkan bahawa mereka menonton ‘Astro Tutor TV’ atau mendengar rancangan pembelajaran yang disiarkan oleh radio. Selain daripada itu, pelajar tahun enam juga akan membaca bahan bacaan yang berkaitan dengan simpulan bahasa Cina untuk membantu mereka mempelajari simpulan bahasa Cina dengan lebih berkesan. Contohnya majalah ‘Zhishi Huabao’, buku cerita simpulan bahasa Cina, kamus simpulan bahasa Cina dan sebagainya.

Semua bahan media yang digunakan oleh pelajar tahun enam ini adalah bersifat pendidikan dan dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina. Dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian Mo (2001) dan Yuan (2010) yang mengatakan media adalah faktor yang mempengaruhi pelajar melakukan kesilapan dalam latihan atau ujian simpulan bahasa Cina. Jika pelajar menggunakan bahan media yang sesuai, proses pembelajaran simpulan bahasa Cina akan menjadi lebih berkesan dan minat pelajar terhadap simpulan bahasa Cina juga akan dipupuk.

5.1 Implikasi Kajian

Simpulan bahasa Cina adalah penting kerana ia adalah satu cabang bahasa yang unik dan mengandungi ringkasan budaya, kebijaksanaan dan kehidupan masyarakat Cina (Mo, 2000). Selain daripada itu, simpulan bahasa Cina juga membantu pelajar

meningkatkan tahap penguasaan bahasa, memindahkan bahasa, memupuk nilai murni dan memahami budaya sendiri (Wong, 2008).

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji bertujuan untuk menyelesaikan masalah dalam proses pembelajaran simpulan Bahasa Cina dan memberi manfaat kepada pihak yang berkenaan. Implikasi kajian ini dibahagikan kepada tiga aspek iaitu implikasi untuk pelajar, implikasi untuk pihak sekolah dan implikasi untuk Jabatan Pendidikan Malaysia.

5.2.1 Implikasi untuk Pelajar

Bahasa Cina adalah bahasa ibunda masyarakat Cina (Li, 2001). Akan tetapi, pelajar tahun enam yang merupakan penutur asli bahasa Cina masih tidak mencapai prestasi yang memuaskan dalam ujian bahasa Cina terutamanya dalam ujian UPSR. Oleh yang demikian, pengkaji berharap dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan untuk pelajar tahun enam dalam usaha mempertingkatkan prestasi mereka dalam subjek bahasa Cina.

Dapatan kajian ini menunjukkan faktor pembelajaran yang tidak menyeluruh, jenis strategi pembelajaran bahasa yang digunakan, motivasi dan pengaruh media merupakan faktor-faktor utama yang menyebabkan pencapaian pelajar tahun enam dalam peperiksaan bahasa Cina tidak memuaskan. Oleh itu, pelajar tahun enam harus mengambil beberapa langkah yang dicadangkan oleh pengkaji untuk mengatasi masalah yang wujud dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina.

Langkah pertama untuk mengatasi masalah dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina ialah pelajar harus mengubah sikap yang negatif terhadap pembelajaran

simpulan bahasa Cina. Sikap pelajar yang negatif seperti menganggap simpulan bahasa Cina susah difahami, membosankan, membebankan dan sebagainya akan menjadi penghalang pelajar untuk menguasai simpulan bahasa Cina dengan baik dan seterusnya mengurangkan motivasi pelajar untuk belajar. Sebaliknya pelajar harus mengamalkan sikap positif dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina. Para pelajar harus berasa bangga kerana bahasa ibunda mempunyai simpulan bahasa Cina yang begitu unik dan mengandungi makna yang begitu luas dan dalam. Selain itu, simpulan bahasa Cina juga mempunyai fungsi untuk memelihara budaya masyarakat Cina, memberi ajaran, meningkatkan kualiti bahasa dan lain-lain. Pelajar harus menghargai peluang ini dengan belajar bersungguh-sungguh dan mengaplikasikan simpulan bahasa Cina dalam kehidupan harian.

Langkah kedua ialah mencipta persekitaran pembelajaran simpulan bahasa Cina. Kekurangan persekitaran akan menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai simpulan bahasa Cina dengan baik. Pembelajaran simpulan bahasa Cina biasanya dihadkan dalam kelas dan peruntukan masa pengajaran juga sangat kurang (Zhu, 2006). Oleh itu, pelajar sendiri harus meluangkan lebih banyak masa untuk belajar, berlatih dan mengulangkaji simpulan bahasa Cina tidak kira di sekolah, kelas tuisyen ataupun di dalam rumah. Pelajar juga harus mencari peluang untuk menggunakan simpulan bahasa Cina dalam komunikasi harian, sering menonton rancangan televisyen, mendengar siaran radio atau membaca bahan bacaan yang bertujuan belajar simpulan bahasa Cina.

Langkah ketiga ialah pelajar harus memantau proses pembelajaran simpulan bahasa Cina sendiri mempunyai perkembangan yang memuaskan atau tidak. Pelajar patut perhatikan sama ada strategi pembelajaran bahasa yang digunakan itu sesuai dengan sendiri

dan membawa perkembangan yang memuaskan. Jika seseorang pelajar itu mendapati proses pembelajaran simpulan bahasa Cina terbantut atau merosot, pelajar harus meminta bantuan guru untuk mencadangkan cara penyelesaian yang sesuai atau mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa yang sesuai untuk sendiri. Pelajar juga boleh merujuk strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar yang mempunyai perstasi yang cemerlang untuk memperbaiki strategi pembelajaran sendiri.

5.2.2 Implikasi untuk Pengajar

Hasil kajian ini juga memberi implikasi yang penting kepada guru yang mengajar subjek bahasa Cina dari segi kaedah pengajaran, penyediaan alat bantu mengajar dan peruntukkan masa pengajaran. Analisis kajian menunjukkan bahawa kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar tahun enam dalam peperiksaan menyebabkan prestasi mereka menurun. Pengkaji berharap dengan merujuk kepada kajian ini, guru dapat menyelesaikan masalah-masalah yang menyebabkan prestasi pelajar tidak memuaskan dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina.

Kajian yang dilakukan Liu (2005) dan kajian Zhu (2006) serta data temu bual guru membuktikan bahawa peruntukkan masa pengajaran yang terhad mengakibatkan ramai guru tidak dapat mengajar simpulan bahasa Cina dengan jelas dan mendalam. Pengkaji berpendapat bahawa kekurangan penekanan oleh guru adalah satu faktor yang menghalang pelajar menguasai simpulan bahasa Cina dengan menyeluruh. Jika pelajar diberi pendedahan yang lebih mendalam terhadap budaya, analisis struktur dan kesalahan simpulan bahasa Cina, peratusan pelajar melakukan kesalahan dapat dikurangkan.

Selain daripada itu, guru juga boleh menggunakan bantuan komputer untuk mengatasi masalah kekurangan peruntukkan masa pengajaran dan juga membantu guru menjadikan suasana pembelajaran menjadi lebih menarik dan menyeronokkan. Para guru boleh menyediakan bahan pengajaran dalam bentuk perisian komputer, menggunakan lebih banyak gambar atau animasi yang menarik untuk menggantikan perkataan yang membosankan serta latihan atas talian yang membolehkan pelajar berlatih pada bila-bila masa. Guru juga boleh mencadangkan beberapa laman web yang sesuai digunakan oleh pelajar untuk mengulangkaji di rumah.

Satu lagi langkah yang penting ialah guru harus memantau proses pembelajaran pelajar dari semasa ke semasa. Jika mendapati terdapat pelajar yang masih lemah dalam menguasai dan menggunakan simpulan bahasa Cina, guru harus berbincang dengan pelajar tersebut untuk mencari masalah yang menghalang pelajar tersebut menguasai simpulan bahasa Cina dengan baik. Setelah mencari punca masalah, guru harus membimbing pelajar tersebut untuk menyelesaikan masalah seperti memberi latihan yang khas, membantu mereka memilih strategi pembelajaran yang sesuai, mengubah pandangan negatif mereka terhadap simpulan bahasa Cina, meningkatkan motivasi pembelajaran dan sebagainya.

5.2.3 Implikasi untuk Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengkaji mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia dapat memperbaiki dan mengemaskini kaedah atau teknik pengajaran serta mempertingkatkan pengetahuan para guru dengan menganjurkan kursus, bengkel atau seminar yang berkaitan sempena cuti sekolah. Selain daripada itu, pihak berkenaan juga boleh menaja guru-guru ke universiti-universiti di dalam atau di luar negara untuk menimba pengetahuan dan bertukar

pandangan dengan pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan. Dengan adanya peluang dan latihan-latihan berkaitan, guru-guru dapat memperbaiki kaedah pengajaran dengan menerapkan kaedah pengajaran daripada pakar dari dalam dan luar negara dan seterusnya memberi manfaat kepada pelajar.

Tambahan pula, pengkaji juga ingin mencadangkan agar satu sistem pembelajaran atas talian dicipta untuk membantu pembelajaran simpulan bahasa Cina. Kementerian Pendidikan Malaysia boleh mencipta satu laman web yang membolehkan pelajar belajar, berlatih dan mengulangkaji di rumah. Dengan adanya laman web yang sedemikian, guru bukan dapat mengatasi masalah peruntukkan masa pengajaran yang terhad dengan 'upload' bahan bacaan, rujukan dan latihan tambahan untuk memperkukuhkan penguasaan pelajar terhadap simpulan bahasa Cina. Selain daripada itu, sistem pembelajaran atas talian ini juga dapat menggantikan pengajaran tradisional yang membosankan dengan menggunakan lebih banyak gambar, animasi dan permainan yang dapat menarik perhatian pelajar. Proses pembelajaran yang menarik dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan juga dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina (Wang, 2011).

Sukatan pelajaran adalah asas proses pembelajaran dan juga dapat menjamin kualiti pembelajaran pelajar di sekolah (Zhu, 2006). Akan tetapi, simpulan bahasa Cina tidak diberi penekanan dalam sukatan pembelajaran bahasa Cina yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Keadaan ini akan mengakibatkan pembelajaran yang tidak menyeluruh dan seterusnya mengakibatkan pelbagai masalah wujud serta prestasi pelajar tidak dapat mencapai tahap yang memuaskan. Oleh itu, pengkaji bercadang agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menubuhkan jawatan kuasa yang khas untuk menyemak semula sukatan pengajaran bahasa Cina terutamanya terhadap pengajaran

simpulan bahasa Cina agar selaras dengan peruntukkan masa pengajaran yang terhad. Tindakan ini adalah sangat penting untuk memastikan pengajar tidak menghadapi kekangan masa dan menghabiskan sukatan pelajaran dengan mengabaikan pengajaran simpulan bahasa Cina.

Pengkaji berharap pihak berkenaan menambahkan masa pengajaran dan menyusun semula sukatan pengajaran bahasa Cina supaya masalah-masalah yang mempengaruhi keberkesanan simpulan bahasa Cina dapat diselesaikan. Dengan adanya perubahan seperti yang dicadangkan di atas, proses pembelajaran simpulan bahasa Cina akan menjadi lebih berkesan dan prestasi pelajar juga dapat ditingkatkan.

5.3 Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya

Kajian ini mempunyai batasannya kerana sampel kajian hanya terhad kepada 102 orang pelajar tahun enam di sebuah SRJK(C) di daerah Klang. Pengkaji mencadangkan kajian yang selanjutnya harus memberi perhatian kepada beberapa aspek seperti di bawah untuk memperdalamkan lagi kefahaman tentang masalah-masalah dalam proses pembelajaran simpulan bahasa Cina.

(a) Kajian ini harus dilanjutkan dengan mengambil bilangan sampel yang lebih banyak dengan memilih semua SRJK(C) di daerah Klang sebagai responden kajian.

Penggunaan bilangan sampel kajian yang lebih banyak akan menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat dan juga dapat membuat generalisasi yang lebih tepat ke atas golongan pelajar tahun enam.

(b) Menggantikan kaedah kajian kualitatif dengan kaedah kuantitatif supaya dapat membuat analisis data kajian dengan lebih teliti dan tepat.

(c) Meluaskan skop kajian dengan membuat perbandingan di antara pelajar penutur asli dan pelajar dari kumpulan etnik lain yang belajar di SRJK(C).

Dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, pengkaji berharap pelajar bahasa Cina akan dapat mempelajari dan menguasai penggunaan simpulan bahasa Cina dengan lebih baik kerana simpulan bahasa Cina menggambarkan budaya Cina dari dahulu hingga kini.

Bibliografi

- Abdul Hamid. (2006). *Makna di Sebalik Makna*. Bahasa dan Pendidikan, 6, 44- 49.
- An, L. Q. (2006). *Chengyu de Jiegou he Yuyin Tezheng 成语的结构和语音特征*. (Tesis Sarjana, Universiti Lanzhou). Diambil daripada [http:// www.cnki.net](http://www.cnki.net)
- Asmah Haji Omar. (2002). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Boyce, J. (2009). *Idioms: Further Examination of Family, Transparency and Comprehension*. (Master's Thesis). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses Database. (UMI No. 1465723)
- Chen, M. P. (2009). *Zuowen Zui Chang Xie Cuo De Zi 作文最常写错的字*. Taiwan: Hong Fanshu Wenhua Chuban.
- Chen, Y. Z. & Wu. S. H. (2010). *Improve the Detection of Improperly Used Chinese Characters in Student's Essays with Error Model*. GCCCE, 14, 213-220.
- Chengyu Cidian 成语辞典*. (2007). Malaysia: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
- Cheun, H. H. (1998). *Masalah Pembelajaran Tulisan Cina Di Kalangan Pelajar Institut Teknologi Shah Alam* (Kertas Projek Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chien, K. L. (2010). *An Overview Of Language Learning Strategies*. ARECLS, 7, 132-152.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mcgraw Hill Sdn. Bhd.
- Dai, W. S. (2003). *Chengyu Zhong de Gudai Keji 成语中的古代科技*. China: Baihua Wenyi Chubanshe.

- Ehrman, M. & Oxford, R. (1990). *Adult Language Learning Styles and Strategies in an Intensive Training Setting*. *The Modern Language Journal*, 74, 311-327.
- Feng, X. Y. (2002). *Chengyu Zhong De Wenhua Yinsu 成语中的文化因素*. *Yuyan Yanjiu*, 51, 87-91.
- Fang, M. (2009). *Changyong Chengyu Wuyong Jiexi 常用成语误用解析*. *Information on Publication*, 25, 25-26.
- Fu, I. P. (2005). *Student Approaches to Learning Chinese Vocabulary*. (Doctoral Dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses database. (UMI No. 3255277).
- Gardner, R. C. & Lambert, W. E. (1959). *Motivational Variables In Second Language Acquisition*. *Canadian journal Of Psychology*, 13, 266-272.
- Gardner, R.C. (2010). *Motivation and second Language Acquisition: The Socio-Educational Model*. New York: Peter Lang Publishing.
- Goh, C.S., Low, H. L.& Turisiana. (2010). *Engaging Learners in “i- Class” in E-Distance Learning of Mandarin Language*. *GCCCE*, 14, 289-291.
- Gurland, S. T. & Glowacky V. C. (2011). *Children’s Theories Of Motivation*. *Journal Of Experimental Child Psychology*, 110, 1-19.
- Han, Y. (2009). *Lijie Chengyu Dingyi Ji Jiegou 理解成语定义及结构*. *Read And Write Periodical*, 9, 53-57.
- Hou, C. L. (2006). *Cong Xuesheng Pianwu Jiaodu Tanta Duiwai Hanyu Zhonggao Ji Jieduan de Chengyu Jiaoxue 从学生偏误角度探讨对外汉语中高级阶段的成语教学*. (Tesis Sarjana). Universiti Fudan, China. Diambil daripada [http:// www.cnki.net](http://www.cnki.net).
- Huang, X. (2006). *Xingsheng Yifu Yu Chuantong Lei Shu Guannian 形声意符与传统类属观念*. *Journal of Guangxi Teachers Education University*, 27, 104-107.

- Ji, J.X. (2008). *Chengyu Wuyong De Ba Zhong Leixing 成语误用的八种类型*. Yuwen Tiandi, 9, 22-23.
- Jia, J. F. (2004). *Shuci Chengyu Yanjiu 数词成语研究*. (Tesis Sarjana). Inner Mongolia Normal University, China. Diambil daripada [http:// www.cnki.net](http://www.cnki.net).
- Jiang, S. & Sun, H. Z. (2007). *Chengyu Wuyong De Si Zhong Leixing Ji Duice 成语误用的四种类型及对策*. Jiaoxue Tanshuo, 5, 65.
- John, W. C. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. London: SAGE Publications.
- Johnson, B. (2008). *Motivation and Attitudes Toward Learning French in The University's Foreign Language Classroom*. (Master's Thesis). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses Database. (UMI No. 1529492)
- Jui, F. H. (2012). *Learning Chinese Characters: A Comparative Study of The Learning Strategies of Western Students and Eastern Asian Students in Taiwan*. (Master's Thesis). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses database. (UMI No. 1511006)
- Kamarul Shukri & Mohamed Amin. (2009). *Korelasi Strategi dengan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, 24, 109-123.
- Kamarul Shukri. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamus Dewan* . (2010). (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lan, R.L. (2005). *Language Learning Strategies Profiles Of EFL Elementary School Students In Taiwan*. (Doctoral Dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses database.

- Lee, I. C. (2010). *The Effect of Learning Motivation, Total Quality Teaching and Peer Assisted Learning on Study Achievement*. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 6, 56-73.
- Li, D. L. (2007). *Chengyu Jiegou He Han Minzu Shehui Wenhua Beijing 成语结构和汉族社会文化背景*. *Zhongxue Yuwen*, 03, 52.
- Li, D. N. (1994). *Chengyu yu Zhongguo Wenhua 成语与中国文化*. *Nankai Xuebao*, 06, 68-72.
- Li, F. (2001). *Hanzi De Gushi 汉字的故事*. China: Zhongguo Dangan Chuban She
- Li, L. (2009). *Shilun Duiwai Hanyu Jiaoxue zhong de Hanzi Jiaoxue Nandian Ji Celue. 试论对外汉语教学中的汉字教学难点及策略*. *Journal of Inner Mongolia Normal University*, 5, 124-126
- Lim, C. H. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Malaysia: McGraw- Hill Education.
- Lin, B. Q. (2000). *Hanyu yu Zhongguo Wenhua 汉语与中国文化*. China: Kexue Chubanshe.
- Ling, S. (2009). *Cong Waiguo Xuesheng Hanzi Shuxie Pianwu kan Xingsheng Fuyi zai Duiwai Hanyu Hanzi Jiaoxue zhong de Zuoyong 从外国学生汉字书写偏误看形声符意在对外汉语汉字教学中的作用*. *Journal of Chifeng Universiti*, 5, 118-120.
- Liu, F. Z. (2003). *Shiyong Hanyu Cihui 实用汉语词汇*. Zhongguo: Anhui Jiaoyu Chubanshe.
- Liu, J. Z. (2005). *Chengyu Jiaoxue Chunzai de Wenti 成语教学存在的问题*. *Yuwen Xuekan*, 04, 121-123.
- Liu, P. H. (1995). *Chengyu Yu Minzu Wenhua Beijing 成语与民族文化背景*. *Language and Translation*, 03, 109-115.

- Liu, S. (2003). *Xiandai Hanyu Mingci de Duo Shijiao Yanjiu* 现代汉语名词的多视角研究. China: Xuelin Chubanshe.
- Liu, S. S., & Huang, Y. W. (2010). *Reflective Learning Model of Digital Chinese Idiom Stories*. GCCCE,4, 220-227.
- Liu, X. C. (1999). *Guanyu Chengyu De Xuexi He Yunyong* 关于成语的学习和运用. Yuwen Jiaoxue Yu Yanjiu, 8, 41-42.
- Lü, X. (2007). *Motivational Orientations in Chinese Learning: Heritage and Non Heritage College Students in The United States*. (Doctoral Dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses database. (UMI No. 3291581)
- Luo, H. Y. (2000). *Xiandai Hanyu Yufa* 现代汉语语法. Malaysia: Penerbitan Seni Hijau Sdn. Bhd.
- Maya Khelmi. (2006). *Budaya Dalam Bahasa*. Bahasa Dan Pendidikan, 6, 34-38.
- Mo, P. L. (1997). *Chengyu Biyu De Wenhua Toushi* 成语比喻的文化透视. Journal Of Changzhou Industrial Technology College, 10, 25-30.
- Mo, P. L. (2000). *Shilun Chengyu De Wenhua Yanjiu* 试论成语的文化研究. Journal Of Yangzhou University, 4, 38-43.
- Mo, P. L. (2001). *Hanyu Chengyu Yu Han Wenhua* 汉语成语与汉文化. Nanjing: Jiangsu Jiaoyu Chubanshe.
- Mohamad Shahidan. (2006). *Simpulan Bahasa Memperindah Makna*. Pelita Bahasa, 18, 24-25.
- Nall, T. M. (2009). *An Analysis Of Chinese Four- Character idioms Containing Numbers*. (Doctoral Dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses database. (UMI No. 3389987)

- Neo, K. S. (2011). *Bahasa Cina dan Budaya Tionghua*. Malaysia: Univision Press Sdn. Bhd.
- Ng, M. L. (2006). *Analisis Kesilapan Penulisan Karangan Bahasa Cina Pelajar Tingkatan Empat*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- O' Malley, J. M. & Chamot, A. U. (1995). *Learning Strategies In Second Language*. United States Of Amerika: Cambridge University Press.
- Oxford, R. L. & Nyikos, M. (1989). *Variables Affecting Choice of Language Learning Strategies by University Students*. *Modern Language Journal*, 73, 291-300.
- Oxford, R. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York: Newbury House.
- Oxford, R. L. (1996). *Language Learning Strategies Around the World: Cross-cultural Perspectives*. Honolulu: University of Hawaii.
- Oxford, R.L. (2003). *Language Learning Strategies: An Overview*. (Doctoral Dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses database.
- Puteri Roslina. (1994). *Bahasa dan Kognisi: Pemikiran dan Budaya dalam Bahasa Tersirat*. *Jurnal Dewan Bahasa*, 38, 320-329.
- Ran, M. Z. (2008). *Yi Ci Duoyi Xianxiang de Renshi Jiedu 一词多义现象的认识解读*. *Journal of Chongqing Jiaotong University*, 06, 124-126.
- Rong, Y. J. (2007). *Chengyu Wuyong Yuanyin Tanwei ji Chang Wuyong Chengyu Shuli 成语误用原因探微及常误用成语梳理*. *Da Yuwen Luntan*, 5, 85-86.
- Roselan Baki. (2003). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.

- Rovai, A. P., Ponton, M. K., Wighting, M. K. & Baker, J.D. (2007). *A Comparative Analysis of Student Motivation in Traditional Classroom and E-learning Courses*. International Journal of Elearning, 6, 413-432. Retrieved from ProQuest Education Journals.
- Smith, L. J. (2009). *Motivation and Long- term Language Achievement: Understanding Motivation to Persist in Foreign Language Learning*. (Doctoral Dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses database. (UMI No. 3391418)
- Song, Y. J. (2003). *Shi Yong Han Zi 实用汉字*. Hefei: Anhui Jiaoyu Chubanshe.
- Sun, X. P. (2011). *Motivations, Beliefs and Chinese Language Learning*. (Master's Thesis). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses Database.
- Tan, K. (2010). *Lun Chengyu de Wenhua Gongneng 论成语的文化功能*. Journal of Changzhou Institute of Technology, 03, 61-63.
- Tao, Y. K. (2002). *Shixi Hanyu Sizige Chengyu de Leixing ji qi Shiyi Fangshi 试析汉语四字格的类型及释义方式*. Academic Research, 9, 130-137.
- Tengku Azeezeen. (2008). *Unsur Haiwan dalam Peribahasa Melayu dan Cina: Satu Perbandingan*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Malaysia.
- Tian, S. Q. (2002). *Chengyu Jiaoxue Zhong de Jige Wenti 成语教学中的几个问题*. Jurnal of Dalian Nationalities University, 4, 87-88.
- Wang, F. (2011). *Hanyu Di'er Yuyan Xuexizhe Chengyu Xuexi Pianwu Fenxi ji Jiaoxue Duice Chutan 汉语第二语言学习者成语学习偏误分析及教学对策初谈*. (Tesis Sarjana). Shoudu Shifan Daxue, China. Diambil daripada [http:// www.cnki.net](http://www.cnki.net).
- Wang, G. A. (2003). *Hanyu Ciyu De Wenhua Toushi 汉语词语的文化透视*. Shanghai: Hanyu Da Cidian Chubanshe.
- Wang, L. (2009). *Shilun Zhong Xi Wenhua Zhong Yanse Ciyu de Xiangzheng Yiyi 试论中西文化中颜色词语的象征*. Shangye Wenhua, 02, 110-111.

- Wang, X. H. (2009). *Qiantan Di Nianji de Chengyu Jiaoxue* 浅谈低年级的成语教学. *Xin Kecheng*, 06, 145.
- Wang, X. L. (2008). *Zhong Xiao Xue Hanyu Chengyu Jiaoxue Yanjiu* 中小学汉语成语教学研究. *Zhongguo: Shandong Shifan Daxue*.
- Xiandai Hanyu Cidian* 现代汉语词典. (6th ed.).(2012).Beijing: Shangwu Yinshu Guan.
- Xiang, Y. H. (2000). *Jilei Wuqu- Chengyu Jiaoxue Guanjian* 积累误区_成语教学管见. *Zhongxue Yuwen Jiaoxue*, 11, 39-40.
- Xiao, Y. (2009). *Qianshu Hanyu Chengyu Yuyi de Fazhan Yanbian* 浅述汉语语义的发展演变. *Journal of Language and Literature Studies*, 14, 133-135.
- Xie, Q. Y. (2007). *Contrast Study of English and Chinese Idioms in the Background of Cross- culture*. *Cross-culture Communication*, 03, 53-56.
- Xing, H. B. (2007). *Xiandai Hanzi Tezheng Fenxi yu Jisuan Yanjiu* 现代汉字特征分析与计算研究. Beijing: The Commercial Press.
- Yang, W. (2004). *Hanyu Chengyu Yu Minzu Wenhua* 汉语成语与民族文化. *The Science Of Publishing*, 47, 65-66.
- Yi, J. X. (2008). *Chengyu Wuyong de Bazhong Leixing* 成语误用的八中类型. *Zhongguo: Ciyu Xiuyang*.
- Yin, D. R. (2005). *Ruhe Jianshao Chengyu Shiyong Cuowu* 如何减少成语使用错误. *Yuwen Tiandi*, 5, 23.
- Yuan, S. (2010). *Chengyu Wuyong Ju Yu* 成语误用举隅. *Zhongguo: Yuyan Xuexi*.
- Zaitul Asma. (2004). *Unsur Budaya Dalam Bahasa Melayu*. *Dewan Bahasa*, 4, 36-41.

- Zamri Mohamad. (2006). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Pelbagai Etnik Bukan Melayu*. Jurnal Pendidikan, 26, 115-132.
- Zhang, C. J. (2003). *Chengyu Zhong de Gudai Wenhua Zhishi 成语中的古代文化知识*. Yuwen Zhishi, 01, 26-28. Diambil daripada [http:// www.cnki.net](http://www.cnki.net).
- Zhang, N. (2012). *Hanyu Chengyu De Wenhua Yinsu Yanjiu Ji Qi Jiaoxue Celiue 汉语成语的文化因素研究及其教学策略*. (Tesis Sarjana). Heilong Jiang Daxue, China. Diambil daripada [http:// www.cnki.net](http://www.cnki.net).
- Zhang, R. Q. (2007). *Jichu Zuowen Chengyu Zirantong 基础作文成语自然通*. Taiwan: Pinguowu Chubanshe.
- Zhang, S. Q. (2010). *Qianxi Xiaoxue Chengyu Jiaoxue De Yiyi He Fangfa 浅析小学成语教学的意义和方法*. Journal of Language and Literature Studies, 06, 142.
- Zhang, Y. P. (2004). *Putong Hua yu Hanzi Guifan 普通话与汉字规范*. China: Shandong Jiaoyu Chubanshe.
- Zhang, Y. J. (2009). *A Kaleidoscope of Chinese Culture*. China: Sinolingua.
- Zhao, H. M. (1992). *Chengyu Yi Ci Yuanliu Kao 成语一词源流考*. Research In Ancient Chinese Language, 03, 60-66.
- Zheng, S. (2002). *Hanyu Chengyu yu Han Minzhu Wenhua 汉语成语与汉民族文化*. Journal of Zhejiang Normal University, 03, 35-38.
- Zhu, X. M. (2006). *Lun Xinjiapo Xiaoxue de Huawen Chengyu Jiaoxue 论新加坡小学的华文成语教学*. (Tesis Sarjana). Universiti Jinan, China. Diambil daripada [http:// www.cnki.net](http://www.cnki.net).
- Zhuo, Y. Z. (2010). *Adaptive Interactive Game-Based Idioms Solitaire System*. GCCCE, 14, 297-299.

LAMPIRAN 1: Borang Soal Selidik Strategi Pembelajaran Bahasa

Soal Selidik Strategi Pembelajaran Simpulan Bahasa Cina

Para pelajar yang disayangi:

Saya sedang menjalankan satu kajian tentang strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar tahun 6 di SRJK (C) ketika mempelajari simpulan bahasa Cina. Jawapan anda merupakan rujukan yang amat bernilai untuk mepertingkatkan keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina.

Pelajar diminta membaca soal selidik ini dengan teliti sebelum memberi jawapan kepada setiap soalan di dalamnya. Sila tandakan ‘√’ pada kurungan yang dianggap sesuai. Jawapan yang anda beri adalah sulit.

Terima kasih atas bantuan anda.

Bahagian A : Latar belakang

Nama sekolah anda: _____

1. Nama pelajar : _____

2. Jantina : _____

3. Umur : _____

4. Sudah berapa lama anda mempelajari simpulan bahasa Cina?

5. Berapa jam anda gunakan dalam sehari untuk simpulan bahasa Cina?

Bahagian B: Strategi pembelajaran bahasa

Arahan: Pelajar diminta untuk menandakan (√) dalam petak yang anda rasa paling sesuai digunakan untuk menggambarkan strategi pembelajaran anda.

Strategi (1)

No.	Strategi-strategi yang digunakan	Selalu	Biasa	Kadang-kadang	Tidak pernah
1.	Saya menggunakan imej / gambaran untuk mengingati sesuatu simpulan bahasa Cina.				
2.	Saya menggunakan 'flashcards' untuk mengingati sesuatu simpulan bahasa Cina.				
3.	Saya selalu mengulangkaji simpulan bahasa Cina yang telah dipelajari.				
4.	Saya membuat pengelasan simpulan bahasa Cina.				
5.	Saya gunakan simpulan bahasa Cina dalam bentuk ayat supaya saya mudah ingat.				

Strategi (2)

No.	Strategi-strategi yang digunakan	Selalu	Biasa	Kadang-kadang	Tidak pernah
1.	Saya menyebut / menulis simpulan bahasa Cina yang telah dipelajari beberapa kali.				
2.	Saya membuat nota ketika mempelajari simpulan bahasa Cina.				
3.	Saya membaca buku atau menonton rancangan TV yang berkaitan dengan simpulan bahasa Cina.				
4.	Saya guna kamus untuk fahami makna sesuatu simpulan bahasa Cina.				
5.	Saya menganalisis makna atau komponen simpulan bahasa Cina.				

Strategi (3)

No.	Strategi-strategi yang digunakan	Selalu	Biasa	Kadang-kadang	Tidak pernah
1.	Saya meneka makna simpulan bahasa Cina yang saya tidak faham berdasarkan makna literalnya.				
2.	Saya membaca seluruh ayat / artikel yang mengandungi simpulan bahasa Cina untuk mendapatkan maknanya.				
3.	Saya mendapatkan bantuan jika saya tidak faham makna sesuatu simpulan bahasa Cina.				
4.	Saya membina perkataan baru (sesuka hati) jika tidak dapat mengingati sesuatu simpulan bahasa Cina dengan tepat.				
5.	Saya akan menggunakan simpulan bahasa Cina yang lebih kurang sama maknanya apabila tidak ingat simpulan bahasa Cina yang tepat untuk menyampaikan maksud saya.				

Strategi (4)

No.	Strategi-strategi yang digunakan	Selalu	Biasa	Kadang-kadang	Tidak pernah
1.	Saya menumpukan perhatian ketika guru mengajar simpulan bahasa Cina.				
2.	Saya merangka jadual untuk mempelajari simpulan bahasa Cina.				
3.	Saya sentiasa memantau pencapaian saya.				
4.	Saya sentiasa mencari peluang untuk berlatih simpulan bahasa Cina yang telah dipelajari.				
5.	Saya akan menganalisis kesilapan saya dan cuba untuk tidak berulang lagi.				

Strategi (5)

No.	Strategi-strategi yang digunakan	Selalu	Biasa	Kadang-kadang	Tidak pernah
1.	Saya cuba menenangkan diri apabila saya takut menggunakan simpulan bahasa Cina.				
2.	Saya selalu menggalakkan diri untuk menggunakan simpulan bahasa Cina.				
3.	Saya memberi ganjaran kepada sendiri jika mendapat pencapaian yang baik.				
4.	Saya menulis catatan diari pembelajaran simpulan bahasa Cina.				
5.	Saya meluahkan perasaan saya apabila mempelajari simpulan bahasa Cina kepada orang lain.				

Strategi (6)

No.	Strategi-strategi yang digunakan	Selalu	Biasa	Kadang-kadang	Tidak pernah
1.	Saya meminta guru / kawan menjelaskan makna simpulan bahasa Cina yang saya tidak faham.				
2.	Saya meminta guru / kawan untuk membetulkan kesilapan saya.				
3.	Saya berlatih penggunaan simpulan bahasa Cina dengan kawan / adik-beradik.				
4.	Saya berminat dan rela belajar budaya di sebalik simpulan bahasa Cina.				
5.	Saya akan meminta bantuan kawan jika menghadapi masalah ketika membuat latihan simpulan bahasa Cina.				

** TAMAT**

LAMPIRAN 2: Soalan Temuduga Guru

1. Latar belakang guru: nama, umur, jantina
2. Pengalaman anda dalam mengajar bahasa Mandarin ialah?
3. Pada pandangan anda, adakah simpulan bahasa Cina penting? Sebab?
4. Bagaimana pelajar merancang pembelajaran simpulan bahasa Cina mereka?
5. Pelajar guna berapa jam untuk mempelajari simpulan bahasa Cina?
6. Pelajar belajar berapa rangkap simpulan bahasa Cina dalam kelas
berdasarkan silabus pembelajaran bahasa Mandarin?
7. Adakah silabus pembelajaran yang sedia sesuai / cukup baik? Cadangan?
8. Apakah teknik / strategi yang biasa digunakan oleh pelajar ketika belajar
simpulan bahasa Cina?
9. Latihan / bahan rujukan yang digunakan oleh pelajar ialah?
10. Pada pandangan anda, apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa
mempelajari simpulan bahasa Cina?
11. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran
simpulan bahasa Cina?
12. Adakah pelajar rela / berminat mempelajari simpulan bahasa Cina?
13. Apakah motivasi yang mendorong pelajar untuk mempelajari simpulan bahasa Cina?
14. Adakah pelajar rasa simpulan bahasa Cina adalah satu topic yang sangat penting?
15. Adakah media memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan
pembelajaran simpulan bahasa Cina?
16. Apakah jenis media yang dipilih oleh pelajar? Adakah ia membantu pelajar?
17. Pada pendapat anda, apakah cara-cara / strategi-strategi yang berkesan dalam
meningkatkan keberkesanan pembelajaran simpulan bahasa Cina di kalangan pelajar?

LAMPIRAN 3: Soalan Temuduga Pelajar

1. Latar belakang pelajar: nama, umur, jantina
2. Adakah suka simpulan bahasa Cina? sebab?
3. Apakah itu simpulan bahasa Cina?
4. Adakah pembelajaran simpulan bahasa Cina membawa manfaat kepada anda? Sila nyatakan jika ada.
5. Adakah simpulan bahasa Cina patut dimasukkan ke dalam silabus pembelajaran bahasa Mandarin? Sebab?
6. Bagaimana anda merancang pembelajaran simpulan bahasa Cina?
7. Biasanya anda mempelajari berapa rangkap simpulan bahasa Cina dalam kelas / rumah?
8. Apakah teknik / strategi yang biasa digunakan ketika belajar simpulan bahasa Cina? Sebab?
9. Latihan / bahan rujukan yang digunakan ialah? Sebab?
10. Jumlah masa yang digunakan untuk belajar simpulan bahasa Cina ialah?
11. Adakah bilangan simpulan bahasa Cina dalam silabus pembelajaran mencukupi?
12. Apakah masalah-masalah yang dihadapi apabila mempelajari simpulan bahasa Cina / dalam ujian?
13. Apakah jenis kesalahan yang kerap dilakukan dalam latihan / ujian?
14. Apakah motivasi yang mendorong anda untuk mempelajari simpulan bahasa Cina?
15. Jenis bahan rujukan yang digunakan selain daripada buku teks / latihan sekolah ialah?
17. Apakah cara / strategi yang digunakan apabila anda menghadapi masalah dalam pembelajaran simpulan bahasa Cina?
18. Pada pandangan anda, apakah cara yang berkesan dalam mempertingkatkan prestasi anda?